

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Isnin

27 Ogos 2018

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH DUA BELAS ORANG AHLI	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mengalu-alukan Pelantikan Ahli-ahli Baharu	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018	(Halaman 25)
Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018	(Halaman 51)

**Perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar disambung pada 12 September 2018*

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 27 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH DUA BELAS ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh
2. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop
3. Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying
4. Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff
5. Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu

■1010

6. Yang Berhormat Tuan Md Nasir bin Hashim
7. Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang
8. Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong
9. Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind
10. Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad
11. Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd Hamid
12. Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

■1020

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail kerana dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam pentadbiran kerajaan yang baharu... [Tepuk]

Seterusnya saya mengalu-alukan 12 orang Ahli baharu pada pagi ini.

Pelantikan empat orang Ahli adalah mengikut Perkara 45(1)(a), Perlembagaan Persekutuan. Mereka ialah Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, dan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, pilihan Dewan Undangan Negeri Perak.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff dari pilihan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Dua orang Ahli adalah lantikan mengikut Perkara 45(1)(aa) Perlembagaan Persekutuan iaitu Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Manakala enam orang Ahli baharu adalah lantikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 45(1)(b) Perlembagaan Persekutuan iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Md. Nasir bin Hashim; Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang; Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong; Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid; dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, demokrasi merupakan konsep yang indah. Ia perlu dibina atas sifat keperibadian yang tinggi disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional.

Adalah menjadi harapan saya agar Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu ini akan mematuhi ikrar taat setia seperti mana yang dilafazkan sebentar tadi terutamanya kepada prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara yang menekankan antara lain keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, serta keperibadian mulia yang menjiwai amalan Raja Berperlembagaan, dan Demokrasi Berparlimen.

Selanjutnya saya juga percaya bahawa pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi ini sebagai Ahli Dewan Negara akan membantu ke arah memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah tindakan Kerajaan yang akan dapat mengekang rakyat daripada terlibat dengan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana soalan itu.

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin pada 29 Ogos tahun ini; Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee pada 3 September 2018; dan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun pada 4 September 2018, kerana soalannya saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tegas berpendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi sepenuhnya selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Perkahwinan pada usia muda atau terlalu muda jelas bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan wajar dielakkan. Kementerian menolak sama sekali perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak pada usia yang terlalu muda lebih-lebih lagi dengan pasangan dewasa.

Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami ataupun isteri dan seterusnya menanggung tanggungjawab penjagaan anak sebagai ibu bapa atas bahu mereka. Jika mereka belum bersedia dengan tanggungjawab berat ini, dikhuatiri ia membuka lebih ruang berlaku perceraian pada usia muda dan masalah-masalah sosial yang lain.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), bagi pasangan Muslim, jumlah permohonan perkahwinan bawah umur 18 tahun bagi lelaki dan bawah 16 tahun bagi perempuan bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2017 mencatatkan sebanyak 5,362 permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah permohonan. Kalau hendakkan yang perkahwinan itu di Mahkamah Syariah daftarnya.

Manakala dalam pasangan bukan Muslim, rekod Jabatan Pendaftaran Negara bagi perkahwinan bawah umur 18 tahun mencatatkan sebanyak 2,367 perkahwinan bagi tempoh yang sama. Ini adalah yang berkahwin.

Dalam memastikan kanak-kanak tidak tercicir dalam sistem pendidikan negara, kerajaan sentiasa menggalakkan semua murid meneruskan persekolahan mereka di peringkat menengah sebelum berkahwin. Hal yang sedemikian adalah bagi memastikan agar murid dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah di samping mengembangkan potensi murid mengikut keupayaan mereka.

Kerajaan tidak pernah menafikan hak kanak-kanak yang telah berkahwin di bawah umur untuk meneruskan persekolahan. Pengekalan bersekolah kanak-kanak adalah mengikut kohort umur kanak-kanak tersebut dan bukannya mengikut status perkahwinan kanak-kanak itu.

Satu inisiatif khusus juga telah diwujudkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu peningkatan akses daripada peringkat pra sekolah hingga menengah atas yang bertujuan untuk menangani masalah keciciran di sekolah. Satu modul intervensi juga disediakan bagi panduan kepada guru untuk menjalankan program intervensi bagi murid berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekang perkahwinan bawah umur ini kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut, kepentingan program kesedaran dalam pendidikan kesihatan produktif. Berdasarkan kepada tinjauan ringkas berhubung dengan perkahwinan kanak-kanak yang telah dijalankan oleh UNICEF pada tahun ini fokus yang perlu diutamakan adalah meningkatkan kesedaran ibu bapa dan masyarakat terhadap kesan negatif perkahwinan kanak-kanak. Perkahwinan pada usia muda menafikan hak kesihatan, hak pendidikan, hak keselamatan dan perkembangan diri mereka.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara Keluarga (LPPKN) dan pemegang taruh iaitu *stakeholders*, dengan izin, yang berkaitan telah melaksanakan pendidikan kesihatan reproduktif iaitu *sex education* di bawah Program

Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Pekerti sebagai tambahan kepada apa yang diajar di sekolah. Melalui program ini kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan akan lebih memahami tentang reproduktif masing-masing lalu tidak terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral yang boleh menyebabkan dijangkiti penyakit-penyakit jangkitan seksual STD seperti HIV, AIDS, *sifilis*, *gonorea* dan lain-lain.

Pembasmian kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup. Salah satu ciri perkahwinan bawah umur di negara ini adalah mereka dari latar belakang keluarga yang bukan sahaja berpendidikan rendah tetapi juga berpendapatan rendah. Kerajaan akan pastikan kerjasama erat antara agensi berkaitan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf pendidikan dan taraf hidup komuniti terutamanya di luar bandar dan memberi peluang pemerksaan ekonomi untuk memastikan keluarga tidak memilih mengahwinkan anak-anak mereka bagi meringankan keluarga. Kerajaan juga berpandangan bahawa lebih wajar ibu bapa menyedari betapa pentingnya pendidikan melalui pengajaran dan pembelajaran sebagai persediaan menempuh alam dewasa.

Pelaksanaan secara perundangan iaitu menaikkan had umur minimum kepada 18 tahun. Dalam merangka penyelesaian jangka panjang terhadap perkahwinan bawah umur, kerajaan akan melakukan usaha untuk menetapkan had umur minimum bagi perkahwinan di dalam semua perundangan kepada 18 tahun. Ia akan melibatkan undang-undang seperti Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Enakmen Ordinan Undang-undang Keluarga Islam di Negeri-negeri, Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976, Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1962 di Sabah dan pelbagai Undang-undang Adat Kaum Peribumi di Sarawak.

Memandangkan Malaysia mempunyai adat dan budaya yang tersendiri mengikut kaum dan kepercayaan, perundingan akan diadakan bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie bagi memastikan pandangan semua pihak di ambil kira dalam penetapan had minimum umur ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui kementerian sedang merancang beberapa siri perundingan untuk menetapkan had minimum perkahwinan seperti berikut. Pertama, bagi perkahwinan Muslim, perjumpaan bersama Jabatan Peguam Negara, JKSM, dan Majlis Agama Islam setiap negeri.

Kedua, bagi perkahwinan adat peribumi di Sabah dan Sarawak, perjumpaan bersama wakil-wakil adat dan Majlis Adat Sabah dan Sarawak. Ketiga, bagi perkahwinan bukan Muslim perjumpaan bersama JPN, *AG Chambers* dan wakil-wakil agama dan keempat bagi perkahwinan adat Orang Asli, perbincangan lanjut bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Selain daripada itu, kerajaan juga sedang mengkaji implikasi dari segi perundangan dan sosial sekiranya had umur minimum dinaikkan ke 18 tahun. Kita pun mahu jika implikasinya ditangani bersama. Kerajaan ini amat penting dalam menentukan sama ada pindaan yang akan dibuat adalah *total ban* ataupun dengan pengecualian tertentu. Contohnya, sekiranya *total ban* dikuatkuasakan dan terdapat kes kanak-kanak yang berkahwin dan perkahwinan tersebut tidak dapat didaftarkan, kanak-kanak tersebut terutamanya kanak-kanak perempuan tidak akan mempunyai perlindungan di bawah undang-undang bagi keganasan rumah tangga, hak nafkah dan harta sepencarian dan sebagainya.

Dalam hal ini kerajaan perlu juga mengambil kira isu-isu sosial yang berkaitan dengan gejala seks di bawah umur. Antaranya ialah kehamilan luar nikah dan kelahiran anak tidak sah taraf. Jadi buat masa ini memandangkan perkahwinan bawah umur dibenarkan dari segi perundangan bagi perkahwinan dalam kalangan Muslim, bukan Muslim dan mengikut adat, kerajaan melalui JKSM telah menggubal satu garis panduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk memperketat kelulusan permohonan perkahwinan bawah umur oleh hakim syarie supaya wajib mengambil kira kepentingan kanak-kanak yang terlibat terutamanya dari aspek kesihatan, pendidikan dan sosioekonomi. Pengukuhan proses pentadbiran ini juga boleh dipertimbangkan bagi perkahwinan bawah umur di kalangan bukan Muslim. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Amat Berhormat di atas jawapan yang begitu panjang lebar dan saya faham yang baru-baru ini Yang Amat Berhormat- UNICEF atau *United Nations* telah pun membuat kajian di 118 buah negara, dan didapati sebanyak 700 pasangan wanita yang berkahwin di bawah had umur, dan dalam 700 itu 250 juta kahwin bawah umur 15 tahun. Daripada statistik yang diberi itu Yang Amat Berhormat, menunjukkan bahawa negara Islamlah yang paling banyak sekali berkahwin di bawah umur ini, dan negara-negara miskin seperti mana Yang Amat Berhormat sebutkan tadi.

Soalan saya Yang Amat Berhormat, apakah cara kita hendak mengimbangi di antara agama dengan undang-undang yang ada sekarang. Oleh kerana di kampung-kampung sudah pun, ada cakap-cakap yang menyatakan bahawa *we cannot fix*, dengan izin, 18 tahun kerana undang-undang agama kita membenarkan sekiranya ibu bapa ataupun *authorities* membenarkannya.

Soalan saya Yang Amat Berhormat, bagaimanakah kita hendak mengimbangi kedua-dua kedudukan ini, dan juga saya hendak bertanya, apa yang berlaku kepada Nur Fariza Saad yang umur 12 tahun yang berkahwin dengan Mohd Fahmi bin Mahamad, di Kedah? Adakah mereka ini sudah bercerai?

Apa yang berlaku kepada Che Abdul Karim bin Che Ahmad di Kelantan yang berkahwin dengan Mas Ariyu Rashid yang berumur 11 tahun? Apakah yang telah terjadi kepada mereka ini?

Adakah kita mempunyai statistik berapa banyak perceraian yang berlaku di bawah perkahwinan kanak-kanak ini? Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator yang telah menanyakan, bagaimana kita hendak mengimbangi antara apa yang dikatakan dalam undang-undang Islam dan juga bagaimana kita hendak naikkan had perkahwinan minimum umurnya. Memanglah kita ada perbincangan kerana dikatakan bahawa dalam Islam dibenarkan tetapi apa yang boleh dikirakan kita melihat bagaimana ada, juga pertikaian tentang had umur Sayidatina Aishah semasa berkahwin dengan Nabi Muhammad SAW, itu yang dibuatkan sebagai asas untuk perkahwinan bawah umur ini.

Kita tidak mahu masuk dalam bab itu untuk berbincang dengan, dalam sebab saya bukan orang yang pendidikan syarie. Akan tetapi apa yang kita hendakkan supaya dijagakannya dan melihat bagaimana *welfare*, kebajikan kanak-kanak perempuan ataupun kanak-kanak lelaki dijaga supaya mereka- hak kanak-kanak itu berkembang, maju dan juga mendapatkan segala kebaikan daripada segi kesihatan, sosioekonomi, dan yang lain itu terjaga dan terjamin. Itu yang kita hendakkan buat satu undang-undang. Apabila kita hendak membuat undang-undang ini kita mesti ambil *stakeholders* juga yang mengatakan kalau Islam itu membolehkan, kita mesti juga melihat dan berbincang dengan mereka.

■1040

Namun, apa yang penting adalah, asas bagaimana Islam hendakkan semua dijaga dengan baik. Kalau anak-anak itu dieksploitasi, itu yang kita menentang. Islam juga mesti menentang mana-mana orang yang dieksploitasi. Kalau ini adalah masalah kemiskinan, kita tangani masalah kemiskinan. Ini yang kita hendakkan.

Pada segi syarie, pada segi undang-undang mesti kita ambil kira juga dan berunding. Itu penting tetapi pada segi keseluruhannya, kebaikan anak-anak itu. Katalah Yang Berhormat anak ataupun cucu kita seorang perempuan, itu yang kita fikirkan bagaimana hendak menanganinya supaya mereka- ya lah kita, *alhamdulillah*. Kita mempunyai pendidikan, mempunyai peluang, berikan sekolah apa semua tetapi kepada mereka yang di pedalaman, tidak ada pendidikan, kita mesti menangani masalah keseluruhannya baru kita buat satu undang-undang. Akan tetapi sekarang ini had minimum itu kerana menjaga kepentingan anak-anak yang terlibat.

Hal kes yang di Kedah itu saya ambil maklum dan saya akan tengok bagaimana dan saya akan berikan jawapan secara bertulis sebab saya tidak ada faktanya, yang Che Abdul Karim dan Ayu itu yang telah diuar-uarkan, besar itu. Sekarang ini kita jaga kepentingan budak Ayu itu yang dikatakan 11 tahun. Dia adalah warganegara Thailand, dan Kerajaan Thailand telah mengambil kebajikan kanak-kanak itu. Dipeliharanya, diletaknya dan juga dengan kebajikan emak atau ibu bapanya sebab dia pergi tak boleh dipisahkan. Ibu bapanya dan juga Ayu sendiri sekarang ini di bawah jagaan Kerajaan Thailand.

Yang Che Abdul Karim itu, apa-apa itu, kalau ada dakwaan terhadap beliau kerana telah berkahwin dan tidak berdaftar apa semua, saya telah pergi hantar kepada AG Chambers. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan lisan kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tanya soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya bersetuju dengan Timbalan Perdana Menteri tadi mengatakan tentang kita hendak menaikkan had minimum kepada 18 tahun kerana pada hari ini sebenarnya, kita lihat orang Islam ini dia mempunyai sedikit salah faham berkaitan dengan umur baligh, 16 tahun itu- sebenarnya berkaitan dengan umur baligh. Baligh ini maknanya daripada sudut kematangan badan, fisiologi.

Akan tetapi dalam Islam, ada lagi satu istilah yang kita kena ambil kira iaitu umur *rusyd* iaitu umur matang. Bagaimana seorang kanak-kanak itu apabila sampai umur 18 tahun, boleh membuat keputusan yang baik dalam kehidupan dia. Jadi, 18 tahun itu kalau tengok dalam-kami di Kelantan, kami sudah buat Dasar Kanak-kanak Fitrah, Kelantan, dan kami meletakkan umur minimum bagi perempuan adalah 18 tahun kerana mengambil kira faktor umur *rusyd* bukan umur baligh. Itu respons pertamalah.

Soalan saya, soalan tambahan saya adalah, berkaitan dengan bagi orang Islam untuk berkahwin di bawah umur perlu melalui Mahkamah Syariah. Jadi apakah parameter syariah yang dilakukan di peringkat Mahkamah Syariah, dan adakah berlaku keseragaman prosedur di peringkat negeri-negeri?

Satu lagi juga, kami ingin mencadangkan supaya perlu ada juga *screening* daripada sudut mental dan psikologi sebab syariah ini bermaksud kemampuan sesuatu pasangan itu untuk memasuki alam perkahwinan. Jadi bukan bermaksud halal dan haram semata-mata. Itu berkaitan dengan kanak-kanak Islam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Bagi kanak-kanak bukan Islam pula, sebenarnya saya sendiri apabila berdepan dengan mereka, saya tidak mempunyai panduan yang jelas bagaimana untuk memberi nasihat kepada kanak-kanak bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cadangan semua boleh masuk dalam Titah Diraja.

Puan Asmak binti Husin: Soalan saya ialah, apakah ada garis panduan bagi kanak-kanak bukan Islam contohnya saya bila berdepan dengan mereka, apakah nasihat yang patut saya bagi kepada pasangan bukan Islam apabila hendak memasuki alam perkahwinan seperti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah memberitahu bahawa setakat ini Peguam Negara dengan Majlis Agama sedang berbincang tetapi kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak menjawab juga, silakan.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul kita tengah berbincang, jadi saya tak dapat memberikan jawapan sekarang ini. Akan tetapi yang mana yang dikatakan Mahkamah Syariah itu terpulang kepada hakim dan saya difahamkan bahawa kadang-kadang ada masalah yang berlainan. Mungkin sudah terlanjur apa semua, jadi itu yang dikatakan oleh hakim syarie.

Yang bukan Islam, itu terpulang di Sabah, Sarawak atas dasar Ketua Menteri. SOP itu belum, kita hendakkan perketatkan. Terima kasih atas cadangan-cadangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana turut menjawab soalan lisan saya berkenaan dengan *child marriage* ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar tadi penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga hujah daripada Senator Suhaimi ada menyebut tentang *child marriage* ini *to the extent of the age of 11* tahun, dan juga 15 tahun. Ada banyak kesan-kesan perkahwinan ini di mana perceraian di peringkat umur yang sangat muda.

Soalan saya kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah inisiatif kerajaan untuk membantu ibu-ibu muda ini sebab mereka ialah di awal umur 11 tahun, 15 tahun yang saya kira baya-baya anak kita semua tetapi sekiranya ibu muda ini mengandung dan melahirkan anak, apakah inisiatif kerajaan untuk membantu ibu muda ini, itu satu.

Kedua, sekiranya perkahwinan itu gagal dan juga bercerai di kala usia yang lagi muda, apakah langkah-langkah kerajaan dapat membantu ibu-ibu muda ini sama ada yang kahwin di usia yang muda ataupun golongan-golongan yang berhadapan dengan *early pregnancy* ataupun mengandung di awal usia akibat daripada gejala sosial. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan berkenaan dengan golongan kanak-kanak ataupun ibu muda?

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang kahwin dan akhirnya dia mengandung, dan akhirnya mempunyai anak di dalam usia yang muda, maknanya dua-dualah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Silakan Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana soalan itu.

Memanglah kita hendakkan satunya untuk *prevent*, tidak sampai ke tahap itu apabila mereka terlanjur dan menjadi ibu pada usia yang muda. Akan tetapi tempat-tempat yang untuk kita menjaga ini adalah satu stigma juga Tuan Yang di-Pertua, sebab bila ada ibu-ibu muda ini, kalau keperluan akan membantu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ada sikit kewangan dan kalau sekiranya layak dan juga kaunseling kepada mereka ini.

Yang lain itu adalah NGO-NGO yang saya tahu apabila terlanjur, ada rumah-rumah perlindungan mereka dan kita ambil mereka untuk melahirkan dan selepas itu dipujuk balik ibu bapa ini, katalah tidak berkahwin dan di luar nikah itu, satunya kita pujuk ibu bapa untuk menerima balik padahal macam dikatakan baka mereka. Satu lagi apabila mereka memerlukan *adoption* ataupun mengambil anak angkat, kita tolong mereka.

Namun ini juga dipandang sebagai macam galakan untuk gejala sosial ini berlaku. Tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya cuba hendak meringankan bebanannya. Kalau tidak, mereka merempat di mana-mana, ini supaya kita menjaga mereka. Namun apa yang saya katakan pada mula-mulanya adalah *prevention*. Kalau boleh, kita tidaklah mahu ini berlaku sampaikan tahap mengandung, sampaikan tahap anak tidak setara, sampaikan ada masalah-masalah lain.

Oleh sebab itulah kita hendakkan hadkan minimum 18 tahun. Apa-apa yang kurang daripada itu seperti Yang Berhormat telah katakan, *maturity* bukan sahaja daripada segi baligh, fisiologi dan anatomi tetapi juga dengan sikap dan pembawaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Dewan yang mulia ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana sudi menjawab soalan yang sensitif sendiri.

Dato' Sri Ti Lian Ker: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

2. Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin minta Perdana Menteri menyatakan, apakah sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bagi memenuhi kuota 30 peratus wanita di peringkat pengurusan tertinggi kerajaan atau badan berkanun, ahli lembaga pengarah syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Negara.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin di atas soalan nombor 2.

Sebelum saya jawab, izinkan saya menyatakan bahawa Pakatan Harapan, kita membuat sejarah dalam negara kita apabila kali pertama dalam sejarah, Malaysia mempunyai Timbalan Perdana Menteri seorang wanita... [*Dewan tepuk*]

■1050

Soalan berkenaan daripada Dato' Fahariyah- saya berterima kasihlah kerana ini soalan daripada Ketua Puteri UMNO, memang baguslah soalan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun mencapai sasaran 30 peratus penyertaan wanita di peringkat membuat dasar bagi sektor awam dengan pencapaian terkini hampir 36 peratus daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi kerajaan adalah wanita. Bagi keahlian Lembaga Pengarah syarikat pelaburan kerajaan dan badan berkanun pula, pendekatan telah diambil untuk menggalakkan kepelbagaian tenaga dari segi kepakaran, jantina, etnik dan umur.

Di samping itu, usaha bersepadu juga sedang giat dilaksanakan dengan mengenal pasti calon-calon yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang yang diperlukan seperti perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran yang berkaitan dengan syarikat atau industri di mana syarikat beroperasi dan lain-lain kemahiran berkaitan dengan syarikat untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah.

Dalam hal ini, *Malaysian Directors Academy* (MINDA), dan *Non-Aligned Movement, Institute for the Empowerment of Women* (NIEW) juga telah bersetuju untuk berkongsi *Women Directors' Programme Registry* bagi membolehkan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)

mendapatkan calon-calon wanita yang bersesuaian untuk cadangan pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat MKD.

Sementara itu, pelantikan Ahli Dewan Negara adalah seperti mana termaktub dalam Perkara 45(1), ataupun Perkara 45, subartikel (1), dan (2), Perlembagaan Persekutuan di mana mereka yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang ataupun mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli. Dengan lain perkataan, *gender free*. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan.

Saya juga hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya bukan Ketua Puteri. Saya sudah lebih umur Puteri sudah, saya sudah lebih emak Puteri sudah ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Rupa macam Puteri *kot*.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Pakai *colour pink* agaknya, mungkin *kot*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan syarat 30 peratus ini, yang dibuat secara penetapan *statutory* sebagaimana KPKT menetapkan bantuan kewangan kepada PBT hanya akan disalurkan jika PBT mematuhi ketetapan lantikan 30 peratus kuota wanita? Maknanya, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan ia sebagai satu penetapan *statutory* meletakkan 30 peratus wanita.

Soalan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan dan agensi berkaitan bercadang untuk mereformasi semua siri perundangan negara, yang mana ada akta atau peraturan yang menetapkan keanggotaan sesuatu majlis negara seperti Majlis Keselamatan Negara, Majlis Profesor Negara atau keanggotaan tribunal atau jawatankuasa *statutory* bagi menepati sasaran 30 peratus ini dapat dilaksanakan? Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Farahiyah di atas soalan tadi. Saya harap maklumat tentang Ketua Puteri UMNO itu dibetulkan dalam *website* ya supaya tulis yang terbaharulah. Saya ambil yang lama.

Berkaitan dengan soalan tambahan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa soalannya lebih daripada satu itu. Sepatutnya melanggar *standing orders* ini. Akan tetapi tidak apalah, saya akan cuba jawab setakat yang mampu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya tentang keperluan *statutory* itu iaitu 30 peratus- *statutory* maknanya ada akan dijadikan undang-undang lah. Saya hendak beritahu bahawa setakat ini memang belum ada lagi keputusanlah tetapi saya rasa itu cadangan yang baik. Mungkin akan difikirkan oleh pihak kerajaan Pakatan Harapan. Cuma sekarang ini kita sibuk sedang melakukan perkara-perkara yang kita rasa kita hendak cuba laksanakan apa yang dijanjikan dalam manifesto dulu.

Jadi perkara-perkara yang dibincangkan ataupun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator akan diambil kira dan akan dibawa ke pihak yang berkenaan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Begitu juga dengan soalan yang kedua, yang berkaitan dengan soalan tambahan iaitu tentang contohnya- sama jugalah berkaitan dengan perlu meletakkan satu peruntukan perundangan. Ini juga saya kata tadi bahawa perkara ini memerlukan satu kajian yang mendalam. Sebab jadi undang-undang ini, kita risau kalau tidak dilaksanakan nanti ia akan menyebabkan mungkin akan diambil tindakan dan sebagainya.

Jadi sebelum kita mengambil apa-apa tindakan, kita akan memastikan bahawa segala kepentingan pihak-pihak yang terlibat akan diambil kira. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasihlah di atas keprihatinan Dato' Farahiyah di atas isu ini dan saya akan cuba melebarkan lagi pandangan beliau kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah kementerian dalam konteks Dasar Keselamatan Makanan Negara bagi memastikan stok makanan asas mencukupi, serta sejauh manakah kebolehan kita untuk mengeluarkan produk makanan asas dalam negara agar tidak bergantung terus dengan bekalan makanan import dari luar negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kawan lama saya, *long time no see*, dan terima kasih kepada Dr. Lucas, Yang Berhormat yang mengajukan soalan.

Apabila kita bercakap tentang sekuriti makanan ini, ada empat komponen yang mesti kita pastikan. Pertama adalah tentang *availability*, keupayaan kita untuk menyediakan kecukupan makanan itu. Kedua adalah tentang ia mesti boleh diakses. Maknanya, rakyat mesti dapat untuk membeli keperluan makanan yang ada itu. Ketiga adalah tentang keselamatan dan juga kualiti, tentang *safety* dan juga *nutrition* itu, rakyat mesti dapat makanan yang selamat, yang berkualiti. Akhir sekali ialah tentang *stability*, kestabilan pada bila-bila masa rakyat boleh dapat ataupun membeli makanan yang diperlukan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita menduduki tangga yang ke 41 iaitu daripada indeks jaminan bekalan makanan global, dengan izin, *Global Food Security Index* yang dikeluarkan pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah berupaya untuk menyediakan tentang beberapa komoditi penting supaya dalam apa juga keadaan yang berlaku dalam negara kita, kita memiliki kecukupan makanan ini. Izinkan saya menyatakan tentang daging ayam atau itik daripada segi SSL, kita mencapai 103.3 peratus, ikan kita mencapai 94.7 peratus, buah-buahan 79.1 peratus, beras 71.4 peratus, sayur-sayuran 48.3 peratus, daging lembu atau kerbau 23.4 peratus. Kita dalam membaca indeks ini, maknanya sebahagiannya kita hasilkan melalui keupayaan, kekuatan sektor pertanian kita, makna kita tidak perlu mengimport. Akan tetapi sebahagiannya kita masih lagi perlu mengimport untuk mencukupkan indeks ini supaya dalam apa keadaan sekalipun, negara kita mengalami kecukupan makanan.

Oleh itu langkah-langkah yang telah kita cuba sebaik mungkin adalah untuk kita memperluaskan ataupun, dengan izin, *expand* Jelapang Padi kita. Selain di bawah penguatkuasaan KADA dan MADA, maka ada empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud sebagai Jelapang Padi negara yang baharu. Ini kita harapkan dari segi unjuran dengan keupayaan kita mencapai teknologi baru, memperkenalkan varieti baru yang kita pelajar daripada negara yang maju, maka kita mengharapkan tahap sara diri ataupun SSL kita mencapai 80 peratus menjelang 2020.

■1100

Ini hasrat kita. Kalau kita tidak mencapai atau meletakkan unjuran ini, nanti kita bimbang kita tidak akan ke mana-mana.

Kemudian kita akan meningkatkan populasi dari segi ternakan dominan. Saya sudah sebut walaupun projek NFC itu gagal tetapi kegagalan itu tidak bermakna kita tidak boleh, dengan izin, *move forward*. Ada banyak tanah satelit yang hari ini kita sedang tawarkan, di samping kepada *local players*, dengan izin, kita juga akan menjemput pemain-pemain ataupun pelabur-pelabur asing yang kompeten untuk menyertai supaya kita dapat mencapai tahap untuk kita membekalkan daging tempatan sebanyak 30 peratus.

Kemudian kita melaksanakan beberapa projek agromakanan yang punya potensi dalam bidang seperti akuakultur, rumpai laut dan juga sarang burung walet. Ini ialah satu potensi yang sangat besar. Dalam lawatan kami baru-baru ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China, kita akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan produk-produk kita ini dapat menembusi pasaran China yang sangat berpotensi itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum mengajukan soalan tambahan, saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan Bekas Pelajar Sekolah-sekolah Tamil Parlimen Pagoh dan diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini... [*Tepuk*]

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak. Sebelum itu saya mengucapkan terima kasih banyak atas penjelasan yang begitu komprehensif dan mudah difahami dalam Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan saya, bagaimana kerajaan meningkatkan teknologi dalam industri beras serta memulihkan segala masalah birokrasi berkaitan bekalan beras termasuk memikirkan untuk meningkatkan bajet dan subsidi kepada golongan pesawah dan petani serta adakah kerajaan telah menubuhkan bank DNA makanan negara untuk keselamatan di masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas yang juga bertanya soalan yang sangat penting. Kerajaan di bawah kementerian ini, kita sedang mengkaji dengan teliti tentang beras yang merupakan bukan sekadar makanan ruji tetapi potensi untuk kita jadikan sebagai satu yang dikatakan *stockpile*. *Our iron stockpile*, dengan izin. Kalau boleh kita tidak bergantung kepada import tetapi saya mahu menjadi Menteri yang praktikal yang berpijak di bumi nyata.

Kalau dalam tempoh tiga empat tahun kita boleh meningkat kepada 80 peratus pengeluaran padi tempatan, ini sudah cukup untuk kita bergerak dengan pantas ke arah memastikan kita punya kecukupan beras. Dalam dialog dengan satu sektor pertanian di China baru-baru ini, kami diberitahu tahap ketahanan *stockpile* beras mereka adalah dua tahun. Dua tahun, Yang Berhormat, dan ini sudah barang pasti satu kajian tentang teknologi baharu penyimpanan bahan ini mesti kita ambil kira. Sedangkan negara kita ini, *our iron stockpile* hanya mampu bertahan 22 hari sahaja. Thailand sudah pergi kepada enam bulan dan ada negara ASEAN sudah pergi kepada 11 bulan.

Yang Berhormat bertanyakan soalan yang sangat penting. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk memastikan keupayaan kita untuk mengambil dan mempraktikkan teknologi baharu ini sangat penting. Oleh itu, antara langkah-langkah yang boleh saya beritahu pada hari ini ialah bagaimana kementerian sekarang sedang berunding dengan serius dengan pihak Universiti Putra Malaysia. Saya tidak mahu lagi berkonfrontasi ataupun mahu menukar nama 'Putra' itu kepada 'pertanian'. Tidak usah bicara tentang itu. Kita mahu mengembalikan *niche*, dengan izin, ataupun objektif asal UPM untuk memandu dan memacu negara kita ke arah menjadi sebuah negara Malaysia yang mengamalkan pertanian moden.

Kalau kita mengkaji tentang potensi dengan kecekapan di Jepun, di Korea Selatan, di China, ada empat atau lima universiti yang memang menjadi universiti yang memandu petani. Di Indonesia, Universiti Gadjah Mada. Di Thailand ada dua universiti yang memang benar-benar fokus kepada pertanian.

Oleh itu, saya mengharapkan supaya dengan satu kerjasama yang erat antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dan UPM, saya yakin dan percaya bahawa masa depan sektor pertanian dalam negara kita akan dapat kita tingkatkan dan UPM akan menjadi benar-benar sebuah universiti yang terkenal, *insya-Allah*, di persada antarabangsa dan tempatan dalam memandu sektor ini.

Akhir sekali, ingin saya menyatakan di sini bahawa, dalam kita mengunjurkan masa depan sekuriti makanan kita, yang paling penting bagi saya adalah bagaimana kita harus dengan cepat membawa teknologi baharu ini. Kita masih ketinggalan dari segi, dengan contoh, *soil profiling*. Bagaimana tanah-tanah yang telah ditanam dengan padi ini tidak disuburkan kembali dengan teknologi yang terkini. *Variety* padi kita walaupun dengan usaha MARDI dianggap terbaik tetapi sekarang ini telah lahir lagi *variety-variety* yang terancang di Tanah Besar China, di Taiwan dan seumpamanya. Semua ini harus kita pelajari dengan cepat dan, *insya-Allah*, kementerian akan sentiasa berfikir, merancang dan, *insya-Allah*, cuba memacu pertanian ini untuk kepentingan bersama pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya beralih sedikit dari beras kepada ikan. Kalau kita tengok dari segi perbekalan ikan, satu kegiatan yang memberi *effect* sekurang-kurangnya tiga komponen dari segi *availability*, *accessibility* dan kualiti makanan ialah kegiatan di mana sebahagian besar ikan yang ditangkap di perairan negara kita ini tidak didaratkan di sini. Ia *traded* di laut mungkin kepada Vietnam dan sebagainya. Apakah langkah-langkah kementerian, mungkin bekerjasama dengan lain-lain kementerian untuk mengurangkan kejadian macam ini? Saya tahu susah tetapi untuk mengawal keadaan macam ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan itu. Ada dua aspek yang mesti kita perhatikan. Pertama, tentang *strength* kementerian sendiri yang saya mesti akui bahawa LKIM pada masa akan datang mesti memastikan jeti-jeti kita mesti *up to date*, dengan izin. Ada beberapa jeti kita yang saya perhatikan walaupun baru tiga bulan berada di kementerian ini, mesti mencukupkan fasiliti mereka.

Kalau kita tidak ada dermaga untuk memperbaiki bot, tidak ada kepakaran teknologi tinggi untuk membaiki enjin-enjin ataupun kapal-kapal yang rosak, *vessel-vessel* yang masuk, tidak ada *homestay* untuk kelasi-kelasi ini berehat, ini sudah barang pasti tidak menggamit *vessel-vessel* ini untuk mendaratkan ikan mereka di pelabuhan kita. Bila mereka masuk,

mereka sering kali mengatakan dengan volum ikan yang banyak itu, mereka tidak mendapat harga yang kompetitif.

Kedua, kita kena *upgrade* jeti-jeti kita supaya kita dapat mendaratkan hasil tangkapan kita. Ada jeti-jeti yang boleh saya sebut yang telah mencapai tahap yang membanggakan seperti yang saya lawat di salah sebuah di Kuching, Sarawak dan juga ada jeti LKIM di Terengganu yang saya lihat memang berpotensi tetapi masih banyak lagi yang perlu ditingkatkan.

Ketiga, tentang penguatkuasaan. Kita ada maritim kita tetapi secara jujurnya, kekuatan maritim kita belum mencapai tahap yang membanggakan kerana keluasan pantai kita dan juga kelengkapan mereka dan aset mereka masih perlu ditingkatkan.

■1110

Ini memerlukan bajet yang besar dan kapal-kapal ini mereka suka *trading* tengah laut. Jual diesel, mereka jual ikan dan berlaku penyeludupan yang merugikan negara. Jadi, daripada aspek dalaman dari segi kementerian, saya akui ada perkara yang mesti diperbetulkan dan ada yang berkaitan dengan kementerian yang lain seperti JPM, APM yang kita perlu tingkatkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Boleh saya tanya satu soalan mengenai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani? Saya hendak alihkan pertanyaan saya kepada pengimportan lembu. Seperti yang kita sedia maklum, kaum Muslim baru-baru ini telah meraikan Hari Raya Haji iaitu hari korban. Kita mengimport beribu-ribu sedangkan lembu daripada negara luar sedangkan padang ragut di negara kita saya rasa banyak terbiar.

Saya hendak tanya, apakah rancangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu pada masa depan untuk menambahkan pembidaan lembu masa depan untuk mengurangkan pengimport lembu daripada negara luar? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan untuk tambah. Saya bangga dengan Yang Berhormat walaupun seorang yang mungkin bukan Islam tetapi bercakap tentang keperluan korban lembu. Saya rasa ini satu budaya yang baik, kita saling semakin memahami dan Dewan Negara dan Dewan Parlimen ini menjadi semakin matang. Terima kasih.

Untuk saya menjawab soalan itu, memang kita terpaksa mengimport kerana kekuatan kita hanya 30 peratus keperluan daging tempatan, 70 peratus masih lagi kita perlu import. Oleh itu Yang Berhormat, kita sedang merancang beberapa tanah-tanah, termasuk saya sebut tadi, tanah-tanah satelit yang kita kenal pasti, yang sekarang kementerian sedang kenal pasti pemain-pemain, mereka-mereka yang ingin benar-benar berminat, termasuklah baru-

baru ini dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun. Jepun hari ini telah mula mengizinkan daging-daging mereka ataupun lembu-lembu mereka di eksport keluar.

Jadi, ini antara perkara yang sedang kita fikirkan dengan cermat supaya pemain-pemain tempatan yang telah pun berminat dan mengusahakan aktiviti ternakan lembu ini sama ada tenusu ataupun daging dengan kita mahu mempercepatkan proses pembekalan daging ini dengan pemain-pemain luar negara yang benar-benar berkompeten dan profesional, yang ini menjadi *booster*. Jadi, kombinasi di antara pelaburan luar dengan kecekapan pemain-pemain tempatan ini akan kita sinergikan untuk kita pastikan kita dapat mencapai matlamat, paling tidak pun kita dapat membekalkan 30 peratus bekalan daging tempatan pada masa akan datang. Terima kasih.

4. Datuk Jamilah Sulaiman minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan menilai semula Dasar Pendidikan Tahfiz Negara bagi meningkatkan prestasi sekolah tahfiz dan memperbaiki pentadbiran yang sedia ada terutama daripada aspek bantuan kewangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Datuk Jamilah Sulaiman yang bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini sangat komited dan mengambil berat perkembangan pendidikan tahfiz dan akan meneruskan pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dengan kerjasama agensi agama negeri dan akan dinilai dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan.

Dasar ini merupakan usaha penyelarasan pengurusan pendidikan tahfiz iaitu penghafazan al-Quran di Malaysia yang seragam dengan mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan dan peraturan-peraturan sedia ada di negeri-negeri. Ia bertujuan untuk dijadikan garis panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama, termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedia berkuat kuasa di negeri berkenaan.

Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran I, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini berkenaan dengan status Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini. Majlis Raja-Raja telah pun mengambil maklum berkenaan dengan DPTN ini pada bulan Oktober 2017. Saya juga ingin memaklumkan Dewan bahawa di peringkat DUN, Dewan Undangan Negeri Melaka telah pun

meluluskan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini di peringkat DUN Melaka. Negeri-negeri lain perlu juga meluluskan di peringkat DUN masing-masing.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah untuk memperbaiki pentadbiran yang sedia ada, terutama dari aspek bantuan kewangan. Ada lima teras dalam DPTN ini yang akan dilaksanakan yang merupakan garis panduan.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, ialah memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan. Pengurusan pendidikan tahfiz di Malaysia akan dikukuhkan dan dimantapkan di sudut undang-undang yang melibatkan aspek kawalan dan penaziran. Teras yang kedua, memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf. Konsep penubuhan dan operasi institusi pendidikan tahfiz pada hari ini melibatkan pelbagai model dan bentuk pelaksanaan. Antara contoh model tahfiz yang terdapat di Malaysia ialah tahfiz integrasi akademik, tahfiz sains, tahfiz sepenuh masa, tahfiz agama dan tahfiz pemulihan akhlak. Sudah tiba masanya penyeragaman model pendidikan tahfiz perlu dilaksanakan. DPTN akan menyediakan konsep dan model pelaksanaan pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pendidikan tinggi dan pendidikan sepanjang hayat.

Teras yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana. Berdasarkan model DPTN yang akan dilaksanakan, kurikulum pendidikan tahfiz akan dibangunkan dengan mengambil kira keperluan mengintegrasikan kurikulum tahfiz dengan subjek teras kurikulum perdana, keperluan kemahiran teknikal dan industri. DPTN akan memberi perhatian terhadap hala tuju dan masa depan pelajar dalam memberi sumbangan kepada pembangunan ummah dan negara.

Teras yang keempat, memperkasa tadbir urus institusi tahfiz. Kewujudan institusi pendidikan tahfiz pada hari ini adalah inisiatif pelbagai pihak sama ada kerajaan, NGO atau persendirian. Pengurusan oleh pelbagai pihak ini mempamerkan kepelbagaian bentuk urus tadbir. Bagi institusi pendidikan tahfiz di bawah kerajaan, pengurusannya adalah lebih tersusun, manakala institusi di bawah NGO dan persendirian, kebanyakannya sangat daif dan memerlukan perhatian.

Oleh itu, DPTN akan menggariskan strategi penambahbaikan premis, infrastruktur, sumber manusia, kebajikan dan kompetensi guru-guru. Teras yang kelima, mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz. Lulusan daripada institusi tahfiz tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya daripada mana-mana pihak yang berautoriti. Sudah tiba masanya pendidikan tahfiz diberi pengiktirafan sama seperti pendidikan arus perdana. DPTN akan memberi penekanan kepada kewujudan Badan Pengiktirafan Pendidikan Tahfiz secara

berpusat. Sistem pengiktirafan ini akan turut mengambil kira laluan khusus penghafaz al-Quran yang mempunyai kerjaya dalam bidang tahfiz yang tidak ada kelayakan akademik.

Jadi, itulah cara bagaimana kita akan memberi garis panduan dan kita akan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah tahfiz.

Bantuan kewangan pula Tuan Yang di-Pertua, selalunya bantuan kewangan ini akan diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri sekiranya sekolah tahfiz itu berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri. Di Kelantan, ia perlu berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan. Apabila berdaftar, bolehlah mereka memohon peruntukan daripada Majlis Agama Islam Negeri. Akan tetapi kebanyakan sekolah-sekolah tahfiz juga mengutip derma untuk membantu kewangan mereka. Saya kira memang masyarakat Malaysia berjiwa besar dan suka memberi bantuan kepada sekolah-sekolah tahfiz.

Namun, amat penting apabila kita memberi sumbangan, kita memastikan bahawa sekolah-sekolah tahfiz ini berdaftar. Ini kerana sekiranya mereka tidak berdaftar, ada kemungkinan mereka tidak menepati syarat dari sudut kesihatan, keselamatan, syarat bomba, PBT dan sebagainya. Ini boleh menimbulkan masalah dan dari sudut keselamatan pelajar-pelajar terutamanya.

■1120

Jadi, penting bagi orang ramai untuk memahami keadaan ini dan membantu kita menjalankan garis panduan yang kita tetapkan. Setakat itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kerajaan tidak memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tahfiz secara terus?

Puan Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi, sekolah-sekolah tahfiz di bawah kawal selia majlis agama negeri. Jadi, memang ada bantuan daripada pihak kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan negeri.

Puan Fuziah binti Salleh: Pihak kerajaan negeri. Akan tetapi, ia bukan sesuatu yang selaras dan inilah sesuatu yang kita harus lihat dalam masa ke hadapan. Terima kasih.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan. Namun saya ingin bertanya, sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak ada fakta ataupun jumlah itu, bolehlah membuat jawapan dalam bertulis.

Saya ingin mengetahui, adakah kesemua madrasah dan maahad tahfiz yang terdapat di seluruh negara telah berdaftar dengan JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing? Setakat ini, berapakah jumlah yang telah berdaftar dan berapakah yang masih belum didaftarkan? Ini kerana terlalu banyak kes-kes kejadian yang tidak begitu baik terhadap

madrasah ataupun maahad tahfiz ini. Seperti Yang Berhormat katakan tadi, ini adalah untuk keselamatan pelajar dan sekolah yang lebih terjamin.

Keduanya, selain daripada itu, adakah kerajaan melakukan pemantauan yang secukupnya terhadap sekolah-sekolah tahfiz ataupun madrasah bagi mengelak penularan ideologi penganas dan ajaran sesat? Sekian, terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana di atas soalan tadi. Ya, kita sama-sama amat prihatin berkenaan dengan isu keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan data dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) yang diselaraskan oleh JAKIM sehingga Januari 2016 dan seterusnya, terdapat 28 buah sekolah tahfiz negeri yang berdaftar dengan bilangan pelajar seramai 6,506 orang dan 547 buah sekolah tahfiz swasta dengan bilangan pelajar 36,736 orang yang berdaftar.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat yang tidak berdaftar kerana sekolah tahfiz ini, kita ada enakmen kawalan tetapi kita tidak ada garis panduan yang kuat untuk mengawal selia pusat-pusat tahfiz ini daripada dibuka. Kita hanya boleh mengawal mereka sekiranya mereka berdaftar. Sekiranya mereka tidak berdaftar, maka kita tidak boleh mengawal selia mereka. Jadi, terlalu banyak. Seperti yang saya katakan tadi, saya ada data ini dan saya akan kongsi dengan Yang Berhormat Senator. Saya akan berkongsi pecahan-pecahan statistik maahad dan kolej tahfiz sehingga tahun 2018 nanti dalam bentuk bertulis.

Jadi, adakah kerajaan negeri mampu untuk menguatkuasakan? Jawapannya, setakat ini belum mampu. Ini kerana masyarakat kita agak sensitif berkenaan dengan sekolah tahfiz. Kalau kita tutup sekolah tahfiz, mereka kata kita melaksanakan sesuatu yang tidak baik kerana ini adalah untuk pendidikan anak-anak kita.

Namun demi kebaikan anak-anak kita juga, saya ingin menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini untuk sampaikan kepada masyarakat di luar sana bahawa amat penting untuk berdaftar. Ini kerana sekiranya tidak berdaftar, kita tidak boleh pastikan dari sudut keselamatan. Kita tidak boleh hendak pastikan dari sudut urus tadbir, kurikulum, kawal selia dan sebagainya serta kita pun tidak tahu sama ada kutipan derma itu sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukannya.

Jadi, kita tidak ada cukup tenaga untuk mengawal selia, menguatkuasakan dan sebagainya. Kita tidak ada mekanisme untuk mengawal apabila orang ramai hendak bagi, orang ramai boleh bagi macam itu sahaja. Setakat ini, itu kelemahan yang harus kita tengok dan memang saya akui keselamatan anak-anak nombor satu. Seperti yang kita lihat apa yang berlaku, kebakaran besar di Keramat baru-baru ini, memang tidak berdaftar. Tidak berdaftar dan memang merisaukan kita kerana keadaan itu berterusan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Saya ada satu soalan tambahan. Sesuai dengan al-Quran sebagai Kalamullah Yang Maha Agung, sebagai perlembagaan universal seluruh alam dan insan dan sesuai dengan hasrat dan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan Islam berdasarkan al-Quran dan hadis sahih, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan tahfiz sebagai satu aliran rasmi di sekolah-sekolah kerajaan sebagaimana sekali ada aliran sains dan sebagainya?

Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan tahfiz ini salah satu daripada aliran yang ada di sekolah-sekolah menengah kerajaan supaya ia menjadi satu pilihan kepada ibu bapa yang berminat di aliran ini?

Soalan kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan Fakulti Tahfiz Al-Quran dan Ilmu Wahyu di universiti-universiti awam bagi melahirkan lebih ramai para huffaz kontemporari yang memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan insan dan kemajuan negara? Sekian, terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tadi Yang Berhormat Senator, sebenarnya memang soalan untuk Kementerian Pendidikan, bukan soalan untuk Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi daripada pihak kami di Jabatan Perdana Menteri, kami komited untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah tahfiz ini dapat kita selaraskan dengan arus perdana pendidikan. Maksudnya, pelajar-pelajar yang pergi ke sekolah tahfiz, kita hendak bantu dari sudut dasarnya supaya mereka tidak ketinggalan.

Sekiranya mereka masuk ke sekolah tahfiz pada umur muda, pada sekolah rendah, kelayakan itu membolehkan mereka masuk ke sekolah menengah. Sekiranya mereka mengikuti pendidikan tahfiz sehingga Tingkatan 5, kita juga hendak pastikan bahawa mereka tidak ketinggalan sekiranya mereka hendak masuk universiti. Daripada pihak kami, itulah yang kami sedang lakukan dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Akan tetapi soalan-soalan Yang Berhormat Senator tadi, saya kira wajar dijawab oleh Menteri Pendidikan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Sebelum saya buat soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah dilantik sebagai seorang Timbalan Menteri yang melibatkan diri dalam JAKIM dan urusan-urusan Islam yang lain.

Soalan saya mudah sahaja, setelah soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa juga dua soalan yang penting. Saya mengucapkan terima kasih

sebenarnya kepada Timbalan Perdana Menteri yang lalu, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah mengemukakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.

Cuma saya melihat, apakah JAKIM sekarang ini bertanggungjawab, mempunyai mekanisme yang cukup untuk menjamin bahawa Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang baik ini bukan sahaja dari segi aspek keselamatan dan sebagainya, pendaftaran, tetapi yang lebih penting ialah dari segi *supervision*, dengan izin, kurikulumnya supaya orang-orang yang belajar dalam tahfiz ini dapat menepati apa yang kita kehendaki. Adakah masa diberikan, katakanlah lima tahun oleh JAKIM, untuk melihat bahawa dasar ini diterima oleh semua pihak termasuk yang di bawah kawalan kerajaan dan juga di peringkat swasta? Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor. Tuan Yang di-Pertua, pihak JAKIM akan cuba sedaya upaya untuk memastikan bahawa ada kawal selia dan sebagainya.

■1130

Saya sebenarnya apabila mengambil alih portfolio ini melihat antara tugas utama ialah untuk menyediakan *task force*- *task force* khas untuk tahfiz, dan juga *task force* khas untuk KAFA, sebab terlalu banyak yang perlu dilakukan. Masalah, saya tak suka bercerita tentang masalah.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua apabila pelaksanaannya kita serah kepada kerajaan negeri, ya apabila pelaksanaannya diserahkan kepada kerajaan negeri, pengawalseliaannya oleh JAKIM itu, ia sekali lagi tertakluk kepada pelaksanaan di bawah kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam Negeri.

Perlu ada satu mekanisme untuk melihat kepada pengawalseliaan ini, penaziran dan pensijilan, terlalu banyak yang perlu dilihat. Ini antara cadangannya, saya baru masuk ke pejabat dalam sebulan lebih. Ini antara cadangan-cadangan yang akan saya lihat secara khusus, memang di bawah Timbalan Menteri. Memang kita bahagi-bahagikan tugas ini dan kita akan melihat kepada *task force* khusus yang akan ditubuhkan. Yang Berhormat Senator juga boleh terlibat sama di dalam memberi pandangan-pandangan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah status sebenar individu yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri di Malaysia. Ini kerana sebelum PRU14, YB Menteri Tenaga Manusia berkata, seramai 300,000 penduduk India di Malaysia tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Berapakah jumlah sebenarnya penduduk India yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, dan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara bertanggungjawab mendaftar rekod berkaitan urusan dokumen pengenalan diri, kelahiran, kematian, perkahwinan dan penceraian bagi yang bukan beragama Islam. Namun begitu, Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai rekod bagi individu yang tidak tampil mengemukakan permohonan dokumen pengenalan diri yang bersesuaian dengan kelayakan mereka.

Berhubung dengan dakwaan terdapat 300,000 orang penduduk India di Malaysia tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, suka saya nyatakan di sini bahawa dimaklumkan bahawa sehingga 30 Mei 2018, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 3,853 permohonan kewarganegaraan daripada individu berketurunan India. Dalam hal ini sebanyak 1,638 permohonan telah pun diselesaikan manakala baki 2,215 permohonan masih dalam proses.

Dalam usaha untuk menangani isu dokumen pengenalan diri ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara melalui inisiatif berterusan seperti berikut, yakni program turun padang, *outreach* program, unit *mobile*, dan bas *mobile*. Terima kasih.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, terima kasih kepada Yang Berhormat atas penjelasan yang diberi.

Soalan tambahan saya ialah sebagaimana yang diketahui umum dalam PRU14 Pakatan Harapan telah heboh dengan mendakwa bahawa terdapat 300,000 orang di kalangan masyarakat India yang tidak mempunyai kad pengenalan diri. Dakwaan ini telah menimbulkan persepsi negatif terhadap kepimpinan Barisan Nasional sehingga menjadi salah satu faktor penolakan masyarakat India terhadap Barisan Nasional. Sehubungan dengan itu, kami hendak tahu, dari manakah Pakatan Harapan memperoleh data tersebut. Mengapa pula tiba-tiba angka yang didakwa berubah sekali dengan nilai yang jauh lebih kecil.

Okey, yang mana apa yang saya tahu cuma dia kata 3,000 lebih sahaja, sebelum ini dia kata, heboh-heboh kata ,“300,000”, “300,000”, “300,000”. Saya hendak tahu penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu bukan statistik dari Kementerian Dalam Negeri. Itu terpulang kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Tuan Yang di-Pertua, memang bukan statistik tetapi yang dikeluarkan adalah Menteri sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat memang saya faham soalan. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua nyatakan tadi ini merupakan soalan yang tidak melibatkan kementerian sebenarnya dari sudut kebenaran dia. Apa yang disebutkan, saya faham.

Ahli Yang Berhormat berkenaan telah nyatakan sebelum pilihan raya merupakan satu angka yang diambil daripada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang pada masa itu. Jadi *of course* angka itu tidak *accurate* dan tidak benar, dan hari ini saya berada di dalam Dewan Negara ini menyatakan jumlah sebenar berkenaan dengan status *undocumented*, dengan izin masyarakat suku kaum India yang ada di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup untuk soalan-soalan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri kewangan.

11.36 pg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan rang undang-undang yang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2018 bagi memperuntukkan jumlah wang ini untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pengantikan semula peruntukan perbelanjaan tahun 2018 dibentangkan menurut perkara 100, dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap

peruntukan perbelanjaan kementerian yang disusun semula selaras dengan penyusunan semula fungsi kementerian yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Langkah penyusunan dan penggunaan semula ini memenuhi matlamat pentadbiran Pakatan Harapan untuk mereformasi institusi negara dengan menambah baik sistem semak dan imbang- *check and balance*, yang sedia ada bagi menghalang penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan harta rakyat daripada berlaku secara berleluasa di masa hadapan. Penyusunan ini akan menggalakkan kerjasama antara sektor awam, sektor swasta, sektor profesional dan juga rakyat.

Apa yang ditakrifkan sebagai kerjasama atau perkongsian 4P iaitu "*Public*", "*Private*", "*profesional*", and "*People*", untuk mengatasi dan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat dan pada masa yang sama, bersama-sama untuk membangunkan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan Persekutuan akan menerusi kerjasama 4P ini menegah pendapat rancangan dari pelbagai lapisan masyarakat dalam memastikan kesejahteraan rakyat akan terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang jangka masa panjang, golongan belia mempunyai peranan penting dalam membangunkan negara. Dalam konteks ini Kerajaan Persekutuan telah memutuskan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Biro Tatanegara dimansuhkan dan digantikan dengan program baru yang dapat membentuk belia di masa depan yang berwawasan dan tinggi nilai jati dirinya.

Penambahbaikan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan yang ingin mengangkat suara anak muda dalam Malaysia baru. Ini akan direalisasikan dengan cadangan juga untuk menurunkan umur mengundi. Terdapat dua kementerian baru yang diwujudkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian-kementerian ini telah diberi kod maksud bekalan baru dalam rang undang-undang ini iaitu B.15 dan B.26 masing-masing.

■1140

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah digabungkan menjadi Kementerian Pendidikan tetapi mengekalkan Maksud B.63 – Pendidikan, dan B.64 – Pendidikan Tinggi.

Manakala B.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah dibubarkan dengan fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain.

Kementerian-kementerian yang telah disusun semula fungsinya dan diberi nama baharu adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua:

- (i) B.20 – Kementerian Industri Utama yang dulunya sebagai Kementerian Perusahaan, Perdagangan dan Komuniti;

- (ii) B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dulunya sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (iii) B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang dulunya sebagai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (iv) B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dulunya sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
- (v) B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang dulunya sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (vi) B.31 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang dulunya sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- (vii) B.32 – Kementerian Wilayah yang dulunya sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- (viii) B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dulunya sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan perpindahan program dan agensi di antara kementerian. Bagi program-program yang disusun semula di bawah maksud bekalan yang baharu, baki peruntukan program-program terlibat di kementerian lama perlu dipindahkan kepada maksud bekalan yang baharu.

Oleh itu, perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2018 tersebut tanpa menjejaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan terdahulu. Apa yang berlaku hanyalah pengubahsuaian kedudukan program-program dalam maksud-maksud bekalan tertentu sahaja.

Bagi program-program yang dipindah ke kementerian baharu, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan waran sekatan terhadap baki peruntukan yang belum dibelanjakan sehingga 1 Julai 2018 kepada kementerian asal. Sekatan ini dilakukan di bawah Perenggan 13(3)(B) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus 2018 yang disekat adalah sebanyak RM3,065,113,896. Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diberi peruntukan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut.

Perincian peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2018 yang disekat adalah seperti yang berikut:

- (i) B.6 – Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM686.1 juta;

- (ii) B.10 – Perbendaharaan sebanyak RM11.2 juta;
- (iii) B.12 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebanyak RM274 juta;
- (iv) B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebanyak RM1,358.9 juta;
- (v) B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebanyak RM53 juta;
- (vi) B.24 – Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri sebanyak RM25.7 juta;
- (vii) B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak RM45.7 juta;
- (viii) B.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM99.1 juta;
- (ix) B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebanyak RM2.3 juta;
- (x) B.31 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sebanyak RM76.5 juta;
- (xi) B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM66.2 juta;
- (xii) B.45 – Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM120 juta;
- (xiii) B.60 – Kementerian Pertahanan sebanyak RM171.6 juta; dan
- (xiv) B.64 – Kementerian Pendidikan Tinggi sebanyak RM74.8 juta

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada anggaran penguntukan semula peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2018 sebanyak RM3,065,113,896 yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan sebanyak RM67,967,227 untuk Maksud B.10 – Perbendaharaan untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Unit Kerjasama Awam Swasta serta pihak berkuasa koridor;
- (ii) peruntukan sebanyak RM448 juta di bawah Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan;
- (iii) peruntukan sebanyak RM1,288,017,768 untuk Maksud B.15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk menampung perbelanjaan bagi

program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan agensi yang dipindahkan untuk membentuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi termasuk Unit Perancangan Ekonomi (UPEN), Jabatan Statistik, Teraju dan MARA;

- (iv) peruntukan sebanyak RM8,744,550 untuk Maksud B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program pembangunan wilayah yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (v) peruntukan sebanyak RM190,331,016 di bawah Maksud B.23 – Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan;
- (vi) peruntukan sebanyak RM76,285,479 untuk Maksud B.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan agensi yang dipindahkan untuk membentuk Kementerian Pembangunan Usahawan antaranya SME Corp dan Suruhanjaya Koperasi;
- (vii) peruntukan sebanyak RM14,662,762 di bawah Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (viii) peruntukan sebanyak RM101,874,289 untuk Maksud B.30 – Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;

- (ix) peruntukan sebanyak RM78,293,745 untuk Maksud B.32 – Kementerian Wilayah untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (x) peruntukan sebanyak RM34,864,060 di bawah Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan;
- (xi) peruntukan sebanyak RM163,700,415 untuk Maksud B.45 – Kementerian Belia dan Sukan untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan seperti Biro Tatanegara dan Program Latihan Khidmat Negara daripada Jabatan Perdana Menteri, Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan Kementerian Pertahanan;
- (xii) peruntukan sebanyak RM111,201,360 untuk Maksud B.46 – Kementerian Sumber Manusia untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Belia dan Sukan khususnya Institut Kemahiran Belia Negara;

■1150

- (xiii) peruntukan sebanyak RM73,458,392 di bawah Maksud B.47 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk membiayai perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Perkhidmatan Am Perbendaharaan serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (xiii) peruntukan sebanyak RM225,835,996 di bawah Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia; dan
- (xiv) peruntukan sebanyak RM181,876,837 untuk Maksud B.63 – Pendidikan. Adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan antaranya, PERMATA, Arkib Negara dan Perpustakaan Negara daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Pendidikan Tinggi;

Penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 adalah seperti dalam Penyata Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2018 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A, Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah ekoran keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kabinet yang mahu satu wajah baru dalam Kabinet Malaysia yang boleh mencerminkan urus tadbir cekap, *accountable* dan telus. Pada masa yang sama, tidak mahu hanya bergantung kepada kerajaan untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya kita hendak lihat sebuah negara yang bukan sahaja sebuah negara yang menjaga kebajikan rakyat atau biasanya dikenali sebagai sebuah negara berkeadilan tetapi juga adalah sebuah negara yang maju dan makmur yang berdasarkan kreativiti dan inovasi rakyat.

Apa yang kita hendak lihat ialah sebuah negara berkeusahawanan atau *entrepreneurial state* kerana dalam ambang dunia sekarang hanya kreativiti dan inovasi boleh menjamin pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lestari. Tidak guna kita bergantung kepada retorik. Tidak guna kita berpidato atau retorik yang membara apabila ia tidak dapat dilaksanakan dengan penyampaian yang berkesan dan boleh memperbaiki atau menambah baik kehidupan rakyat dengan sebenarnya.

Sekiranya sesebuah kerajaan tidak boleh memastikan penyampaian di mana kita dapat mengubah kehidupan rakyat dengan *deliverables*, atau dengan penanda aras yang realistik maka kerajaan ini sudah gagal. Oleh sebab itu adalah perlu bahawa sebarang kemakmuran haruslah di kecapi oleh segala lapisan rakyat. Tidak guna kalau kita hanya bergantung kepada angka-angka sahaja. Angka-angka ini mesti membawa makna kepada rakyat.

Sekiranya tidak membawa makna kepada rakyat, ia hanya indah khabar dari rupa. Kita tidak mahu menjadi Mat Jenin yang telah berlaku dalam kerajaan lama. Mat Jenin telah menganggap bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara yang bersih apabila sebenarnya ia adalah sebuah negara kleptokrasi. Kita tidak mahu berangan-angan bahawa negara kita adalah bermaruah di mata antarabangsa apabila negara Malaysia status dan reputasinya telah jatuh menjunam kerana skandal 1MDB.

Marilah kita bersama-sama untuk memulihkan martabat dan kedudukan negara supaya rakyat kita dapat menghadapi cabaran masa depan dengan penuh keyakinan secara bersama sebagai rakyat Malaysia. Menjelang perayaan Hari Kemerdekaan, saya ingin mohon mencadangkan, '*Sayangi Malaysiaku*'. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ada yang bersetuju, menyokong?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada Tahun 2018 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali.

11.57 pg.

Datuk Rabiyyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang D.R.15/2018, Akta Perbekalan, Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan 2018.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang baru sahaja mengangkat sumpah di Dewan yang mulia pagi ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan gigih membentangkan rang undang-undang ini untuk kelulusan Dewan. Saya ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Menteri dan RUU ini untuk menguntukkan semula peruntukan Bajet 2018, saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai projek-projek bekalan air yang mana ia signifikan pada masa kini. Mengikut ramalan tahun 2019 dan 2022 suhu persekitaran dunia akan meningkat dan dijangkakan akan berlaku pemanasan global.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di manakah dalam P.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli tentang perkara 11200 - Projek Penyaluran Air Mentah di antara negeri yang saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan tentang bagaimana komitmen yang akan dimainkan oleh Kementerian Kewangan dalam membantu negeri-negeri yang kekurangan sumber air mentah mendapat manfaat nyata dan eksklusif untuk memindahkan air mentah dan penambahan kapasiti pemindahan ini.

Ini penting kerana projek pemindahan air Sungai Muar 2 di antara Johor dan Melaka akan membantu sumber air mentah. Negeri-negeri yang kekurangan air mentah dapat ditangani dengan cekap. Bagaimana program yang terlebih terarah dan terurus bagi semua

agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk memperkasakan penguasaan ke atas kejadian pencemaran sumber air bersih dengan menjadikan Majlis Sumber Air negeri diberikan peranan yang paling efektif untuk membuat koordinasi bagi memastikan semua isu berkaitan sumber air mentah di negeri dipelihara.

Apakah perancangan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam merencanakan kelestarian bekalan air mentah di antara semua negeri di Semenanjung mencapai tahap kualiti yang baik dan dapat mengelakkan berlakunya krisis bekalan air menjelang tahun 2019 hingga 2022 sewaktu ramalan krisis pemanasan global.

Apakah SPAN dan kerajaan mempunyai perancangan menang-menang di antara negeri-negeri pembekal agar tarif air mentah yang disalurkan kepada negeri-negeri yang kekurangan sumber air mentah tidak dinaikkan dengan kerajaan memperuntukkan perbelanjaan yang lebih signifikan dalam bajet mengurus dan mengawal selia senggara ekosistem sumber air mentah agar ia tidak dicemari dan memerlukan kos yang tinggi untuk dibersihkan.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, Program Pengupayaan Komuniti Luar Bandar amat seiring dengan kenaikan kos sara hidup dan penurunan nilai mata wang RM berbanding USD kini yang menyebabkan harga bekalan makanan mentah meningkat dan juga kos bagi mengeluarkan industri desa, meningkat.

Justeru itu, langkah kerajaan untuk memberikan program kursus melalui agensi seperti MARA, FELDA, FELCRA dan RISDA perlu diteruskan untuk memastikan sumbangan ekonomi desa terus dipelihara. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sehingga Julai 2018, berapakah peruntukan dan Program Pengupayaan Komuniti Luar Bandar diberikan dan setakat manakah pencapaian sasaran pengupayaan luar bandar sehingga Ogos 2018?

Bagi Maksud P.15 di dalam butiran pembangunan perkampungan nelayan, apakah impak sebenar yang disumbangkan oleh pembangunan projek ini dalam memastikan bekalan ikan dan air laut untuk kegunaan dalam negara mencukupi dan dapat dibeli dengan harga yang lebih murah? Saya ingin mendapatkan bilangan- senarai projek-projek yang disenaraikan dalam kajian kemungkinan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, bagi mendapatkan perincian secara sepintas lalu apakah dengan hasil kajian kemungkinan ini serta perbelanjaan yang dibelanjakan, keupayaan masyarakat luar bandar dapat diperkasakan dengan lebih lagi dalam suku kedua tahun 2018? Banyak projek infrastruktur ditangguhkan dan ini memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat desa dan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan P.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan tentang bagaimana status terkini gerakan koperasi dalam pembangunan kedai harga patut di setiap Parlimen. Apakah melalui pengedaran barangan pengguna, melalui gerakan koperasi di setiap Parlimen boleh membantu kerajaan menstabilkan isu kenaikan harga barangan yang akan mula berlaku apabila peralihan tempoh *tax holidays*, GST, dan permulaan SST pada 1 September 2018?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah perlu kerajaan menyasarkan lebih prihatin dalam membangunkan gerakan koperasi untuk membangunkan lebih banyak kedai harga patut agar *access* orang ramai kepada produk-produk harga patut lebih luas. Ini secara langsung mengekang eksploitasi peniaga-peniaga bukan koperasi menaikkan harga barangan pasca SST dilaksanakan dalam tempoh peralihan GST ke SST distabilkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabyah binti Ali.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Silakan.

12.03 tgh.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera dan salam 'Sayangi Malaysiaku'.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Saya juga ingin hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu rang undang-undang yang secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan semula perbelanjaan bagi pengurusan dan pembangunan adalah berjumlah RM9.2 bilion. Peruntukan ini terlibat sebagai salah satu langkah untuk memenuhi janji-janji Pakatan Harapan dalam manifesto. Permohonan peruntukan semula ini juga jelas bahawa ia bukan *supplementary bill*. Sebaliknya, ia memperlihatkan jumlah perbelanjaan kerajaan baharu masih mengikut acuan yang ditetapkan di dalam Bajet 2018, iaitu RM280.25 bilion bagi perbelanjaan pengurusan dan pembangunan.

Selepas meneliti butiran yang dibentangkan, saya ingin mendapatkan maklumat yang lebih terperinci daripada setiap kementerian yang disenaraikan dalam Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Ini adalah kerana butiran yang diberikan tidak jelas selepas pengagihan kepada kerajaan baharu yang mempunyai penyusunan semula jabatan, agensi dan fungsi kementerian. Apakah peruntukan asal dan projek yang telah dirancang dalam Bajet 2018? Apakah jumlah atau peratus perbelanjaan

peruntukan yang telah dilaksanakan sehingga 9 Mei 2018 dan selepas Pilihanraya Umum Ke-14 atau PRU14, sehingga 30 Julai 2018?

Ini adalah termasuk perkembangan terkini mengenai projek yang telah dilaksanakan atau diteruskan dan inisiatif yang telah dihentikan selepas PRU14. Adakah kerajaan baharu menambah sebarang jumlah peruntukan tambahan selepas penyusunan semula jabatan, agensi dan fungsi kementerian bagi dasar-dasar baharu yang akan dilaksanakan atau yang telah dirancang seperti pemberian tanggung subsidi RM100 bagi pengguna pengangkutan awam atau subsidi ke atas bahan api dan sebagainya?

Kenyataan media menjelaskan bahawa terdapat 40 buah jabatan atau agensi di kerajaan terdahulu telah dibubarkan, dipinda atau digabungkan tetapi 26 buah jabatan masih di bawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri. Maka, apakah 40 buah jabatan atau agensi tersebut? Sila berikan senarai yang lengkap kepada Dewan Negara untuk memudahkan rujukan Ahli Senator untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan baharu.

Sebelum ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat untuk mengurangkan liabiliti kerajaan sebanyak 20 peratus. Namun begitu, dalam peruntukan semula ini, perbelanjaan pembangunan masih melibatkan pinjaman RM1.6 bilion. Apakah ini bertentangan dengan hasrat Perdana Menteri dan rancangan kerajaan untuk mengurangkan *liabilities*? Paling penting ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan *liabilities*, langkah drastik terutama pemotongan gaji Menteri, penutupan agensi-agensi, penghentian projek-projek pembangunan dan pemecatan *political appointees*.

Seterusnya, adakah kerajaan baharu akan membentangkan satu mini bajet dengan merujuk secara terperinci setiap kementerian, Jabatan Perdana Menteri, PMO. Langkah penstrukturan semula Jabatan Perdana Menteri telah dilaksanakan secara meluas kepada 13 buah kementerian masing-masing termasuk kewujudan dua kementerian baharu iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Akan tetapi, peruntukan masih kekal pada RM12.41 bilion dan tidak dikurangkan seperti mana yang dirancang iaitu pada separuh tahun ataupun RM8 bilion. Persoalan kedua yang timbul ialah mengapakah Jabatan Perdana Menteri masih mempunyai jumlah peruntukan yang sebesar ini apabila jumlah Menteri telah kurang daripada sepuluh orang kepada empat orang? Secara purata, peruntukan ini masih tinggi berbanding dengan kementerian yang lain dalam kerajaan.

Berdasarkan kepada pengumuman daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada hari pertama Mesyuarat Kabinet, beberapa agensi kerajaan telah dibubarkan dengan serta-merta seperti Majlis Profesor Negara, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) kecuali Suruhanjaya Pengangkutan

Awam Darat (SPAD) diserap ke dalam Kementerian Pengangkutan serta Biro Tatanegara. Penyerapan SPAD kepada Kementerian Pengangkutan adalah langkah yang baik tetapi peruntukan masih berjumlah RM10 juta mengikut butiran yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah rancangan kerajaan baharu dengan jumlah peruntukan yang dianggarkan di bawah agensi kerajaan tersebut yang kini dibubarkan tetapi diserapkan ke sebarang kementerian seperti 'MPN' yang telah diperuntukkan RM8.59 bilion?

Saya juga ingin sentuh berkenaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merupakan satu kementerian baharu yang diwujudkan oleh kerajaan baharu. Selain mengambil alih agensi seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) daripada Jabatan Perdana Menteri. Rombakan jabatan dan agensi diperlihatkan menjangkaui Jabatan Perdana Menteri.

■1210

Ini adalah jelas apabila agensi seperti Lembaga Pembangunan Langkawi dan Perbadanan Kemajuan Negeri seperti Johor di bawah Kementerian Kewangan. Segala program promosi halal Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah dipindahkan kepada kementerian baharu dan ini dengan alasan akan mempertingkatkan efisien pengurusan.

Walaupun hujahan menyatakan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan hanya memegang saham menjadi secara langsung ke atas 68 buah syarikat dan kebanyakan tidak melibatkan pengurusan atau kawal selia. Apakah dengan memindahkan syarikat atau agensi atau memisahkan pemilikan pegangan saham dan kawal selia kepastian akan membawa keberkesanan pengoperasian syarikat atau agensi- *sorry*. Bagaimana kementerian yang baharu ini memastikan tidak berlakunya pertembungan dasar dengan kementerian lain?

Sebagaimana contohnya projek khas dipindahkan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tetapi Projek Mesra Rakyat masih dikekalkan pada Jabatan Perdana Menteri. Ahli Parlimen perlu mengemukakan dua permohonan peruntukan bagi kedua-dua Projek Khas dan Projek Mesra Rakyat. Berapakah peruntukan yang akan dibekalkan kepada semua Ahli Parlimen dan Senator?

Mengenai Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian Pembangunan Usahawan juga seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tetapi memperlihatkan kementerian baharu dengan mengambil alih koperasi dan kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sahaja. Ini adalah jelas mengikut butiran yang dibekalkan, Pembangunan Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, dikeluarkan

daripada kementerian sebelum ini iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Maka persoalan saya, apakah justifikasi untuk melakukan rombakan sedemikian dan peranan utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna?

Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula diperlihatkan peranan kesejahteraan bandar, perancangan bandar dan desa dikeluarkan dan ditempatkan semula kebanyakan programnya di bawah Kementerian Wilayah. Satu daripadanya ialah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Perancangan Wilayah. Namun projek kecil di bawah pihak berkuasa tempatan dan kampung tradisional atau peruntukan BP1 mungkin masih dikekalkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya ingin mendapatkan pencerahan daripada kementerian adakah di bawah BP1, projek kecil di bandar seperti memperbaiki parit atau longkang, membina dewan serba guna atau balai raya atau menaik taraf tapak pasar masih boleh dimohon? Berikutnya tidak ada peruntukan untuk meneruskan usaha keselamatan awam di bawah Program Bandar Selamat terutamanya sewaan dan penyelenggaraan CCTV. Adakah inisiatif ini dirombak dan dikawal selia oleh Kementerian Dalam Negeri bagi memperluaskan lingkungan pemantauan CCTV bagi mengurangkan kadar jenayah?

Kementerian yang memerlukan perhatian segera kerajaan dan peruntukan. Dalam pengumuman semula peruntukan kerajaan, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai peningkatan bajet. Menurut kerajaan baharu, janji Pakatan ialah mempertingkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan dengan menaikkan peruntukan kewangan bagi Kementerian Kesihatan kepada empat peratus daripada KDNK. Dengan itu saya juga menyeru agar kerajaan juga meningkatkan peruntukan tersebut dengan kadar segera apabila keadaan *communicable diseases* kelihatan menular. Seperti contohnya penyakit tangan kaki dan mulut dan kes menular seluruh negara, kes demam denggi semakin meningkat berikutan cuaca hujan dan panas dan kawalan *Rabbies* yang diperlukan di Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang lebih tinggi adalah diperlukan oleh Kementerian Kesihatan untuk merawat dan membendung peningkatan kes-kes ini dan mempertingkatkan kesedaran awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dan juga berharap beberapa pertanyaan saya dapat dijelaskan bagi memastikan kerajaan sentiasa mendahului rakyat. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Pengumuman Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Ahli Yang Berhormat, jika ada Ahli Yang Berhormat hendak berbahas saya terima lagi? Nama-nama siapa yang hendak ambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

12.15 tgh.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 seiring dengan pembentukan Kabinet baharu Kerajaan Pakatan Harapan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Senator yang baru dilantik dan mengangkat sumpah tadi. Harapan saya dengan pengalaman Yang Berhormat Senator semua martabat Dewan Negara akan diperkasakan lagi. Saya juga hendak mengucapkan tahniah pada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang gigih dalam membentangkan pelbagai rang undang-undang dan setia bersama dengan Dewan Negara dan yang akan menjawab dan menggulung perbahasan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasca PRU-14 dan faktor provokasi hubungan tegang USA dan China telah menyebabkan ketidaktentuan ekonomi dan pasaran global. Sejumlah peruntukan dibuat pengubahsuaian semula dan diletakan di bawah seliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi merangsang prestasi ekonomi negara sejajar dengan beberapa perubahan rejim percukaian baharu SST dan isu peralihan yang berlaku ke atas kutipan hasil kerajaan semasa tempoh *GST holiday*.

Bagi mendapatkan penjelasan berhubung dengan langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal baik, saya mohon mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah langkah mitigasi yang diambil oleh Bank Negara dan kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi memastikan kerugian institusi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti KWSP, PERKESO dan GLC dalam pasaran modal negara ditangani dengan bijaksana? Kedua, bagaimanakah prestasi penawaran kerja di pasaran kerja dalam negara dan bagaimanakah persediaan kerajaan untuk mencari satu formulasi terbaik dalam memenuhi tuntutan graduan IPT untuk mendapat pekerjaan dalam tempoh dua hingga enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian di IPT dengan jayanya?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mata wang ringgit. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah fokus yang perlu dimainkan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara untuk memastikan nilai mata wang ringgit menunjukkan prestasi semasa yang lebih menarik untuk suku ketiga 2018, agar kadar inflasi dan spekulasi peniaga menaikkan harga barang selepas SST mula dilaksanakan pada minggu hadapan dapat ditangani dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan nilai mata wang ringgit ini, pada akhir bulan lalu saya telah ke US dan kerana impak harga masa ketika itu- mata wang. Saya pergi akhir bulan Julai *it was 4.3*, so dengan harga mata wang 4.3 ini, semasa di US saya makan dua roti canai, dua nasi putih bersama dengan anak saya dengan telur dadar sahaja sebab anak saya hendak telur dadar sebab dia tidak makan benda lain, anak saya baru berumur enam tahun, harga yang saya kena bayar adalah sebanyak USD69. Saya ada lagi resit dia. USD69 disebabkan oleh *currency 4.3* pada ketika itu dengan kadar harga yang ada itu, saya terpaksa bayar RM288. Itu menunjukkan betapa nilai duit ringgit kita sangat rendah pada ketika ini. Kebetulan juga di restoran Malaysia dan Thailand ketika itu saya berjumpa dengan beberapa orang pelajar Malaysia yang mungkin tengah makan juga, mereka juga merasakan kebimbangan mereka, melahirkan kebimbangan mereka apabila mata wang kita tidak kuat.

Sebab apa? Mereka hendak membayar yuran, hendak menanggung kos sara hidup dan sebagainya. Apabila mata wang kita tidak kuat, dengan ringgit yang sangat rendah, ia akan membebankan mereka yang mungkin sedang belajar.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini kerana saya percaya hasrat dan sasaran kerajaan untuk memastikan sektor keusahawanan menjadi teras dalam menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara. Justeru, fokus pembangunan ekonomi bumiputera, dan PKS mesti diujarkan semula agar bersesuaian dengan fokus hubungan diplomatik negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasmi ke negara Jepun dan China baru-baru ini di mana saya rasa kerajaan mampu menetapkan semula sasaran baharu bagi memperkasakan sektor pertumbuhan keusahawanan bumiputera dalam fokus perniagaan global.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kerajaan. Apakah fokus kerajaan dalam memastikan penyertaan bumiputera dalam sektor keusahawanan PKS mampu memasuki pasaran global Jepun dan China? Bagaimanakah perancangan kerajaan untuk memastikan *connectivity* pasaran tempatan dan global diperkasakan bagi memastikan bumiputera terus mantap dalam usahawan PKS mereka? Bagaimanakah kerajaan

menangani isu sokongan ke atas produk barangan buatan Malaysia bagi memenuhi pasaran serantau di Asia agar KDNK negara mencapai angka penokokan yang signifikan tahun ini?

Saya sangat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini apabila melawat ke China yang mana negara kita sepatutnya melihat kepada negara China melahirkan produk mereka sendiri. Saya rasa dalam perbincangan saya sebelum ini juga, dalam perbincangan di dalam sidang Dewan, saya ada menyentuh tentang produk barangan buatan Malaysia yang perlu diperkasakan dan insentif-insentif yang perlu diberikan oleh kerajaan bagi menggalakkan lebih banyak barangan yang dilahirkan oleh barangan-barangan yang dibuat di Malaysia dan dieksport ke luar negara.

Seterusnya, saya ingin juga bertanya, bagaimanakah langkah-langkah mitigasi dari segi promosi dan sokongan kerajaan yang harus diambil bagi menangani risiko global kesan daripada pergolakan kuasa China-USA agar kesan global ini tidak memberikan impak ketara kepada sektor keusahawanan bumiputera? Harapan saya, dengan pengubahsuaian yang dilakukan ke atas peruntukan perbelanjaan ini benar-benar memberikan impak kepada pembangunan ekonomi negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat pengumuman semula peruntukan perbelanjaan 2018, ia adalah berdasarkan kepada peruntukan bajet yang diluluskan pada Oktober 2017 yang lalu. Kita tahu kerajaan telah kehilangan sumber cukai jualan selama tiga bulan semasa *tax holiday*. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah jumlah sebenar sehingga kini iaitu sehingga hari ini, kehilangan sumber cukai sepanjang tempoh *tax holiday* ini? Memandangkan bajet yang dibentangkan pada tahun lalu adalah merupakan unjuran pendapatan negara berdasarkan GST dan cukai-cukai yang lain, maka saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menampung kekurangan pendapatan tersebut berdasarkan kepada bajet dan juga pengumuman semula peruntukan perbelanjaan yang telah dibentangkan?

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Sambathan a/l Manickam. Dipersilakan.

12.23 tgh.

Datuk Sambathan a/l Manickam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-

undang berkaitan 2018. Sebelum saya berbahas, saya ucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Senator yang telah mengangkat sumpah pada hari ini.

Terdahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Kementerian Kewangan dalam usaha mengkaji semula peruntukan yang disalurkan selepas kerajaan baharu dibentuk. Peruntukan ini telah diadakan berdasarkan situasi kewangan negara.

Persoalan yang ingin saya membangkitkan dalam perbahasan ini ialah setiap kementerian kira peruntukan bagi meneruskan pentadbiran kementerian mereka. Kita sedia maklum bahawa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali telah menerima peruntukan yang paling banyak. Jika kita lihat, permasalahan yang wajar dalam negara kita seperti kejatuhan nilai Ringgit, kekurangan pelabur asing disebabkan dengan pembantahan dan membangunkan projek mega. Bagaimanakah pihak kementerian akan mengatasi masalah ini?

Pada persidangan Dewan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy berkata sebanyak RM4 bilion untuk peruntukan membangunkan kaum India dalam *rural* akan tetapi sampai sekarang tidak peruntukan ini membangunkan kaum India dalam kementerian berkenaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pula telah berjanji untuk membentuk jawatankuasa membangunkan kaum India tetapi kelibatnya masih dalam keadaan kabur.

Persoalan seterusnya, akan kah Kementerian Kewangan akan menggunakan peruntukan ini untuk membayar gaji tuntutan ataupun pampasan kepada 17,000 orang penjawat awam? Seterusnya, kontrak tambahan perkhidmatan kerajaan merupakan pelantikan politik daripada pentadbiran kerajaan terdahulu. Adakah anda sedar bahawa mereka juga mempunyai tanggungan yang perlu ditanggungkan? Mereka juga masih biasa dan banyak meningkatkan arahan seterusnya. Apakah peruntukan yang diterima ini digunakan untuk meningkatkan bantuan kebajikan kepada rakyat? Walaupun asasnya negara kita berada dalam keadaan bankrap yang selalu digunakan oleh kerajaan sekarang tetapi bantuan kebajikan rakyat tidak boleh diketepikan.

Saya juga ingin menunjukan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dalam usaha beliau dan juga Kerajaan Pakatan Harapan untuk membantu golongan suri rumah dengan bayar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Akan tetapi saya ingin tekankan di sini bahawa masih ramai pekerja di negara ini tidak dicarumkan KWSP dan ia mendapatkan dalam sektor kerajaan. Keadaan ini cukup menyedihkan. Semoga tindakan segera dapat diambil daripada Kementerian Kewangan,

Kementerian Sumber Manusia untuk menggunakan peruntukan KWSP ini untuk mencarum KWSP kepada pekerja swasta dan kerajaan masih menggunakan caruman daripada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah mendapatkan peruntukan yang banyak pada tahun ini. Saya berharap peruntukan ini akan disalurkan kepada semua pihak-pihak generasi muda untuk mendapatkan berbagai aktiviti-aktiviti sebenarnya. Terutamanya, saya minta kepada Kementerian Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyalurkan semula untuk Kelab MIFA, kelab bola sepak kaum India yang banyak menyumbangkan kepada membangunkan industri bola sepak di negara terutamanya di kalangan anak muda kaum India.

Saya juga ingin menekankan apabila Kementerian Pendidikan telah mendapatkan peruntukan yang begitu banyak masa-masa yang pemerintahan Barisan Nasional tetapi kali ini juga peruntukan itu telah pun disalurkan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini akan menyalurkan kepada semua sekolah-sekolah Tamil tanpa ada apa-apa halangan. Ini kerana kita tahu apabila sekolah-sekolah Tamil di bawah kepimpinan Barisan Nasional, ia telah pun mendapat banyak pertolongan dan bantuan. Saya meminta kepada Kerajaan Pakatan Harapan agar terus memberi bantuan dan juga pertolongan kepada masyarakat India ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sambathan a/l Manickam.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

■1230

12.30 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan- Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan 2018. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada 12 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang baru dilantik sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Maksud Perbelanjaan B.23 bagi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mengenai perbelanjaan mengurus bagi Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, isu tunggakan bayaran bil pembetulan oleh pengguna kepada Indah Water Konsortium merupakan salah satu isu yang amat perlu diberikan perhatian yang wajar dan disegerakan. Pada masa kini pihak IWK giat menjalankan

operasi mengutip semula tunggakan-tunggakan Bil Indah Water yang melibatkan seluruh isi rumah di Semenanjung Malaysia. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah hutang tunggakan terkini yang direkodkan oleh IWK sehingga Julai 2018, dan apakah langkah efektif yang diambil oleh IWK bagi memastikan tunggakan ini dikutip segera oleh kerajaan?

Bagaimanakah potensi dan *progress* inisiatif penggabungan bayaran caj pembangunan IWK dengan caj bekalan air dengan perkongsian kerjasama IWK, syarikat bekalan air negeri sehingga Julai 2018 dan apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk memastikan kutipan caj pembedaan ini lebih cekap? Bagaimanakah IWK mengambil langkah penyelesaian agar hutang lapuk yang dikenakan ke atas akaun pembedaan isi rumah bagi pemilik terdahulu yang mana pada ketika ini kebanyakan pemilik baharu ataupun pemilik sekunder terpaksa menanggung beban hutang caj pembangunan ini?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud Pembangunan P.23, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli saya dapati peruntukan pembangunan projek bekalan air di Sabah, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan mendapat manfaat yang amat signifikan dalam usaha kerajaan untuk memastikan bekalan air bersih dinikmati oleh rakyat. Oleh kerana negeri Kelantan juga menghadapi masalah bekalan air mentah bersih yang dikira kritikal, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Pakatan Harapan apakah komitmen dan konsistensi Dasar Rancangan Air Negara agar masalah kapasiti bekalan air, taraf air dan sistem paip rangkaian bekalan air di negeri Kelantan dapat ditingkatkan kualitinya?

Apakah langkah yang boleh dimainkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi memastikan syarikat bekalan air menyempurnakan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan air paling baik dan memastikan gangguan bekalan tidak lagi berlaku pada musim perayaan dan cuti sekolah? Apakah persediaan yang perlu dan akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bekalan air bersih tidak terkesan dengan ramalan cuaca panas dunia meningkat menjelang tempoh 2019 hingga 2022?

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kerajaan masih belum memutuskan MARA diletakkan di bawah kelolaan dan kendalian kementerian mana. Mengikut peruntukan rang undang-undang ini kerajaan menetapkan bahawa perbelanjaan kewangan bagi Belanja Mengurus B.15 dan Belanja Pembangunan P.15 untuk agensi MARA diletak hak kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bidang perubatan, pergigian, kejuruteraan dan bidang kritikal lain di universiti luar negara seperti di Timur Tengah, India dan lain-lain negara. Saya dimaklumkan ramai daripada kalangan pelajar-pelajar ini yang menduduki tahun tiga

dan empat menghadapi masalah kewangan kerana kenaikan nilai mata wang USD. Kenaikan USD menyebabkan kos pengajian mereka naik mendadak dan mereka memerlukan bantuan MARA untuk mendapatkan pinjaman dan bantuan kewangan.

Oleh itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah dapat kerajaan menimbang beberapa bentuk bantuan kepada pelajar-pelajar yang merayu bantuan MARA untuk mendapatkan pinjaman walaupun mereka telah berada di tahun tiga dan empat di universiti luar negara serta mengambil kursus-kursus kritikal?

Keduanya, apakah bentuk pinjaman boleh ubah yang boleh MARA pertimbangkan agar rayuan-rayuan yang dibuat oleh pelajar-pelajar luar negara ini dibantu dan dibela?

Ketiganya, adakah kerajaan mempunyai cadangan atau langkah-langkah yang dipertimbangkan yang terbaik untuk menggabungkan sokongan institusi seperti GLC dan institusi zakat agar bantuan dapat disalurkan kepada pelajar-pelajar ini? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, dan lagi seorang kita minta Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah, silakan.

12.36 tgh.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja poin yang saya hendak bawa tetapi bukan banyak fokus kepada hari ini. Hari ini kalau kita tengok ia cuma *realignment* dan sebagainya, bukan *supplementary budget*.

Akan tetapi, saya hendak menyentuh satu isu. Kalau kita tengok sebelum ini kalau *original budget* untuk tahun 2018 hari itu. Dari segi pecahan di antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan, tiap-tiap tahun kita tengok ia lebih cenderung kepada perbelanjaan mengurus kalau kita ambil *last budget* RM280 milion sekarang RM3 bilion.

Lebih kurang 83 peratus hampir 84 peratus ia pergi kepada *operating expenditure* dan *development expenditure* hanya 16 peratus. Kali ini saya tidak dapat tengok tetapi lebih kurang saya rasa ia akan ambil trend yang sama juga fasal ini *just a matter of virement* dan sebagainya. Apa yang saya hendak sarankan ialah kalau kita tengok dari segi nisbah yang selalu digunakan oleh negara-negara yang membangun ialah antara 60 *percent* dan 40 *percent*. Sebanyak 60 *percent* untuk OPEX, dan 40 *percent* untuk projek-projek membangun. Kalau banyak sangat kita fokus kepada *Operational Expenditure* dan dari segi aspek pembangunan kita tidak akan dapat menunaikan hasrat rakyat.

Pada saya kalau kita ambil- ini bukan sahaja bajet tahun 2018. Ini saya tahu Belanjawan 2018 bukan bajet Pakatan Harapan. Akan tetapi, kalau kita tengok sebelum ini

setiap kali kita tengok bajet yang dibentangkan oleh kerajaan sebelum ini banyak 80 *percent*, 78 *percent* fokus kepada perbelanjaan OPEX. So, cadangan saya pada masa-masa akan datang. Satu, kita harap kita dapat lebih *balance* sedikit antara OPEX dengan *development*. Kalau tidak ada kita tidak dapat buat projek-projek pembangunan negara, itu satu.

Kedua, sebelum ini kalau kita tengok tiap kali kita dapat defisit bajet. So, saranan saya kalau boleh pada masa-masa akan datang kita ambil satu sikap yang lebih positif- mungkin kita lebih fokus kepada *balance budget*- saya tidak pasti sama ada mungkin atau tidak *possible* daripada segi *revenue* dan sebagainya. Apatah lagi banyak janji-janji yang telah kita buat dalam manifesto Pakatan Harapan.

Akan tetapi, saya rasa kita kena sekurang-kurang mengurangkan defisit dalam bajet. So, secara kesimpulan dua sahaja cara saya. Saya rasa kita kena menuju ke satu arah di mana kita dapat satu keseimbangan yang lebih baik daripada segi *Development* dengan *Operating Expenditure*. Kalau tidak ada ia akan memberi atau mencerminkan fiskal disiplin yang kurang memuaskan, itu satu. Kedua, berkenaan dengan defisit bajet. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1240

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Itulah akhirnya, enam orang hari ini ya dan saya rasa tidak terlambat oleh saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada 12 orang Ahli Dewan Negara yang mengangkat sumpah tadi.

Saya nampak tadi pemimpin ini merupakan pemimpin-pemimpin yang berilmu. Pemimpin berilmu pemimpin yang bijak. Kebijaksanaan itu adalah disanjung. Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung, itulah ya.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

12.40 tgh.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada enam Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah; Yang Berhormat Senator Datuk Sambathan; dan juga akhirnya saudara Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, belum Datuk lagi, yang telah mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018.

Memang ada banyak isu yang dibangkit termasuk perkara-perkara yang tidak ada berkaitan dengan kementerian saya dan saya akan cuba menjawab seberapa yang boleh. Saya ingin mula dengan mungkin Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dahulu tentang cadangan beliau bahawa kalau boleh memperkenalkan belanjawan berimbang. Ini adalah suatu matlamat yang semua hendak mencapailah, semua hendak laksanakan tetapi susah untuk dicapai dalam keadaan kedudukan kewangan yang agak terkongkong dan juga agak berkurangan lebih-lebih lagi dengan hutang negara yang telah mencecah RM1 trilion.

Oleh itu, untuk mencapai matlamat belanjawan berimbang saya rasa agak sukar bukan sahaja pada tahun depan tetapi pada beberapa tahun akan datang. Pada masa yang sama, untuk juga mengimbangi perbelanjaan belanjawan di antara perbelanjaan pembangunan dan juga perbelanjaan pengurusan, sekiranya kerajaan boleh berbelanja lebih untuk pembangunan maka ia akan membawa pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan juga rakyat boleh merasai perbezaannya dari segi mutu atau kualiti hidup.

Akan tetapi pada masa yang sama dalam keadaan kewangan yang juga terhad ini bukan sesuatu yang mudah dicapai lebih-lebih lagi apabila kita lihat dari segi takrifan sesetengah jenis perbelanjaan sepatutnya diletak di bawah pengurusan. Akan tetapi di bawah takrifan perakaunan yang sedia ada ia dianggap sebagai satu jenis perbelanjaan pengurusan. Sekiranya kita hendak betulkan ataupun hendak letakkannya dalam kategori yang sewajarnya ini akan menjadikan perbandingan dengan penyata kewangan sebelum ini agak kucar-kacir. Oleh sebab itu kita terpaksa menurut ataupun mengikuti formula ataupun garis panduan sedia ada.

Tentulah pihak kerajaan akan cuba mengurangkan perbelanjaan pengurusan tetapi kita kena maklum kalau kita lihat bajet negara setiap tahun kira-kira RM270 bilion di mana hampir 40 peratus dibelanjakan untuk emolumen dan pencen. Mungkin untuk tahun depan emolumen dan pencen akan mencecah dalam RM100 bilion. Memandangkan hasil tahunan negara adalah kira-kira RM130 bilion, bermakna bahawa memang tidak cukup untuk membiayai bukan sahaja perbelanjaan pembangunan tetapi perbelanjaan pengurusan pun merupakan satu cabaran. Tambah lagi dengan hutang kerajaan yang mencecah RM1 trilion, jangan lupa kita pun kena bayar faedah. So, itu memang merupakan satu cabaran besar.

Apabila Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk kurangkan bilangan anggota perkhidmatan awam, saya harap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara boleh faham bahawa RM100 bilion setiap tahun merupakan satu *fixed cost*, satu kos yang tetap yang harus dibelanjakan setiap tahun sebelum kita merancang ataupun fikir untuk buat projek-projek pembangunan lain. Sebelum kita mulakan apa-apa jenis perbelanjaan kita kena ingat RM100 bilion kita kena asingkan dahulu. Kita kena peruntukkan khas dahulu untuk emolumen

dan juga wang pencen. Ini mengurangkan ruang dasar untuk buat program-program lain kerana RM30 bilion hanya untuk kos penyelenggaraan memang agak mencabar.

So, di sini kita harap bahawa dalam keadaan kedudukan kewangan yang mempunyai ruang yang tidak mencukupi atau tidak memadai, kita kena berhati-hati, kita kena cermat, kita kena berhemah. Kita tidak mahu belanja sesuatu yang kita tidak mampu untuk teruskan. So, itulah satu cabaran. Akan tetapi saya memang setuju dan akan ambil ingatan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan bahawa kita cuba untuk masa akan datang belanjawan berimbang ataupun kita perbaiki lagi dari segi *proportion*, dari segi penjumlahan perbelanjaan untuk pembangunan.

Tadi ada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen ada tanya, adakah mini bajet akan diperkenalkan. Pihak kerajaan tidak bercadang buat sedemikian. Belanjawan akan dibentangkan- Belanjawan 2019 akan dibentangkan pada 2 November. Seperti yang saya sebut tadi apa yang kita bantangkan ialah untuk merombak semula Kabinet khususnya memindahkan agensi-agensi yang telah diperuntukkan untuk kementerian lain.

So, secara keseluruhan, jumlah belanjawan adalah sepertimana yang diluluskan oleh Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 2017. Untuk Belanjawan 2018 masih menggunakan jumlah yang sama. So, apabila kita sebut ada sekatan dan ada tambahan, itu hanya secara spesifik untuk kementerian tertentu. Sekiranya ada agensi yang dikeluarkan maka wang disekat. Akan tetapi sekiranya ada agensi dipindah masuk tentulah wang akan bertambah. Akan tetapi secara keseluruhannya jumlahnya masih sama seperti mana yang telah diluluskan.

Tentunya ia tidak ambil kira *off-budget*, urusan-urusan *off-budget* yang dijalankan oleh pihak kerajaan lama di mana mereka tidak perlu dapat kelulusan daripada Dewan. Ini tentu adalah satu isu lain yang dicerminkan dalam hutang Kerajaan Persekutuan.

Untuk Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen pula, tentang perpindahan fungsi MOF dengan MEA, adakah akan memastikan prosedur berkesan termasuk juga Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, bagaimana penubuhan kementerian baharu ini dapat menjamin mengoperasi yang efisien dan tidak bertindih? Pemindahan fungsi ini adalah perlu untuk menjamin tiada penindihan kuasa khususnya bahawa tidak ada pemusatan kuasa di Jabatan Perdana Menteri dan memastikan mengoperasi kementerian baharu dapat memberikan perhatian kepada usaha untuk bersama-sama memperkasakan ekonomi. Tentulah belanjawan akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

■1250

Akan tetapi pada masa yang sama, apabila kita lihat masalah utama ialah seperti yang kita sebut sebelum ini. Manifesto- kita asingkan jawatan Perdana Menteri dengan Menteri Kewangan, jangan-jangan kedua-dua jawatan yang penting ini dipegang oleh orang yang sama. So, itu lah sebabnya sekarang Perdana Menteri tidak memegang jawatan Menteri Kewangan. Akan tetapi pada masa yang sama kita juga tidak mahu lihat bahawa semua kuasa dipusatkan dalam jawatan Perdana Menteri. So apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi ialah untuk mengeluarkan agensi daripada Jabatan Perdana Menteri dipindahkan masuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Akan tetapi, itu tidak bermakna bahawa kuasa Perdana Menteri telah dikurangkan. Tentu ada pihak di dalam beberapa sesi dia cakap, "*Oh! mungkin kuasa Kementerian Kewangan dikurangkan.*" Ini kerana ada beberapa agensi telah dipindahkan, bukan sahaja ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tetapi juga ke kementerian-kementerian lain. Akan tetapi sebenarnya, hakikatnya ialah agensi ini tidak dipantau keseluruhannya oleh pihak Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan hanya menjadi pemilik saham sahaja.

Bagi saya, saya rasa adalah lebih perlu bahawa ia diuruskan oleh kementerian yang ada bidang kuasa ke atas agensi tersebut. Contohnya, sekiranya kita lihat tentang, SPAD sebagai contoh. Tidak akan SPAD yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan. Ia sepatutnya diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan, tetapi adakah ini bermakna bahawa kuasa Perdana Menteri telah kurang? Kuasa Yang Berhormat Menteri Kementerian Pengangkutan telah bertambah. Tidak, Perdana Menteri masih Perdana Menteri.

Sama juga dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Tidak akan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi lebih berkuasa sekarang daripada Perdana Menteri. Tidak. Ini hanya satu penyusunan semula, supaya boleh lebih efisien. Dalam aspek ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rasa boleh gunakan kepakaran yang sedia ada dalam Yang Berhormat Gombak untuk menguruskan beberapa agensi yang ada bermasalah ataupun ada berpotensi. So, apa salahnya, apa masalahnya.

Sebagai satu contoh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pula hendak serahkan urusan berkaitan dengan hospital swasta kepada saya, sungguhpun saya keberatan, tetapi akhirnya Kabinet rasa ia harus dipindahkan kepada Kementerian Kewangan. Ini kerana Kementerian Kesihatan harus berikan tumpuan kepada *public health* iaitu kesihatan untuk orang awam. Akan tetapi untuk kesihatan dalam bidang swasta, iaitu hospital-hospital swasta dan berkaitan dengan mendapat sumber kewangan, itu harus diuruskan oleh Kementerian

Kewangan. Akan tetapi itu tidak bermakna bahawa Kementerian Kesihatan telah hilang kuasa. Tidak. Lebih-lebih lagi apabila ia diminta sendiri oleh Kementerian Kesihatan.

So di sini jikalau kita lihat daripada perspektif luar, kita anggap ini macam tambah tolak, tambah kuasa, tolak kuasa, bukan. Ini adalah penyusunan semula supaya, kerajaan dan pentadbirannya boleh menjadi lebih efisien, lebih berkesan, lebih efektif dan yang paling penting sekali ialah lebih telus dan lebih *accountable*. So, itulah maksudnya.

So, di sini sungguh pun jikalau kita lihat dari semua kementerian. Kementerian yang hilang paling banyak agensi ialah Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa lebih daripada separuh telah pun dipindah keluar. Akan tetapi adakah ini bermakna bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berkuasa? Jikalau tanya soalan ini semua tidak percaya. Banyak yang hendak cakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah paling berkuasa. So, ini saya rasa tidak timbul langsung. Ia dilaksanakan semata-mata, seperti yang saya sebutkan tadi, untuk memastikan, melicinkan urusan pentadbiran dan untuk memastikan bahawa proses dan prosedur boleh berjalan lebih lancar, itulah maksudnya. So di sini saya...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, sekiranya Yang Berhormat Menteri, kita- bukan kita hendak membangkang ataupun menolak, tetapi hanya hendak bertanya. Sekiranya Yang Berhormat Menteri- contoh ambil Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi Yang Berhormat Menteri berikan sebagai contoh.

Sekiranya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan buat keputusan, apabila sampai ke Kabinet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengetahui keputusan yang dia buat itu dan dia tidak setuju. Apa yang berlaku pada ketika itu? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh *overrule* keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu? Jikalau hendak *overrule* dari segi etikanya kita merasakan bahawa *is not good for the public to see that happen*, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Apa yang saya sebutkan tadi adalah atas permintaan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ia tidak diminta oleh saya, sebenarnya saya sebagai Menteri Kewangan keberatan untuk menerimanya. Akan tetapi apabila diminta berkali-kali, dan selepas ini direstui oleh kabinet, memanglah akhirnya saya terima tambahan tugas ini.

Akan tetapi, di dalam senario yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi, sekiranya ada perbezaan pendapat di antara dua menteri, tentu akhirnya ia akan dirujuk kepada Perdana Menteri atau dan sekiranya perlu dirujuk kepada Kabinet. Perdana Menteri

akan buat keputusan. Akan tetapi yang buat keputusan muktamad dan mutakhir ialah Kabinet. Sehingga sekarang kita tidak lihat ada apa-apa masalah, semua boleh capai kata sepakat. So, tidak ada masalah sehingga sekarang. Akan tetapi saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator.

So, di sini saya juga ingin rujuk kepada Yang Berhormat Senator- ini tentang MARA. MARA ialah diuruskan oleh Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Saya percaya beliau telah jawab banyak soalan berkaitan dengannya. Di sini yang saya ada maklumat tentang MARA adalah bahawa ia terus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Rabyah Ali bahawa setakat Julai 2018 sebanyak RM2.3 bilion telah pun dikeluarkan untuk memperkasakan keupayaan ekonomi luar bandar.

Tadi tentang IWK, itu satu masalah besar. Saya memang akui bahawa masalah IWK adalah sesuatu yang harus diberikan perhatian dan kerajaan akan mengkaji masalah tunggakan besar yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan Kementerian saya. Saya akan meminta rakan-rakan saya berkaitan dengan kementerian-kementerian di mana Yang Berhormat Senator bangkitkan tadi. Saya akan minta mereka untuk berikan perhatian. Saya tidak mahu jawab secara am untuk mereka sungguhpun saya boleh kerana saya percaya mereka ada maklumat terperinci dan saya tidak mahu mengelirukan Dewan yang mulia ini.

Di sini saya ucapkan terima kasih, saya mohon mencadangkan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Kedua

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian dari tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga, dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR (PEMANSUHAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bantah bertujuan untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [Akta 803] yang telah dikuatkuasakan pada 11 April 2018.

Pemansuhan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim serta memastikan pihak media mempunyai kebebasan untuk menjalankan proses semak imbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang terkandung di dalam Janji 27 Manifesto Pakatan Harapan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses penggubalan Akta 803 adalah terlalu singkat dan konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengamal media dan Ahli-ahli Parlimen pembangkang pada waktu itu tidak dijalankan secara menyeluruh. Akta 803 telah digubal dalam satu tempoh kurang daripada tiga bulan iaitu bermula daripada penubuhan jawatankuasa khas berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar, jawatankuasa khas pada 17 Januari 2018 sehingga tarikh ia dikuatkuasakan pada 11 April

2018. Tempoh penyediaan Akta 803 yang singkat ini juga adalah tidak memadai untuk rundingan dijalankan bersama pihak-pihak berkepentingan, *stakeholders* secara menyeluruh mengenai kesan dan implikasi pewujudan akta ini.

Tambahan pula, jawatankuasa khas tersebut hanya bermesyuarat sebanyak tiga kali sahaja iaitu pada 24 Januari 2018, 7 Februari 2018 dan 13 Februari 2018 dalam tempoh tiga bulan tersebut. Selain itu, hanya satu bengkel telah diadakan pada 12 Mac 2018 untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan penggubalan draf Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 bersama-sama dengan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan. Perkara ini jelas menunjukkan betapa kerajaan dahulu begitu tergesa-gesa di dalam menggubal dan meluluskan Akta 803. Maka, tidak hairanlah ia mendapat reaksi negatif daripada rakyat dan pengamal media di negara ini.

Takrif "*Berita tidak benar*" di bawah Akta 803 adalah terlalu luas.

Akta 803 mentakrifkan "*Berita tidak benar*" sebagai termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa dalam bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea.

Takrif ini terbuka kepada pelbagai tafsiran dan boleh disalahgunakan terutamanya apabila melibatkan berita yang tidak sehaluan dengan pendirian kerajaan. Pengamal media tidak lagi bebas untuk menyiarkan berita ataupun menyuarakan pandangan yang bersifat kritikal terhadap kerajaan kerana bimbang berita tersebut akan dianggap sebagai berita tidak benar yang menyebabkan mereka boleh didakwa di bawah Akta 803.

Melalui Akta 803, penguat kuasa diberikan kepada mahkamah untuk membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar atas permohonan secara *ex parte* ataupun sebelah pihak.

Dalam hal ini, mahkamah akan menghadapi kesukaran untuk menentukan sama ada sesuatu maklumat atau kenyataan merupakan maklumat atau kenyataan tidak benar secara muktamad semata-mata atas permohonan secara *ex parte* terutamanya apabila ia melibatkan kenyataan yang terdedah kepada tafsiran yang pelbagai. Contohnya, kenyataan berkaitan sejarah yang ada kalanya berbeza mengambil kira sumber dan elemen politik yang menyelubungi penceritaannya.

Seterusnya, peruntukan di bawah seksyen 3, Akta 803 berhubung dengan pemakaian keluar wilayah, *extraterritorial*, membolehkan seseorang sama ada warganegara atau tidak termasuk penerbitan-penerbitan luar negara didakwa di Malaysia biarpun kesalahan dilakukan di luar negara.

Peruntukan ini sukar dilaksanakan sekiranya individu yang melakukan kesalahan itu berada di luar Malaysia dan hanya boleh dituduh apabila dia berada di dalam negara ini atau jika tertuduh dapat dibawa ke negara ini melalui proses ekstradisi. Situasi ini melibatkan pemakaian undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Bantuan Bersama dalam Undang-undang Jenayah 2002 [*Akta 621*], dan Akta Ekstradisi 1992 iaitu Akta 479. Ia dilaksanakan dengan kewujudan perjanjian antara kedua-dua negara.

Di samping itu, penggunaan Akta 803 ke atas individu bukan warganegara juga berpotensi mewujudkan risiko yang tidak perlu kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara.

Seksyen 7(1), Akta 803 pula membenarkan individu ataupun entiti yang menjadi mangsa berita tidak benar mengemukakan permohonan secara *ex parte* di mahkamah untuk mendapatkan perintah menghapuskan berita tidak benar tanpa memberitahu kepada orang yang dituduh menyebarkan berita tidak benar itu.

Namun, permohonan secara *ex parte* tidak memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk hadir ke mahkamah bagi membicarakan dan menentukan adakah berita yang disebarkan itu tidak benar meskipun subseksyen 8(1), Akta 803 membolehkan pengetepian perintah di bawah seksyen 7, Akta 803 dibuat. Keadaan ini boleh menjejaskan imej atau kredibiliti individu atau organisasi yang didakwa ataupun mereka belum tentu melakukan kesalahan tersebut di samping ia terbuka kepada penyalahgunaan proses mahkamah, *abuse of process*.

Kerajaan percaya bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan Akta 803 apabila penguatkuasaan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan undang-undang berkaitan fitnah boleh dibuat dengan lebih menyeluruh dan efektif untuk membendung masalah berita tidak benar. Kerajaan mempunyai pilihan untuk meminda peruntukan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan memperhalusi pemakaian dan keberkesanannya dalam menangani penyebaran berita palsu.

Pada masa yang sama, undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1998 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 juga boleh digunakan untuk membendung masalah berita tidak benar. Namun begitu, ingin saya tegaskan di sini, kedua-dua akta ini sedang dikaji oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk tujuan pemansuhan seperti mana yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Kewujudan Akta 803 bersama-sama undang-undang sedia ada boleh ditafsirkan sebagai, dengan izin, *over regulation* terhadap hak untuk bersuara seperti yang telah pun terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Dari sudut penggubalan undang-undang,

menurut G.C. Thornton dalam *Legislative Drafting: 5th Edition* di perenggan 7.34 di muka surat 157 menyatakan bahawa... *[Membaca petikan]*

“The first step to consider whether further legislation is in fact necessary or whether the desired ends might not be capable of achievement wholly or in part either by administrative means or under existing legislation. If legislation is enacted that is not needed, that is a clear waste of time and therefore money and swells the volume of the statute book unnecessarily.

■1440

In particular proposals to confer statutory powers on Ministers or officials requires scrutiny because it may be that those powers, or some of them, may already exist under the common law or possibly under the other statutes. Needless legislation must be discouraged. Unnecessary new legislation is not only useless, it is actively damaging. It adds to the statute book thus adding to the complexity of legislation and rendering its understanding and subsequent application, doubtful. It encourages the impression that the legislation is not significant enough to be preserved for priority policy issues, thus failing to draw the user’s attention to a few, well-chosen statutes. And it creates the false [fraudulent] impression that the government has dealt with a social issue, whereas it clearly has not”.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah dirangka bertujuan untuk memansuhkan Akta 803.

RUU ini mengandungi dua fasal di mana fasal 1 adalah berkenaan tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 pula bertujuan mengenai peruntukan pengecualian. Cadangan pemansuhan Akta 803 di bawah fasal 2 tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini.

Pada tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, apa-apa permohonan bagi suatu perintah di bawah Akta 803 yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, atau apa-apa prosiding yang berkenaan dengan permohonan itu yang belum selesai di bawah Akta 803, boleh diteruskan seolah-olah akta ini masih berkuat kuasa.

Pada tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini, apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta 803 yang belum selesai di bawah Akta 803 boleh diteruskan seolah-olah Akta 803 masih berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pemansuhan Akta 803 juga tidak akan membawa kesan secara ke belakang, dengan izin, *retrospective effect*. Oleh yang demikian,

pemansuhan Akta 803 ini tidak akan menjejaskan apa-apa perintah yang telah dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang telah diambil di bawah Akta 803 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa RUU ini.

Secara keseluruhannya, cadangan pemansuhan yang kini diusulkan adalah berasaskan kenyataan bahawa Akta 803 digubal bukan berdasarkan keperluan sebenar sekali gus ia telah gagal, dengan izin, *by design* untuk memberi impak positif dalam mengawal penyebaran berita palsu. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli Yang Berhormat, saya jemput dulu pertama sekali Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Dipersilakan.

2.43 ptg.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018.

Satu lagi rang undang-undang yang bersejarah. Kenapa bersejarah? Kalau kita tengok, ini kali yang kedua atau rang undang-undang yang kedua yang Kerajaan Pakatan Harapan bertujuan untuk memansuhkan.

Sebelum ini Akta GST, sekarang Akta Antiberita, dan seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, rang undang-undang ini bertujuan untuk memansuhkan Akta 803 iaitu Akta Antiberita Tidak Benar.

Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga berasa bangga pada hari ini. Pasal kalau kita tengok pemansuhan Akta 803 itu, adalah selaras dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan seperti yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan, janji 27 di mana Kerajaan Pakatan Harapan telah mengatakan kita akan mula langkah-langkah untuk memansuhkan akta-akta yang zalim dan yang tidak sesuai. Walaupun kalau kita tengok dari segi manifesto, akta ini tidak disenaraikan kerana akta ini diluluskan baru sebulan sebelum *election*.

Akan tetapi tidak ada keraguan bahawa Akta 803 itu adalah satu akta yang zalim dan pada saya, bukan saja satu akta yang zalim tetapi seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, satu akta yang diluluskan secara tergesa-gesa tanpa satu kajian, tanpa satu perbahasan yang mendalam atau menyeluruh.

Dalam satu masa yang begitu singkat tadi, kita telah dengar bahawa jawatankuasa untuk mengkaji penggubalan satu undang-undang untuk menangani masalah berita tidak benar ditubuhkan pada Januari, kemudian hanya bermesyuarat tiga kali dan kalau tidak salah, satu proses *engagement* dengan agensi-agensi berkaitan dan tiga bulan lepas itu, dibentangkan di Parlimen dan menjadi undang-undang.

Mungkin pada pengetahuan saya, mungkin *I think this is the fastest law* dalam kita punya *history* dari segi proses penggubalan sehingga diluluskan dan kerana dibuat secara tergesa-gesa, maka timbullah kesangsian dan tuduhan bahawa Kerajaan Barisan Nasional masa itu menggubal akta ini untuk digunakan semata-mata sebagai senjata semasa pilihan raya daripada segi *timing* dan sebagai, dengan tujuan hendak membungkam kritikan terhadap kerajaan.

Kita harus ingat pada masa itu terdapat banyak penyebaran berita sama ada berita benar atau berita tidak benar berkenaan dengan beberapa skandal. Salah satu tuduhan pada masa itu ialah pembentangan rang undang-undang masa itu, akta itu adalah untuk menyekat kebebasan media dan juga penyebaran maklumat terutama sekali berkenaan dengan skandal 1MDB pada masa itu...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyokong apa Yang Berhormat katakan tadi bahawa kita meluluskan rang undang-undang yang lepas itu dengan tergesa-gesa tanpa ada kajian. Apakah pandangan Yang Berhormat, sekarang ini kita hendak tarik balik pula undang-undang ini dalam masa 100 hari lebih Pakatan Harapan memerintah? Adakah kajian dibuat Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini? Adakah ia juga tergesa-gesa? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Pada saya, saya rasa tindakan ini bukan satu tindakan tergesa-gesa. Pasal ia bukan 100 hari, pasal pendirian Pakatan Harapan terhadap undang-undang ini pada mulanya bermula dari bulan satu, tahun ini. Daripada Januari dulu kita sudah tidak setuju dengan undang-undang ini dan dari awal Januari. Semasa sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pun kita telah menyuarakan. Masa itu sebagai parti lah, bukan sebagai kerajaan.

Pendirian saya bukan secara tergesa-gesa. Pasal kenapa saya cakap pendirian saya itu bukan secara tergesa-gesa, *you* akan tengok bila saya bagi alasan kenapa akta ini tidak

berapa sesuai. Bukan kita sokong berita tidak benar, tidak. *You* akan tengok daripada segi alasan-alasan yang dibagi, kenapa kita menentang akta ini secara khusus. Apabila saya cakap hendak bungkam kritikan atau hendak menghalang media, salah satu sebab ialah kalau *you* tengok daripada segi hukuman yang terkandung dalam Akta 803 ini, kalau tidak salah, denda sebanyak RM500,000 dan boleh didenda enam tahun.

■1450

Ini kita kena tengok, hukuman berat ini dengan tafsiran *the authority* yang akan menentukan apa itu atau *what is*- apa yang berita tidak benar dan sebagainya. Ini saya akan jelaskan sedikit.

Lagi satu sebab kenapa mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri masa itu di Dewan Rakyat tidak sedar apa yang berlaku di Dewan Negara. Kenapa saya cakap secara tergesa-gesa?

Rang undang-undang itu dibentangkan di Dewan Negara pada 3 April kalau tidak salah. Pada 3 April pagi itu, hari Selasa pagi itu kita nampak rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dibentangkan di Dewan Negara, pukul 10 pagi.

Pada hari itu juga selepas satu setengah jam, kita dikehendaki membahaskan rang undang-undang itu. Satu rang undang-undang yang mempunyai implikasi yang begitu luas, implikasi yang begitu drastik tetapi selepas satu jam kita diperlukan untuk membahaskan rang undang-undang itu, yang saya sebut ini di Dewan Negara bukan di Dewan Rakyat. Satu jam setengah.

Apa hendak cakap? Baca pun tidak sempat hendak baca. *And then* kita dikehendaki membahaskan rang undang-undang. Ini saya hendak *taruk* dalam rekod, dan pada hari itu juga saya masih ingat, saya bangun atas *Standing Order 47. Standing Order 47 very clear*, mana-mana rang undang-undang yang perlu dibahaskan mesti diberi Notis. *Even though it's a government bill*, perlu memberi Notis sekurang-kurangnya satu hari. Akan tetapi pada hari itu kita tidak dapat Notis satu hari. Akan tetapi malangnya walaupun saya bangun atas *Standing Order 47*, saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua telah menggunakan budi bicara dia di bawah *Standing Order 82(1)* untuk menghentikan segala pakai *standing orders*. Maka, dibenarkan untuk bahas rang undang-undang.

Ini kenapa saya cakap secara tergesa-gesa. *Forget about party line*. Isu saya, kita tidak dapat satu perbahasan yang bermutu. Saya juga ingat pada hari itu di Dewan Negara, *I think I said*, bila saya baca rang undang-undang ini, fikiran saya pergi kepada novel *Nineteen Eighty-Four* yang ditulis oleh George Orwell pada tahun 40-an berkenaan dengan satu *dystopian society*. Kalau kita tengok novel itu *Nineteen Eighty-Four* sebenarnya dia satu *political satire* tetapi lepas undang-undang ini, *political satire* pun diharamkan.

Akan tetapi kalau *you* tengok dalam novel itu dia bercerita berkenaan dengan satu negara di Oceania *and for the first time*, negara Oceania yang diperintah oleh satu *totalitarian regimes* dan *for the first time* dalam buku itu kita dapat tengok konsep-konsep seperti *omnipresent surveillance, double talk, thoughtcrime, face crime, historical revisionism* dan pelbagai konsep dalam buku George Orwell itu. Bila *I* tengok Akta 803 pada masa itu, *my first thought* ialah Malaysia akan jadi macam negara Oceania, *non-existing country*.

Pasal dalam buku itu dia juga sebut ada satu *Ministry* yang dia akan panggil, *the Ministry of Truth* dan hanya berita yang dihasilkan oleh kementerian ini akan dianggap sebagai berita benar, yang lain itu akan dianggap sebagai berita tidak benar. Dalam buku itu lah. Dia ada satu *Ministry of Truth*.

Kenapa saya buat persamaan ini? Pasal semasa menjawab satu persoalan ada seorang Menteri, Timbalan Menteri, *sorry*. Ada seorang Timbalan Menteri pada masa itu, *I* tidak hendak sebut nama, yang berkata, sebarang berita yang berkaitan dengan 1MDB yang tidak diiktiraf oleh kerajaan akan dianggap sebagai berita tidak benar. Ini *statement, official statement* oleh seorang wakil kerajaan. So, pada saya dia seolah-olah macam *Ministry of Truth* dalam buku George Orwell. Hanya berita yang dikeluarkan oleh kerajaan atau agensi kerajaan akan dianggap sebagai berita benar.

Saya masih ingat pada masa itu, *I* cakap kalau kita benar kan itu, ia akan membawa kita kepada satu masyarakat *dystopian*. Pada saya, *it is okay* kalau kita tidak boleh jadi Utopia tetapi *I don't think we should be a dystopian society*. Dalam *dystopian society* kita harus ingat kepercayaan, pendapat yang tidak mengikut kehendak parti pemerintah itu akan dianggap sebagai *illegal, a thoughtcrime*. Akan tetapi malangnya, pada hari itu, rang undang-undang pada masa itu rang undang-undang, sekarang akta, diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu saya masih ingat rang undang-undang itu bukan sahaja ditentang oleh pihak pembangkang termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari itu, masih menentang *bill* ini. Akan tetapi juga banyak-banyak badan neutral seperti SUHAKAM, *Human Rights Watch*, NGO dan lain-lain. Apa yang kita perlu memberi perhatian ialah kenapa badan-badan NGO ini? Mungkin ada tuduhan dia bukan neutral dan sebagainya tetapi itu bukan isu dia. Kenapa badan-badan ini menentang rang undang-undang itu pada masa itu?

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa pembentangan tadi, salah satu sebab ialah dari segi isu tafsiran. Tafsiran perkataan tidak benar itu, yang begitu luas *and I* rasa tidak perlu untuk saya pergi dalam *details* apa yang kita timbulkan sebelum ini tetapi *suffice for me to say* kalau kita tengok tafsiran itu sangat luas sehingga boleh disalah gunakan. Itu isu yang pertama, isu tafsiran. Pasal masa itu saya ingat

kerajaan sendiri pun tidak *clear* apa tafsiran yang hendak dipakai *because it was very wide, very weight, very ambiguous*, dengan izin.

Isu yang kedua juga seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pada masa itu ada sebilangan besar *civil society* berpendapat bahawa tidak perlu akta ini daripada segi *over-regulation, unnecessary laws, needs law*, dan sebagainya. Pasal masa itu pun kita sudah ada undang-undang yang mencukupi seperti Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia, *Printing, Presses, and Publications Act* dan banyak lagi termasuk *civil defamation, criminal defamation*, ada banyak akta yang sudah cukup untuk menangani masalah berita tidak benar.

Saya tidak ada cakap *incident* berita tidak benar tidak berlaku, ia akan berlaku. Sebenarnya banyak masa itu, zaman itu banyak sangat berita tidak benar. *My stand is* undang-undang yang kita sedia ada pada masa itu sudah cukup.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk *argue* berkenaan dengan akta...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh saya celah sikit? Tuan Yang di-Pertua, pencilan sulung.

Senator, boleh jelaskan- setahu saya ketika itu, ada juga gesaan daripada pengamal-pengamal media untuk menubuhkan satu perkara yang agak penting iaitu dipanggil 'Majlis Media.' Saya difahamkan perkara tersebut sudah sampai ke tahap rang undang-undang digubal, di draf di Pejabat Peguam Negara. Pengalaman kepada sebuah negara yang melalui transisi perubahan kerajaan seperti di Indonesia dan tempat-tempat lain, majlis media ialah satu perkara yang mungkin boleh membantu perkara yang dikatakan tadi, yang dalam keadaan tertentu boleh dibantu daripada segi akta undang-undang, tetapi dalam keadaan tertentu perlu dibantu dengan mekanisme yang lain. Mungkin boleh mohon pandangan.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih. Sebenarnya konsep Majlis Media atau apa yang kita sebut dalam bahasa Inggeris pada masa itu adalah "*Media Council.*" Kalau tidak salah dalam manifesto Pakatan Harapan kita juga masih sebut berkenaan dengan *media council*. Akan tetapi sebenarnya selain daripada *media council*, apa yang *interesting* pada saya ialah konsep *self-censorship*.

Kalau *you* tengok konsep *Media Council*, ia membawa kita kepada satu suasana untuk *self-censorship* walaupun bukan *self-censorship* secara 100 peratus pasal dia akan menubuhkan *council*.

■1500

Pada saya, *it is a step in the right direction*. Ini dari segi konsep *self-censorship* sahaja. Kalau tidak ada *self-censorship* secara peribadi pun contoh, saya anggap negara kita sebagai

satu negara pelbagai kaum dan sebagainya. Kalau kita tidak ada *self-censorship*, maka kita akan sebut perkataan yang akan menyakiti hati orang lain.

So, pada saya kita perlu menggalakkan konsep *self-censorship* dan *media council* adalah satu aspek dalam *direction* itu. Ini saya tak nak sebut fasal *media council* dan saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau kita ikut Manifesto Pakatan Harapan telah disebutkan, kita akan menuju ke arah *media council* sebagai satu langkah untuk *at least* mengurangkan berita-berita tidak benar.

Macam saya cakap tadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu *argue* pasal kebaikan atau keburukan Akta Antiberita Tidak Benar. *To me that is forgone conclusion. It is a bad law, it is a regressive law.* Kita sudah buat keputusan di Dewan Rakyat untuk memansuhkan akta itu. Saya cuma hendak buat kalau boleh tiga rayuan kepada kerajaan pada hari ini. Mungkin dua rayuan ditujukan kepada kerajaan dan satu lagi rayuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Secara peribadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong rang undang-undang ini demi keadilan dan dari aspek implikasinya pada jangka masa panjang. Saya rasa macam saya cakap tadi tidak perlu untuk sebut keburukan akta. Akan tetapi saya minta sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain ini supaya kita memberi suara kepada mandat yang telah diberi oleh rakyat pada pilihan raya yang lepas. Salah satu sebab mungkin yang jadi kekalahan parti sebelum ini adalah juga akta ini. Rakyat sudah memberi mandat yang baru. So, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat Senator memberi sokongan kepada mandat itu. Itu rayuan yang pertama.

Rayuan yang kemudian lebih berfokus kepada kerajaan, bukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekiranya rakan-rakan saya di sini tidak terima cadangan saya dan menolak rang undang-undang ini, maka rayuan saya kepada kerajaan ialah jangan pakai peruntukan akta-akta ini. *That means* kalau rang undang-undang ini ditolak, Akta 803 masih akan berkuat kuasa, cuma jangan pakai *although the act will still be in the statute book*, dengan izin.

Di sini saya tidak mengatakan supaya jangan ambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan berita tidak benar. Apa yang saya maksudkan ialah jangan pakai undang-undang atau akta ini. Memang tidak dinafikan insiden-insiden berita tidak benar kian meningkat dan memberi kesan yang begitu serius kepada mereka yang terlibat. Akan tetapi saranan saya ialah pakai akta-akta yang lain. Sekiranya akta-akta yang lain itu tidak mencukupi, buat pindaan untuk akta-akta yang lain. Itu rayuan kedua saya tetapi rayuan pertama saya kepada kerajaan.

Saya juga ingin membuat lagi satu rayuan kepada kerajaan pasal dalam proses pemansuhan ini. Saya harap kerajaan juga akan mengambil tindakan-tindakan untuk memansuhkan. Kalau bukan memansuhkan *at least* untuk mengulang kaji akta-akta yang lain seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan dua akta tadi.

Akan tetapi sekurang-kurangnya akta-akta yang disenaraikan dalam Manifesto Pakatan Harapan macam Akta Hasutan, SOSMA, *National Security Council*, Akta Majlis Kebangsaan dan sebagainya. Juga kalau perlu ulang kaji akta-akta lain yang mungkin ada berkaitan dengan Akta Antiberita Tidak Benar contoh *Whistle Blowers Act*, *Official Secrets Act* dan juga *Witness Protection Act* supaya kita dapat ulang kaji akta-akta ini.

Pada saya, dalam fikiran saya, kalau kita dapat buat semua ini, maka kita akan dapat menikmati secara tulen *human rights* yang dijanjikan oleh Artikel 10, *The Federal Constitution* dengan sepenuhnya. *The rights*-kebebasan untuk bersuara, kebebasan untuk berhimpun dan kebebasan untuk *association*. Saya setuju kalau banyak orang berpendapat *there is no such thing as absolute freedom*, itu saya setuju. Perlu ada *restriction*.

Akan tetapi, kalau akta ini masih berada dalam *statute*, mungkin kita akan dapat *freedom of speech*. Akan tetapi apa yang saya risaukan ialah *we won't have freedom after speech* seperti yang pernah dicakapkan oleh Idi Amin, *the Butcher of Uganda* yang pernah cakap, "*I can guarantee you, there shall be freedom of speech but I shall not guarantee you there shall be freedom after speech*". Kalau akta ini masih ada, *I think we won't have freedom after speech*. Ini pendirian saya. So, saya harap kerajaan akan *consider* cadangan-cadangan yang saya telah buat demi kepentingan rakyat.

Satu lagi sebelum saya menamatkan perbincangan saya, satu yang ingin disebutkan ialah dari segi *availability of information*. Biasanya kalau kita tidak ada *information* yang mencukupi atau daripada segi sumber, dan daripada segi jenis *information*, daripada *scope of coverage* dan sebagainya, maka rakyat akan *speculate* kalau tidak ada *information*.

So, saya cadangkan supaya, kalau boleh kerajaan *must have a source information*. Kalau boleh untuk menimbangkan cadangan untuk menggubal *Freedom of Information Act*. Fasal kalau kita tengok di negeri Pulau Pinang, dengan negeri Selangor, kita sudah *introduce Freedom of Information* sebagai satu enakmen sejak lapan tahun ini di Pulau Pinang dan kita tengok *there is no downside* untuk kita *introduce Freedom of Information Act*.

Jadi apa yang saya sarankan supaya kita *made information, accurate information, readily available* kepada rakyat. Bukan *historical revisionism*. So, kalau kita dapat satu sumber yang mana kita boleh dapat maklumat, maka saya berpendapat *rumour- mongering*,

gossiping, penyebaran berita tidak palsu akan kurang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah. Terima kasih.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, silakan.

3.09 ptg.

Dato' Ong Chong Swen: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia. Terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018.

Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar tidak diperlukan. Ini kerana undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi untuk menangani gejala berita palsu.

■1510

Dinyatakan bahawa Kanun Keseksaan fasal 499 hingga 502, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 fasal 8A dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sudah boleh menangani berita palsu. Setahu saya, Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini berjanji akan memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Bagaimana pula boleh menggunakan akta-akta ini untuk menangani berita palsu?

Akta-akta yang dinyatakan beliau masih perlu dipinda untuk memastikan berita palsu boleh ditangani dengan cara berkesan. Ini kerana pada masa sekarang maklumat bergerak dengan begitu pantas dan undang-undang yang dinyatakan telah digubal sebelum era *social media*. Pada masa tahun 1980-an atau tahun 2000, tidak ada *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Wechat* dan lain-lain tetapi pada masa sekarang semua berita benar atau palsu dengan izin, *are just a finger away*.

Tuan Yang di-Pertua, proses saman dan mengambil tindakan melalui mahkamah mungkin terlalu lambat dan mangsa berkenaan sudah tercemar reputasi. Akta Antiberita Tidak Benar memperuntukkan langkah sementara atau *interim measure* untuk menghentikan penyebaran berita palsu ini iaitu fasal 7. Juga, adakah kerajaan bersedia dan sanggup meneliti semua akta-akta yang berkenaan dan meminda semuanya untuk memastikan ia lebih selari dengan satu sama lain? Kebaikan memiliki satu akta untuk menangani berita palsu adalah tindakan boleh dipercepatkan.

Salah satu daripada contoh jenis berita palsu yang tular pada baru-baru ini iaitu pada April 2018 adalah apabila dikatakan Tuanku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim ke pasar raya Econsave Pontian, Johor untuk membayar barangan. Ada orang dengan sengaja

menyebarkan berita yang tidak benar dan pasar raya tersebut terpaksa mengalami kesesakan dan orang ramai telah memenuhkan troli dengan pelbagai barangan, namun ianya dibiarkan begitu sahaja. Berita berkenaan dapat sumbangan daripada satu pihak atau pihak yang lain pun selalu disebar. Berita palsu bukan sahaja boleh mencemarkan reputasi orang tetapi juga merugikan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya berpendirian bahawa Akta Antiberita Tidak Benar itu ada kelemahan seperti tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan beritahu kita kerana dilihat seolah-olah memberi terlalu banyak kuasa kepada mahkamah untuk membuat keputusan sama ada berita itu adalah benar atau palsu dan wajar dipadamkan. Fasal 7, Akta Antiberita Tidak Benar menjelaskan kuasa mahkamah dalam menentukan kandungan penerbitan apabila affidavit tiada didengari serta disahkan oleh mahkamah. Juga perintah satu pihak untuk mengarah mana-mana pihak memadam kenyataan yang didakwa berita palsu dilihat seperti tidak adil kepada pihak yang terjejas.

Bagaimana pula mahkamah menjustifikasikan satu kandungan penerbitan benar atau palsu? Saya rasa ini bergantung kepada hujah pihak peguam yang subjektif. Saya juga menyatakan pada sesi Dewan Negara yang lalu bahawa hukuman yang diperuntukkan dalam akta ini tidak selari dengan undang-undang yang lain di mana hukuman di bawah akta ini nampak terlalu berat seperti tadi kata penjara enam tahun dan denda RM500,000.

Akan tetapi saya ada juga hendak beritahu contoh hukuman untuk kecurian di bawah fasal 379 Kanun Keseksaan adalah penjara tujuh tahun. Hukuman maksimum di bawah akta ini terlalu berat jika dibandingkan dengan akta-akta dan undang-undang lain di mana kesalahan lebih serius dan menyebabkan kesakitan terhadap orang lain. Contohnya, dalam Kanun Keseksaan fasal 325, dengan izin, *punishment for voluntary causing grievous hurt* di mana hukuman maksimum hanya tujuh tahun.

Rang undang-undang juga tidak mengatakan apa akan dilakukan terhadap kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang menyebarkan berita palsu kerana sekarang budak-budak di sekolah rendah ataupun di tadika sudah ada *smartphone*. Contohnya, sekiranya sekumpulan individu memutuskan untuk berkongsi berita palsu di *Facebook* atau media sosial, adakah itu bermakna bahawa semua orang bersalah? Sebenarnya jika penjara enam minggu atau enam hari atau denda RM5,000, RM10,000, saya rasa semua pengguna media sosial pun sudah terkejut dan tidak akan menyebarkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Akta Antiberita Tidak Benar masih relevan walaupun ada yang tidak mencukupi. Namun, ia memerlukan pindaan supaya lebih jelas. Sekiranya masih hendak dimansuhkan, akta-akta yang lain perlu dipinda dan ini mungkin akan ambil masa yang panjang. Beberapa negara misalnya *Germany*, dengan izin, *passed an act*,

Enforcement Act, on June 30th 2017 focused on hate speech and fake news. France, Philippines, Singapore, Indonesia and South Korea all are planning to go for a new law to combat malicious distribution of fake news.

Mengapa pula kita hendak patah balik? Dengan izin, *if the act need to be improved, let's work on it and make it a better act but not just* batalkan. Saya tidak akan bahas panjang-panjang. Saya akan mengakhiri ucapan saya. Saya harap...

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: Yang Berhormat...

Dato' Ong Chong Swen: Habis sudah, *last sentence*.

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: *Clarification* sahaja. *Just* hendak *clarification*.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar berkenaan dengan *anti-fake news* dalam negara-negara yang lain tetapi *my concerns is, I* tak tahu sama ada Yang Berhormat ada maklumat atau tidak berkenaan dengan *third party content* sama ada undang-undang di lain negara melibatkan *third party content* atau tidak. Mereka yang menyebarkan contoh *Facebook users, social media users* dan sebagainya daripada segi *third party contents*. Cuma ada maklumat atau tidak sahajalah.

Dato' Ong Chong Swen: *That as a, dengan izin, as far as on that, I think we have study earlier on the social media, there are so many spreading in fact especially the last one year.* Dalam satu tahun itu banyak berita yang sebenarnya kita nampak di surat khabar dan lain-lain pun kena memberitahu orang itu adalah berita yang tidak benar. Sebenarnya ada juga dibezakan berita palsu dan berita tidak benar. *There are some differences between the two. However,* saya hari ini lepas yang apa saya sudah bahas tadi dan beritahu, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan tidak menyokong memansuhkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin. Dipersilakan.

3.22 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Anti Berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018. Sebagaimana yang kita

tahu bahawa Akta Antiberita Tidak Benar ini iaitu Akta 803 merupakan satu akta yang penuh dengan kontroversi daripada mula penggubalannya sehinggalah sekarang hendak dimansuhkan. Dengan alasan ianya akta yang dikatakan satu akta yang zalim dan digubal dengan secara tergesa-gesa. Akta dibuat untuk melindungi rakyat, kita semua tahu dan menjaga kesejahteraan rakyat. Akan tetapi saya lihat kerajaan sekarang melihat akta ini sebagai satu *political tools* sedangkan maklumat atau berita palsu bukanlah satu isu yang baru.

Penularan berita palsu atau berita tidak benar ini bukan sahaja menjadi kebimbangan di negara ini malahan satu trend yang membangkitkan kebimbangan global. Fenomena penyebaran berita palsu dan fitnah ini akan mewujudkan satu suasana yang tidak baik dalam keharmonian masyarakat dan ianya mampu merencatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara serta mendatangkan ancaman keselamatan sekiranya kandungan berita palsu mempunyai keupayaan provokasi jahat dan berunsur subversif.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Menteri, ada menyebut yang akta ini tidak perlu kerana sudah terdapat beberapa undang-undang sedia ada untuk mengekang isu penyebaran berita tidak benar. Namun kita lihat Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Komunikasi dan Multimedia telah digubal pada atau sebelum tahun 1990-an lagi yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan peredaran teknologi terkini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga merupakan satu akta yang bersifat eksklusif untuk menangani penyebaran berita tidak benar. Kewujudan akta khas bagi menangani kesalahan secara khusus bukanlah satu perkara yang baru malahan terdapat beberapa perundangan khas lain seperti yang telah wujud peruntukan perundangan ini di dalam Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, *Kidnapping Act 1961* iaitu dalam seksyen 359 sehingga seksyen 369 Kanun Keseksaan (*Penal Code*) memperuntukkan undang-undang berhubung, dengan izin, *kidnapping offences* dan juga *Malaysian Anti-Corruption Act 2009*. Maknanya undang-undang atau Akta Antiberita Tidak Benar ini bukanlah satu akta yang baru yang mana ada akta lain, merupakan satu akta yang bersifat eksklusif yang mana terdapat juga akta ini disebut dalam Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa akta ini menyekat kebebasan bersuara kepada rakyat. Tadi banyak yang dibincangkan. Sebagaimana yang kita tahu, kebanyakan undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen adalah bertujuan untuk menyekat hak kebebasan bercakap dan bersuara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Akta ini digubal selaras dengan punca kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perenggan A, seksyen 2, Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang yang mengawal selia kebebasan bercakap demi kepentingan, ketenteraman awam, keselamatan Persekutuan dan, dengan izin, *in the interest of the public order, national security, morality or to provide against submission or incitement to any offends*.

Selain itu, hak kebebasan bersuara adalah hak tidak mutlak. Perkara ini secara jelas diputuskan oleh Mahkamah Agung dengan izin, *Supreme Court* dalam kes '*Public Prosecutor versus Pung Chen Choon 1994*', yang menyebut sebagaimana seperti berikut, "*In considering the questions we had also kept in the forefront of our minds on the hand the principal the right to freedom of speech and expression, as enshrined in Article 10 of the Constitutions is not absolute because the Constitution authorizes Parliament to impose certain restrictions*". Maka dengan itu dakwaan mengatakan bahawa akta ini satu akta yang zalim, yang mengekang keseluruhannya adalah satu dakwaan yang saya kira perlu dilihat secara keseluruhan daripada segi konteks perundangan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah diperkatakan, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Saya minta pihak Menteri untuk dapat menjawab, apakah dengan pemansuhan akta ini, kerajaan akan berupaya untuk menangani isu penggunaan akaun media sosial palsu dan beroperasi di luar negara dalam kerangka kerja penguatkuasaan iaitu daripada segi *legal standing* di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998?

Bagaimanakah prosedur dan langkah yang akan diambil bagi membuat ketetapan statutori agar orang-orang yang didapati komited terhadap penerbitan, pemilikan dan pendedaran bahan berita palsu menggugurkan serta-merta bahan palsu tersebut agar ianya tidak menimbulkan kesan lain yang memungkinkan akan berlakunya tindakan negatif yang menyalahi undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Oleh sebab kita tahu bahawa akta ini apabila kita gubal, yang tak terdapat dalam akta-akta yang telah disebutkan tadi, dengan adanya Akta Antiberita Tidak Benar ini, salah satunya adalah melalui akta ini boleh memberi interim order, maknanya mahkamah boleh meminta sesiapa yang dituduh ataupun dikatakan menyebarkan berita palsu untuk menurunkan berita palsu itu di laman web.

Oleh sebab kalau kita tengok, akta-akta yang sedia ada sekarang, tidak termasuk Akta 803 ini, mana-mana berita kalau walaupun kita dah kata, kita katalah walaupun mahkamah kata ataupun kita dah dakwa orang itu mengatakan itu adalah berita palsu tetapi berita itu masih terdapat di laman sesawang ataupun di *Facebook* ataupun sebagainya.

Tidak ada satu peruntukan yang membolehkan berita-berita itu dikeluarkan daripada *sources*-nya ataupun daripada media sosial sebagai contoh. Akan tetapi dengan adanya akta ini, membolehkan pihak mahkamah memberikan satu *order* bersifat sementara dijatuhkan hukum dan sebagainya untuk mengeluarkan berita tersebut. Oleh sebab itu saya nak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah atau bagaimanakah prosedur dan langkah yang diambil sekiranya rang undang-undang ini dimansuhkan. Maknanya kalau katalah berita itu, maknanya *forever the berita is going to be there*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh mohon penjelasan? Yang Berhormat Senator, boleh tolong jelaskan.

Setahu saya, ada perkara yang dibuat secara administratif ataupun di peringkat dipanggil *enforcement* oleh badan-badan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan perkara itu berlaku. Oleh sebab itu terdapat portal-portal yang mana sebelum kewujudan akta ini pun, ianya telah dinyahkan ataupun dikeluarkan malah disekat. Itu satu.

Akan tetapi soalan yang ingin saya tanya penjelasan ialah, Yang Berhormat Senator kalau diberi pilihan di antara pertama sekali dalam konteks hak asasi manusia apabila kita cuba mengekang *tyranny of a state, the oppression of the state to protect the interest of the people* yang mana negara diberi hak mutlak untuk menentukan benar dan palsu ataupun dalam satu kerangka mekanisme yang mana bukan negara itu tetapi satu badan macam saya katakan tadi majlis media yang terdiri daripada mereka yang bijak pandai yang dipilih yang akan menentukan.

■1530

Kalau di Indonesia itu dia kata perkara sara itu tidak boleh. Sara ini perkara yang ras, agama tapi ia tidak diputuskan oleh negara. Oleh sebab itu di peringkat ini saya rasa agak sesuai juga sebelum kita putuskan apa pilihan yang kita hendak beri kepada rakyat pada alaf 21 ini.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang diberikan.

Sebab itu Akta 803 ini kalau Yang Berhormat Senator perasan, dan Yang Berhormat Senator tahu, akta ini memberi kuasa sepenuhnya kepada mahkamah. Maknanya bukannya kerajaan yang menentukan. Kalau katalah akta-akta yang lain, Akta Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia dan sebagainya, kerajaan akan menentukan sama ada berita itu benar ataupun tidak ataupun salah ataupun tidak tapi akta ini, Akta 803 ini ditentukan oleh pihak hakim. Hakim yang akan menentukan. Maknanya satu badan yang agak neutral. Bukanlah kerajaan yang mungkin ditentukan oleh parti politik tertentu.

Saya harap saya dapat menjawab sedikitlah, pandangan saya. Oleh sebab itu Akta 803 ini kita rasa kita- kalau sekalipun pihak kerajaan hendak memansuhkan tetapi apakah alternatifnya kepada perkara-perkara, persoalan yang tadi yang saya timbulkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah dengan pemansuhan akta ini, institusi-institusi penguatkuasaan akan mempunyai peruntukan-peruntukan akta yang berpatutan dalam mengekalkan keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat Malaysia serta dapat mengekang ancaman subversif. Sekali lagi kalau kita tengok dalam akta-akta yang sedia ada ini tidak boleh menurunkan ataupun berita-berita yang sudah dimuat naik, kalau katalah macam Yang Berhormat Senator tadi katakan, memang ada badan-badan kerajaan boleh menarik balik, memberikan arahan. Akan tetapi ianya mengambil masa yang lama.

Akan tetapi kalau katalah dengan Akta 803 ini, melalui dengan kuasa mahkamah ataupun kuasa hakim, serta-merta kuasa hakim boleh mengarahkan *Facebook*. Contohnya, macam kita kata tadi, kita ada perbincangan *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya yang mana dia punya pangkalannya di luar negara. Dia tidak akan menurunkan berita tersebut kalau tidak ada arahan mahkamah. Oleh sebab itu akta ini dapat melindungi rakyat dan juga masyarakat daripada terus difitnah dan terus mungkin termakan oleh *cyber bully*, *I mean* dikenakan *cyber bully*.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: [*Bangun*]

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: *Yes.*

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Sekejap, cuma sedikit berkenaan dengan keputusan sama ada berita itu anti benar atau tidak akan diputuskan oleh mahkamah itu betul. Bukan tidak akan diputuskan oleh kerajaan. Akan tetapi kita harus ingat dalam Akta 803 ini, *there is an interim order* yang boleh dimohon kalau contohlah kalau saya rasa *I'm affected by* berita tidak benar itu, *I* akan mohon *interim order*. *That mean* walaupun mahkamah belum buat keputusan, saya akan dapat *interim order* untuk *stop you from further* ini. Kita kena ingat, *you* boleh *apply*, contohlah *you apply*, *you* dapat *interim order* terhadap saya. Saya boleh *apply to set aside the interim order* dalam tempoh 14 hari.

Akan tetapi kita harus ingat Akta 803, kalau *interim order* itu didapati oleh kerajaan dengan alasan, mungkin kerajaan akan pakai alasan *public order*, *national security* dan sebagainya. 1MDB itu pun akan jadi *public order* dan *national security*. Kalau *interim order* itu di *apply* dan didapati oleh kerajaan, tidak boleh di *set aside*. Contoh, kalau *you* sudah dapat *order*, *I* boleh *set aside*. *That mean* mahkamah akan memutuskan. *Interim order* ini *is an ex parte application* dan kalau kerajaan dapat *ex parte application*, tidak boleh di *set aside*. Maka

berita itu *you* tidak boleh sebarkan selama-lamanya. *At least* sekurang-kurang *until* keputusan mahkamah.

Maka tuduhan *the presumption of guilt is already made by the government* dan bukan oleh mahkamah. Akan tetapi kalau melibatkan secara peribadi, *between two individuals*, *I* setuju fasal kita boleh mohon *set aside interim order*. Itu saja saya punya *argument* kenapa saya cakap kerajaan jangan buat keputusan dari segi *effect of the law*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itu tadi saya katakan kita perlu melihat akta ini lebih kepada hendak menjaga kesejahteraan rakyat. Kalau kita melihat dari segi aspek politik, kalau kita melihat dari segi akta ini digunakan untuk kepentingan politik ataupun *political to certain party*, mungkin benarlah apa yang macam tadi Yang Berhormat Senator katakan. Akan tetapi saya melihat akta ini lebih kepada melindungi rakyat secara individu.

Kalau katalah kita difitnah, adakah kita hendak benarkan berita itu sentiasa berada dalam laman sesawang yang mana mungkin berita itu 10 tahun yang lalu, lima tahun yang lalu dan ia mengambil masa sama ada akan dikeluarkan ataupun tidak. Sebenarnya saya pun sudah hendak habis Tuan Yang di-Pertua dan akhir kata saya cuma berpendapat bahawa dengan pemansuhan akta ini, Akta 803 ini sebenarnya pada pendapat saya dibuat agak tergesa-gesa.

Kita minta kalau boleh, kalau katalah pemansuhan ini hendak dibuat, kita kaji semula sama ada dipinda semula akta-akta yang sedia ada bagi menampung ataupun mengisi kekosongan-kekosongan ataupun kelompangan undang-undang dalam isu-isu media sosial ini sebab media sosial *very fast*. *As we know that- I believe that*, dengan izin, sebahagian daripada kita pun pernah difitnah ataupun cerita-cerita yang mungkin tidak benar. Akan tetapi tidak ada satu pun undang-undang yang boleh menarik balik berita itu daripada media. Oleh sebab itu saya merasakan bahawa sekiranya undang-undang ini hendak dimansuhkan sebab apa, suka ataupun tidak dia akan dimansuhkan juga sebab 30 hari pergi Dewan Rakyat pun tetap akan boleh, *lets be practical*.

Akan tetapi kita minta kalau boleh kerajaan untuk betul-betul melindungi hak rakyat sebab kita tidak mahu berita tidak benar ini atau berita tidak benar ini dimansuhkan dan akhirnya kita terkebelakang dari segi melindungi rakyat secara keseluruhan hak mereka dalam isu anti ataupun berita palsu ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Haji Md. Nordin, terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah. Dipersilakan.

3.37 ptg.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut untuk berbahas rang undang-undang ini dan ramai yang sudah bercakap. Cuma saya ingin mengambil kes-kes yang berlaku dan berdasarkan kes-kes ini kita dapat melihat bahawa *pros and cons*, dengan izin, undang-undang ini sama ada dimansuhkan ataupun tidak. Saya juga bersyukur kerana semasa undang-undang ini dibahaskan dulu buat pertama kali, saya juga turut terlibat dan saya menyokong bukan kerana saya di dalam Barisan Nasional tetapi saya menyokong berdasarkan kepada fakta-fakta yang diberikan pada ketika itu.

Saya melihat juga- saya berkata dalam Dewan pada ketika itu, kebagusan rang undang-undang ini sekiranya saya ambil contoh pada ketika itu, di mana anak dara saya yang akan berkahwin seminggu lagi. Tiba-tiba ada hamba Allah yang berminat juga dengan anak saya ini, potong kepala anak saya, masukkan gambar bogel di bawah. Hendak kahwin lagi seminggu dan putus tunang kerana *fake news* tersebut.

Ini yang saya menyatakan bahawa ada kebaikannya dan kalau kita tengok negara-negara yang telah pun mengadakan undang-undang ini seperti Belarus, Belgium, Brazil, *Cambodia, Croatia, Denmark*, Perancis, Jerman, Itali, *Singapore*, Indonesia, Korea Selatan, *United Kingdom* dan *United State of America*. Kalau kita tengok di Amerika sendiri pun sehinggakan ada yang menyatakan bahawa Donald Trump itu menang kerana *fake news*. Kita melihat negara-negara yang lain juga menjalankan undang-undang ini berdasarkan sebelum pilihan raya.

Kalau kita tengok semuanya trend sama sebelum pilihan raya. Kalau kita tengok dari segi politik, saya setuju, setuju sangat-sangat kita buang undang-undang ini supaya *freedom of speech* itu ada dan kalau tengok *freedom of speech* juga kalau kita tengok TV kita sekarang, perbezaan dari dulu dengan sekarang. Saya pun sekarang sudah tengok, sudah minat tengok TV kerana TV dulu tentu sekali akan melaporkan perkara-perkara yang diminati oleh Menteri, yang diminati oleh kerajaan pada ketika itu. Akan tetapi saya tengok sekarang ini kurang sikit.

▪ 1540

Ada juga berita-berita, kadang-kadang ditunjukkan muka itu, mulut sahaja bergerak, suara tidak keluar. Kalau kita melihat baru-baru ini juga ada seorang doktor yang telah komen berhubung dengan anak Tun Dr. Mahathir. Katanya, komennya berhubung dengan LGBT.

Selepas itu keluar pula yang menyatakan bahawa doktor ini telah diambil tindakan. Dalam masa 24 jam, dipindahkan ke Sarawak. Kita pun tidak tahu berita ini benar atau tidak. Kita tidak tahu benar atau tidak berita ini. Kalau benar, mana mungkin kerajaan sekarang buat begitu kerana dilaungkan bahawa demokrasi. Kita nak *open*. Kalau tidak benar, *alhamdulillah*.

Kalau kita tengok surat khabar-surat khabar sekarang pun, saya sudah lama tidak baca surat khabar-surat khabar pembangkang kerana surat khabar pembangkang sekarang *Utusan*. Saya tengok *Utusan* ini tidak ada perubahan juga pun. Saya berterus-terang tidak ada perubahan pun. Akan tetapi kalau kita melihat surat khabar yang dulu pun perangnya sama juga. Kalau ini yang kita nak, maka *freedom of speech, freedom of individuals*, ini maka saya menyokong penuh rang undang-undang ini.

Akan tetapi kalau kita melihat berlaku di Brazil. *Brazil's women are being kidnapped for their hair*. Kerana rambut. Rambutnya cantik, perempuan Brazil di-*kidnap* dan ramai perempuan-perempuan Brazil tidak berani keluar kerana *fake news* ini.

Stephen Curry, pemain *basketball, the best shooter in the world*. Gajinya Tuan Yang di-Pertua, RM37 juta, gajinya. *Stephen Curry was hospitalized after apparent day, after loss with another state player. Depa habaq* kata dia mati. *Heart attack*. Berita palsu ini telah menyebabkan *sponsors* semua jadi kelam-kabut.

Di Colombia, *70 years old does condom challenge with used condom get herpes*. Pertandingan pakai kondomlah. Tak usah cerita panjanglah. So, kata dia pakai kondom ini, perempuan itu dapat *herpes* dekat mulut dia. Saya pun tidak tahu macam mana boleh jadi ikut mulut. Jadi ramai orang tidak mahu pakai kondom di Colombia. Akibatnya, tentu sekali kita tahu, tidak pakai kondom itu jadi apa.

Scientist in Indiana can convert or transform a black person into a white person. Lebih kurang dekat sini Qu Puteh lah. Qu Puteh. Qu Puteh. Qu Puteh ini termasuk dalam iklan. Saya tidak tahulah siapa yang pakai Qu Puteh di sini. Kalau macam itu, Yang Berhormat Senator Chandra Mohan pun nak jadi putih. Ini adalah *fake news* yang *actual*. Yang berlaku. *True story*.

Kalau ini, siapa nak membendung mereka ini? Yang keluar ini pula, *Facebook_kata you cannot take out until you get the court order*. Sama dengan Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah kata tadi. *Facebook* kata, *no*. Kita tidak boleh dikeluarkan daripada *Facebook* sehingga dapat *court order*. Undang-undang mana di Malaysia ini yang kita nak pakai untuk mendapatkan *court order* supaya kita tarik balik perkara ini.

Starbucks di Atlanta ditutup kerana seorang Pak Hitam beritahu bahawa Starbucks di Atlanta meletakkan racun kepada minuman-minuman yang dibeli oleh Orang Putih. Di Malaysia juga berlaku.

McDonalds dikatakan- sehingga JAKIM terpaksa mengeluarkan kenyataan bahawa McDonalds ini tidak menyokong Israel. Satu video yang menyebabkan saya sendiri sampai sekarang tidak makan burger McDonalds. Ditunjuknya lembu masuk seekor dalam mesin itu dengan tanduk-tanduk dia sekali. Menggeletar, menggeletar, menggeletar, menggeletar, keluar dia punya *mincemeat*, jadi burger. Saya sampai sekarang saya tidak lalu nak makan. Ini kalau kita lihat daripada segi komersial.

Saya tidak mahu melihat dari segi politik. Daripada segi politik, kita pun tidak tahu *because* Yang Berhormat pun banyak sudah yang berbahas dalam Dewan Rakyat. Soal 1MDB. Kita pun tidak tahu, betul atau tidak betul. Kita pun tidak tahu. Kita menunggu keputusan.

Kita juga merasakan bahawa ramai rakan-rakan kita, tidak kira politik sebelah sini atau sebelah sana, ramai yang terbuka. Yang Berhormat KJ mungkin satu hari akan kena. Sekarang sudah jadi pemerintah. Kita tidak tahu. Nak kata bersetuju dengan rang undang-undang ini pun saya tidak bersetuju. Nak tidak bersetuju pun, cuma saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana kerajaan baharu yang telah pun membentangkan undang-undang ini untuk dibahaskan. Suara terbanyak tentu sekali. Tentu sekali akan menyatakan bahawa kita menyokong bahawa rang undang-undang ini ditarik balik.

Cuma apakah perlu kita memasukkan perkara-perkara yang kita sebut tadi seperti *court order* dalam undang-undang lain, atau menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji terlebih dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

3.47 ptg.

Puan Sopiah binti Sharif: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk bersama membahaskan rang undang-undang 2018.

Sebelum ini saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Menteri yang telah membentang berhubung dengan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar diluluskan pada bulan April 2018 adalah sebelum Pilihanraya Umum Ke-14. Setelah PRU, bertukar kerajaan baru dan menjadi salah satu manifesto kerajaan hari ini adalah untuk memansuhkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar. Yang Berhormat menyatakan bahawa tujuan

pembentangan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini adalah untuk memastikan pihak media mempunyai kebebasan menjalani proses semak dan imbang terhadap pentadbiran kerajaan seperti mana yang tertulis di dalam manifesto Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai hal di Johor. Terdapat kes pertama disiasat di bawah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 yang disiasat di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan juga seksyen 4 Akta Antiberita Tidak Benar 2018 kelihatan bertindih dari segi penguatkuasaan.

■1550

Seperkara lagi, saya amat berharap agar serangan-serangan terhadap agama dan kaum yang semakin hari menular di media sosial dapat ditangani dengan bijaksana selepas rang undang-undang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan memilih kekal dengan keputusan memansuhkan akta ini dengan jalan memperkasakan institusi kepolisan dan negara, saya berharap kerajaan juga bersedia untuk menambah baik juga satu kemahiran yang perlu ada pada institusi dengan kerjasama dan lebih terbuka daripada SKMM dalam memantau penyebaran berita-berita yang mendatangkan perasaan kecemasan di kalangan masyarakat, terutama melibatkan agama dan kaum.

Justeru, saya memohon penjelasan terperinci daripada Timbalan Menteri, pertama, bagaimanakah pengawalan terhadap berita-berita palsu yang disebar? Adakah masih lagi di bawah Akta Mesin Cetak atau Akta Komunikasi dan Multimedia serta langkah memperkasakan kedua-duanya?

Kedua, adakah kesalahan bawah seksyen 4 Akta 803 terhapus sepenuhnya atau penambahbaikannya?

Ketiga, sejauh manakah kebebasan media dan Ahli Parlimen ataupun Dewan Negara terjamin di dalam rang undang-undang ini.?

Keempat, apakah kerajaan yakin dengan akta yang sedia ada mampu membendung penularan masalah berita tidak benar, memandangkan pelaku sering sahaja mengubah modus operandi setiap masa?

Saya rasa banyak sudah kawan-kawan tadi membahaskan, jadi saya akhirilah perbahasan saya dan berharap agar penggubalan rang undang-undang ini akan dapat memberi ruang yang lebih prestasi dan mudah bagi komunikasi media, Ahli Parlimen dan juga masyarakat awam serta dapat mendidik semua dalam menyampai berita dengan penuh amanah dan berintegriti. Semoga usaha mendatangkan hasil yang positif dan dapat menjaga keharmonian negara untuk masa akan datang. Sekian, saya ambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Dipersilakan.

3.53 ptg.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, sebenarnya hari ini saya suka untuk berbahas dari sudut aspek kewartawanan dan Islam. Ini disebabkan aspek lain sudah banyak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Hari ini ledakan maklumat dan teknologi telah memberi kesan kepada dunia kewartawanan sendiri. Hari ini kita melihat dunia kewartawanan menjadi dunia yang terbuka. Selain daripada wartawan profesional dan amatur, sekarang kita juga ada wartawan berbentuk kita panggil wartawan warga, wartawan masyarakat, *collaborative journalist* iaitu wartawan berbentuk kerjasama antara profesional dan tidak profesional dan kita juga sekarang ada wartawan berbentuk *accidental journalist*, dengan izin, sebab saya tidak reti hendak terjemahkan.

Jadi maknanya sekarang, aspek kewartawanan ini telah menjadi dunia terbuka dan melibatkan orang yang ada latihan khusus berkaitan dengan wartawan ataupun tidak wartawan. Maksudnya dari sudut dunia kewartawanan, ia sudah melibatkan orang awam, bertanggungjawab untuk sama ada kita kata *share, like, forward* dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita melihat Islam sangat menitikberatkan usaha untuk membendung penyebaran berita tidak benar termasuklah berita yang bersifat fitnah ataupun manipulasi.

Berkenaan dengan perkara ini, dalam Surah An-Nisa', ayat 135, Allah telah memberikan garis panduan berkaitan dengan penyebaran berita sama ada oleh wartawan ataupun orang awam iaitu: pertama, konsep menegakkan keadilan; kedua, saksi yang menceritakan kebenaran; ketiga, dalam aspek penyebaran kebenaran ini, tidak boleh ada diskriminasi sama ada berita itu melibatkan orang kaya, miskin, kerabat, ibu bapa, anak dan sebagainya; dan keempat, dalam konsep penyebaran berita juga hendaklah jangan mengikut hawa nafsu dan berteraskan kepada kebenaran ataupun kita panggil dalam Islam hak.

Oleh itu, Islam telah menyediakan kaedah bagaimana untuk kita menapis berita dan menyebarkan berita iaitu kita panggil sebagai kaedah *tabayyun*. Dalam al-Quran disebutkan... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Antara maksudnya, sekiranya ada datangnya berita kepada kita, maka hendaklah kita menggunakan kaedah *tabayyun*. *Tabayyun* ini maksudnya,

ia adalah menjadi tanggungjawab kepada orang yang hendak menyebarkan berita, *share*, *forward*, dengan izin, dan lain-lain. Maknanya tanggungjawab dia untuk men-*tabayyun*, memastikan, *clarification* dulu sama ada berita tersebut benar ataupun tidak benar. Maknanya Islam meletakkan beban pembuktian itu terhadap orang yang bertanggungjawab menyebarkan, membuat dan sebagainya.

Seterusnya, bila cerita tentang kebenaran, kaedah yang kedua juga, Islam meletakkan kaedah hak ataupun kebenaran sebagaimana dalam Surah Al-'Asr, Allah menyebutkan, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maknanya, orang yang beriman dengan beramal soleh hendaklah dia berpesan-pesan dengan kebenaran, dengan hak. Maksudnya di sini ialah sebagai seorang yang beriman dengan beramal soleh, kebenaran ini menjadi asas kebebasan bersuara.

Apabila berita itu benar ataupun perkara yang melibatkan kebenaran, tidak ada masalah untuk menyebarkannya, untuk apa kita panggil sebagai kebebasan bersuara, asalkan berita itu tersebut benar. Maknanya dalam Islam, kita boleh tegur sama ada Perdana Menteri sebelum ini, kita juga boleh tegur Perdana Menteri sekarang atau siapa pun yang terlibat sebagaimana dalam ayat tadi, asalkan ia selaras dengan hak ataupun kebenaran.

Walaupun tadi ada juga dibangkitkan berkaitan dengan prinsip kebenaran, maknanya kita mungkin ada isu dalam isu politik berkaitan dengan prinsip kebenaran. Bagi saya orang biasa yang tidak mengerti undang-undang, kalaulah prinsip kebenaran ini ada masalah dengan rang undang-undang yang akan dimansuhkan ini, sudah pasti prinsip kebenaran ini juga akan bermasalah dengan akta-akta yang ada sedia kala. Maknanya, kebenaran ini terletak kepada bagaimana garis panduan itu kita buat untuk memastikan *clarification* kebenaran yang akan dibuat nanti.

Seterusnya, ini bermakna kebenaran bukan menekankan kepada aspek kita menyekat orang mempunyai kebebasan bersuara ataupun ada tadi disebut tentang *freedom after speech*, *freedom* dan sebagainya, tetapi kebenaran ini sebenarnya bertujuan untuk meletakkan tanggungjawab dan beban bukti yang tegas terhadap orang yang melakukan berita, menyebarkan dan sebagainya.

Seterusnya, bila bercakap tentang dunia kewartawanan juga, dalam Islam sebenarnya sangat mementingkan penyebaran dan penerimaan maklumat dibuat secara tapisan yang ketat dan ini berkait rapat dengan dunia kewartawanan Islam yang kita namakan satu ilmu iaitu *method* ilmu periwayatan hadis. Dalam konsep hadis, memang disediakan satu disiplin ilmu yang ketat bagaimana kita hendak memastikan suatu berita itu, datang sampai hari ini daripada zaman Rasulullah, mesti dengan kaedah disiplin yang berteraskan kepada kebenaran.

Oleh sebab itu mungkin kita perasan ada hadis tarafnya sahih, hasan dan daif. Maknanya, pembuktian ataupun beban untuk memastikan berita itu benar ataupun tidak benar terletak kepada penyebar ataupun dalam Islam kita panggil sebagai bapa kewartawanan Islam iaitu pakar-pakar hadis, Imam Bukhari, Muslim dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya juga ada membaca, dalam dunia kewartawanan, bila kita bercakap tentang *reporting* ini, ada satu kaedah yang sangat dekat dengan proses kita menyaring hadis dinamakan sebagai *investigative reporting*. Maknanya sebelum kita hendak membuat *reporting*, perlu ada sikap *investigative*. Oleh itu, saya melihat rang undang-undang ini sebenarnya sangat bagus untuk menyuburkan sifat *investigative reporting* dalam masyarakat terutamanya dalam dunia terbuka hari ini.

Akhir sekali, saya berpandangan bahawasanya rang undang-undang ini masih relevan dan sekiranya sebelum ini dibuat secara tergesa-gesa, apa kata diwujudkan dulu jawatankuasa sebelum memansuhkan ataupun hendak meneruskan.

■1600

Sekiranya ada kelemahan ataupun *inconsistency* berkenaan dengan undang-undang sebelum ini, harus dibuat pindaan supaya dalam dunia kewartawanan yang terbuka hari ini melibatkan orang awam, bukan orang awam, profesional dan bukan profesional, berita tidak benar, berita palsu, manipulasi berita ini dapat dikekang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

4.00 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Antiberita Tidak Benar 2018, terdapat peruntukan yang dibuat untuk meletakkan kewajipan kepada mana-mana orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan terhadap penerbitan tidak benar itu untuk menghapuskan penerbitan itu secara serta-merta. Sesiapa yang tidak melaksanakannya, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 dan denda tidak lebih dari RM3,000 sehari selepas sabitan selama kesalahan itu berterusan.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan bagi memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 dibimbangi akan memberi kesan yang tidak adil kepada mangsa

berita palsu atau tidak benar ini tidak dapat dibela dengan sepenuhnya walaupun pihak kerajaan berpandangan beberapa siri sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] sudah mencukupi dalam membanteras ancaman fitnah ataupun kelakuan negatif dalam penyebaran berita palsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kepelbagaian aplikasi media sosial dan kapasiti penggunaan teknologi digital di kalangan rakyat yang tinggi, kesan dan impak ke atas mangsa berita tidak benar akan mewujudkan persekitaran yang tidak baik dan menjejaskan reputasi atau kerugian kepada individu atau syarikat atau pertubuhan yang menjadi mangsa.

Justeru soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah persediaan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan gejala fitnah penerbitan dan penyebaran berita palsu ini dipertingkatkan penguatkuasaan perundangan dengan melakukan reformasi terhadap beberapa siri akta seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] agar pesalah yang terbabit dengan kesalahan penerbitan dan penyebaran berita palsu didakwa dan dipertanggungjawab dengan satu hukuman yang berpatutan dengan kesengsaraan mangsa.

Saya juga ingin mendapat kepastian, apakah status terhadap kes-kes yang telah disiasat di bawah Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini akan disiasat semula secara automatik dengan menggunakan akta-akta berkaitan agar mangsa yang terlibat mendapat pembelaan sewajarnya.

Saya berpandangan samalah dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak yang berucap baru sekejap tadi, sama orang Kelantan. Sepatutnya akta ini tidak dimansuhkan lagi sehingga ia benar-benar diuji di peringkat pelaksanaan dan telah ada kes-kes yang dibicarakan di mahkamah. Ini akan menjamin tahap kecekapan akta yang bakal dimansuhkan ini benar-benar efektif mengawal berita palsu. Sepatutnya akta ini dikekalkan dan beberapa pindaan dibuat bagi menyesuaikan perkembangan semasa atau trend penerbitan dan penyebaran berita palsu yang berlaku di negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

4.05 ptg.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bercakap sedikit pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pasti menerima realiti, suka ataupun tidak suka bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menubuhkan kerajaan yang baharu, mengambil alih kerajaan yang lama. Saya rasa apabila kita menubuhkan kerajaan, sudah pasti ada satu bentuk *social contract* antara rakyat dengan kerajaan.

Social contract bermakna rakyat telah memilih Pakatan Harapan untuk memerintah sebagai kerajaan baharu dan kerajaan yang baharu juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan rakyat dijaga dengan baik. Ini kerana saya mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, saya kaitkan konsep ini dahulu supaya kita jelas. Saya faham sahabat saya Yang Berhormat Chandra mengatakan tentang konsep hak asasi dan lain-lain, saya akan kaitkan supaya kita jelas, kita faham. Ini supaya saya hendak kerajaan pada hari ini jelas, tidak membuat tindakan yang merugikan rakyat.

Kita setelah memilih kerajaan, kita hendak kita mendapat lebih daripada dahulu. Kita hendak lebih senang daripada dahulu, kita hendak lebih ceria, kita hendak barang lebih murah, kita hendak kita lebih kaya dari dahulu, maka ini tanggungjawab kerajaan. Kita tidak mahu melihat apabila kita mengambil satu tindakan yang baru dan saya percaya apatah lagi tindakan itu merupakan tindakan politik yang dikatakan tadi telah termaktub dalam manifesto, kita membuat secara terburu-buru dan akhirnya yang rugi adalah kita. Orang politik tetap orang politik, itu tugas mereka. Akan tetapi orang politik di dalam konsep *social contract* mempunyai tanggungjawab yang cukup besar.

Kalau kita melihat definisi *social contract* yang biasa kita dengar yang disuarakan oleh Thomas Hobbes, John Locke dan Jean-Jacques Rousseau, saya baca sedikit supaya kita faham dan jelas iaitu apabila kerajaan baharu memerintah, tanggungjawabnya adalah besar. Kita tidak boleh buat sesuka hati. Kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kerana kita geram, kita marah, kita dendam, tidak boleh. Implikasinya adalah rakyat, apatah lagi rakyat kita berbilang kaum.

Kita merupakan negara yang *multicultural, multiracial*, cukup-cukup sensitif. Pantang kena usik sedikit, boleh berlaku macam-macam hal. Ini kerana teori ini mengatakan, "*Organized society is brought into being and invested with the right to secure mutual protection and welfare or to regulate the relations among its members whether implicit or explicit, its provides the framework for harmony in society*", dengan izin. Itu apabila kerajaan telah memenangi, yang pertama saya katakan penekanan kepada *protection* untuk rakyat, *welfare*,

harmony. Itu tanggungjawab kerajaan. Segala bentuk apa yang hendak kita lakukan mesti berdasarkan kepada konsep itu.

Saya sambung sedikit lagi konsep *social contract* ini. *Social contract theory- seeks to demonstrate why a rational individual would voluntarily consent to give up their natural freedom to obtain the benefits of political order.*

■1610

Maksud di sini saya tekankan pula, di kalangan kita, kita telah bersetuju *surrender* beberapa aspek *natural freedom*. Tadi kita bercakap tentang *freedom of speech, freedom of associations, freedom of press*, kita bercakap hak asasi, *human rights*. Akan tetapi apabila kita menubuhkan kerajaan, rakyat yang telah menerima, mengundi kerajaan baharu, kita juga mengatakan dalam konsep ini kita telah bersetuju, *consent to give up their natural freedom, natural freedom* iaitu saya hendak mulakan. Tuan Yang di-Pertua, *there is no such thing as absolute freedom*, tidak ada.

Kerajaan pada hari ini bertanggungjawab melatih, membimbing, khasnya anak-anak muda generasi baru. Generasi ini akan bersama-sama dari pelbagai kaum ini, mereka kena bersepakat, bersatu padu dan membimbing negara ke arah yang lebih baik. Maka, tanggungjawab kita orang-orang politik pada hari ini, bertanggungjawab membimbing anak-anak ini supaya mereka menjadi manusia yang betul-betul insan yang berguna untuk negara. Salah satu faktornya ialah mereka mesti bercakap benar.

Tadi saya telah dengar hujah-hujah daripada sahabat-sahabat. Hari ini kita dengan media sosial, hari ini anak kita yang kecil pun *exposed*, terbuka dengan media sosial. Hari ini mereka membaca segala-galanya, entah ya entah tidak. Apakah kita hendak benarkan? Kalau kita tidak bersikap tegas, semata-mata kita menekankan tentang konsep *freedom* dan *human rights*, apakah ini yang hendak kita lihat?

Kita bukan hendak menegah orang bercakap, kita tidak menegah, mereka boleh berkata apa sahaja. Apa yang kita tidak mahu, kita melatih budak-budak ini, anak-anak muda, generasi muda ini supaya bercakap bohong. Ini kerana bercakap tidak benar Yang Berhormat, kita bukan sahaja orang Islam, orang bukan Islam pun sama tidak menerima.

Di dalam Islam, dikatakan kita bercakap bohong ini lebih teruk kita memfitnah, lebih teruk daripada kita membunuh iaitu implikasinya memang kita tidak suka. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini dalam dunia global, cukup banyaklah contoh-contoh di mana fitnah memfitnah, berita tidak benar ini telah menular begitu teruk yang boleh menjatuhkan kerajaan.

Apa yang teruk, kerajaan jatuh tak apa, orang politik tak dapat gaji, yang teruk rakyat, bergaduh sesama sendiri, pertumpahan darah. Lebih teruk, di dunia pada hari ini yang

terjebak di dalam aspek-aspek pergaduhan melalui berita tidak benar adalah orang Islam, negara Islam. Itu yang saya hendak bangkit sekejap, saya risau. Kita tidak sedar, kita mengajar anak-anak kita supaya berbohong dan kita mengajar anak kita bersikap negatif, *destructive*.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu menerangkan dalam banyak hal di dunia ini. Contohnya, negara-negara Arab, saya masih ingat tahun lepas, dua ulama daripada Syria, seorang dari Syria, seorang dari Iraq. Kedua-dua ulama ini mengatakan bahawa, "*Malaysia satu-satunya negara Islam di dunia ini yang mengamalkan konsep freedom yang terbaik*".

Kita satu-satunya negara Islam, dia tak sebut negara lain, dia kata negara Islam sebab yang cakap daripada Syria dan Iraq. Oleh sebab mereka mengatakan Tuan Yang di-Pertua, di Iraq tengoklah, kerana fitnah berita yang tak benar menuduh Saddam Hussein mempunyai senjata, *weapon of mass destruction*, senjata pemusnah besar-besaran. Akhirnya, Saddam Hussein dibunuh oleh rakyat mereka sendiri dengan dicucuk oleh kuasa besar. Dengan begitu hina, Saddam Hussein. Hingga ke hari ini, tidak ada bukti sedikit pun bahawa Saddam Hussein terlibat dengan senjata nuklear ataupun senjata pemusnah besar-besaran. Di *Arab Spring*, satu persatu. Hari ini apa berlaku kepada Syria? Apa yang malangnya, yang menerima akibat kerana kita tidak berjaya menggunakan minda dengan rasional, kita orang Islam, minta maaf cakap. Di negara saya ini orang Melayu, kita berpecah sesama sendiri, bergaduh sesama sendiri, siapa yang akan rugi?

Saya hendak katakan, saya bukan hendak membangkang, saya setuju, kalau unsur-unsur politik saya sokong, saya tidak berfikir dari segi aspek politik. Saya sebagai seorang yang telah lama hidup, saya berfikir daripada nasib anak cucu cicit kita. Anak cucu cicit Yang Berhormat, anak cucu cicit saya sama, Melayu, Cina, India, mereka akan merupakan generasi yang baru mengambil alih negara ini. Mereka mesti dilatih dan dibimbing. Maka, apakah langkah ini merupakan langkah yang baik?

Oleh sebab itu Yang Berhormat saya risau. Saya tidak kisah, saya memikirkan kalau kerajaan hendak ambil, ambillah. Ambillah tindakan hendak mansuh dan saya tahu kita hendak mansuh hari itu sebab kumpulan Pakatan marah kepada Kerajaan Barisan Nasional sebab merasakan bahawa Barisan Nasional akan menganiaya mereka. Sepatutnya kita gunakan benda yang sama untuk memastikan puak pembangkang pada hari ini tidak boleh sesuka hati membuat berita-berita yang tidak benar.

Kita ada senjata yang kuat, saya menggalakkan dan saya sendiri menyokong yang mana tak betul, yang mana rasuah, yang mana perompak, pencuri, ambil tindakan tetapi mesti betul, jangan tipu. Jangan ke hari ini pun tidak ada bukti, kita menunggu. Kalau ada *freedom of speech* macam Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan kata tadi, saya takut *freedom after*

speech. Kita cakap sini berdegar-degar, contoh bagi sahabat saya tadi, betul tak betul saya tidak tahu, hanya seorang doktor memberi surat yang *simple* menasihatkan janganlah buat ini, buat itu, kena pula tindakan.

Kata *human rights, freedom of speech*, cakap *lagu* itu pun kena, betul ke tak betul? Dulu pada zaman BN tak disekat pun *Harakah* ataupun *Suara Keadilan*. Belum 100 hari, *Utusan Malaysia* diharamkan... [Ketawa] Betul kah tak betul, saya tak tahu. Dikatakan, tetapi kemudian Menteri itu kata tak betul pula tetapi saya rasa ada pemikiran *after speech*. Maksudnya, kalau kita cakap, kita serius, kita kena jujur kerana rakyat memerhati. Rakyat hendak tengok betul tak betul, dulu kita tuduh kawan itu jahat, kamu jangan jahat, tuduh kawan itu zalim, kamu jangan zalim, tuduh kawan itu *corrupt*, kamu jangan *corrupt*. Kamu kena telus, kena *transparent*, kena ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan di sini apa yang telah berlaku di negara-negara Arab sepatutnya merupakan satu *warning* kepada kita. Saya katakan tadi banyak negara-negara Islam cukup seronok tengok Malaysia ini tidak ada berlaku, susah hendak berlaku sebuah negara yang berbagai kaum, kita boleh hidup bersama walaupun ada masalah. Negara yang *homogeneous* sekali pun boleh bergaduh sesama sendiri, kita tidak. Mereka mengatakan kamu kekalkan perpaduan, cukup kami di negara Arab asyik bergaduh, tak ada kerja lain, bunuh membunuh, rogol merogol, cukup. Kamu orang-orang Malaysia, kamu *maintain*.

So, kita kena *maintain* iaitu sosial kontrak kerajaan baharu, kerajaan baharu kena *maintain*, bukan sahaja *maintain*, memperkukuhkan 100 kali lebih baik lagi. Saya faham ini dalam manifesto, kalau yang lain kita tidak boleh tunaikan, PTPTN itu, duit minyak pun tiada, tol pun tiada, apa ini pula kita hendak buat? Ini *backfire*. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada hari ini akan rugi kalau tolak benda ini kerana kita tidak mengajar anak kita menjadi manusia yang bercakap benar.

■1620

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakanlah bahawa *freedom of speech* penting. Akan tetapi, dalam konteks ini saya minta di pihak kerajaan berfikir balik, sama ada kita hendak teruskan mansuh atau tidak. Saya masih ingat tahun lepas, saya menghadiri satu seminar di Filipina. Seminar berkaitan dengan *human right*. So, puak-puak ada yang hentam *human right* kita tak itulah, sivil- bermacam-macam. Mereka *quote* Pakistan, saya ingat lagi pakcik dari Pakistan. Rupa lebih kurang macam saya juga, ada misai. Wakil dari Pakistan kata, "*Well, you can say what you want to say, but I would like to invite you all to come over to Pakistan and stay with us in Pakistan. Then you understand what is human right.*" [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, *it is not that simple*. Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu mengharapkan benar-benar. Saya pun, saya katakan tegas, ikhlas, saya tidak mahu melihat negara saya lagi menjadi lebih susah. Saya tidak mahu lihat anak cucu cicit saya hidup lebih teruk, bermasalah. Saya tidak mahu melihat negara ini mempunyai suasana perpaduan yang tidak mengizinkan kita bersatu.

Perpaduan di negara cukup penting, *fake news*, berita-berita palsu akan mengakibatkan perpaduan kita akan retak dan kebelakangan ini cukup banyak *fake news*. Cukup banyak *fake news*, tidak ada tindakan. Berbagai-bagai tuduhan, menuduh itu, menuduh ini, yang jadi mangsa adalah orang Melayu, orang Islam. Tidak ada apa-apa tindakan, saya tidak mahu *quote* termasuk beberapa Menteri mengeluarkan *fake news*. Saya tidak mahu *quote*. Apa tindakan? Apa tindakan? Jangan cakap sahaja. Rakyat memerhatikan, buat dulu dengan betul, ikhlas, fikir betul-betul, *study* balik, *fake news* RUU ini patut diteruskan atau dimansuhkan untuk kepentingan negara dan rakyat kita. Sekian, terima kasih.

4.22 ptg.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberikan peluang kepada saya untuk membincangkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global, ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan terlalu pantas. Ia bukan sahaja mengelirukan masyarakat, malah boleh memberi ancaman kepada terhadap keselamatan, ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Penularan berita tidak benar ini juga tidak terkecuali terhadap pemimpin tertinggi negara tanpa mengira hierarki, malah kerabat diraja di istana juga turut menjadi sasaran dalam berita palsu ini.

Ini secara jelas menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Undang-undang Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan peredaran teknologi terkini.

Tuan Yang di-Pertua, skop Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 ini luas dan eksklusif bagi menangani kesalahan-kesalahan mengenai berita tidak benar secara menyeluruh dan efektif. Justeru..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar, duduk dulu sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah Ahli Yang Berhormat yang akhir dalam perbahasan. Jikalau ada juga Ahli-ahli baharu yang hendak bahas tentang perbahasan Anti Berita Tidak Benar, boleh kemukakan nama kerana ini adalah Ahli Yang Berhormat yang akhir. Kalau sesiapa yang hendak bahas, tolong berikan nama. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih. Justeru, saya pohon pihak Kerajaan Pakatan Harapan tidak terburu-buru untuk memansuhkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar hanya semata-mata untuk membawa reformasi selepas mengambil tampuk pemerintahan negara dan juga menepati janji-janji yang dibuat sebelum PRU Ke-14. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat hendak bahas.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sebab saya tidak bersedia, tetapi..

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Atas peluang yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin kongsi sedikit pandangan, terutama sekali mengambil kira perbahasan daripada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi. Ramai yang selalu membahaskan konteks hak asasi manusia adalah konteks seolah-olah hak asasi manusia itu adalah satu perkara yang sangat baru. Hingga mengatakan seolah-olah apabila datangnya hak asasi manusia itu, seolah-olah macam satu ideologi baharu.

Padahal di dalam konteks Islam, *karamah insaniah* ini, hak kebebasan dan sebagainya itu bukan perkara baharu. Hatta, ada di dalam *Quran* dan ada juga di dalam hadis-hadis. Akan tetapi, dalam konteks yang kita bernegara ini mungkin kita ambil sehingga 1948. Ketika mana diletakkan *universal declaration of human rights*, setakat itu mudah. Kalau kita pergi ke lebih panjang, kita akan lebih kecewa lagi. Yang mewakili kita di peringkat sana, yang *non-western*nya ada dua orang. Namanya Charles Malik dan juga PS Chang. Orang Melayu tidak adapun.

Jadi hendak bahas fasal orang Melayu, budaya Melayu, adab Melayu tidak ada pun. Tidak ada orang bincang pun. Akan tetapi, mungkin kita di 2018 ini kita telah bincang tetapi dalam konteks lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah, apa mekanisme yang sesuai untuk kita uruskan perkara yang *real* ini? *Fake news* ini. Iaitu, berita palsu ini *real*. Bukan satu

perkara yang direka-reka, malah apabila dibincangkan di peringkat sekarang, hatta kewujudan *Facebook* itu sendiri pun, dibincangkan semula. Adakah dia lebih menyumbang kepada pembangunan demokrasi yang baik ataupun sebaliknya?

Sekurang-kurangnya dia ada seorang profesor, namanya Profesor Francis Suku Yama, di tempat di mana kebetulan saya menjadi *fellow* di situ, kita berbincang isu itu. Ini *real*, sebab kita bukan hendak menafikan. Jadi saya rasa memang akta ini memang sangat perlu dibincangkan. Akan tetapi, persoalannya perlu ataupun tidak itu, tidak semestinya kita ikut negara-negara yang telah buat ataupun belum buat.

Jadi, kita berada dalam konteks yang saya hujahkan ialah dalam konteks di mana kerangka budaya Malaysia seperti yang Yang Berhormat Senator katakan tadi ialah *multiracial*. Sensitivitinya di tahap mana? Adakah dengan kerangka undang-undang sekarang ini sensitivitinya sehinggakan menyebabkan perkara-perkara tersebut tidak dapat dikawal dengan baik? Atau perkara yang lain yang menyebabkan perkara tersebut tidak dapat dikawal dengan baik? Perkara rasuah, perkara politik yang keterlaluan, perkara salah guna kebebasan yang sedia ada, perkara apatah lagi sebagai pengamal undang-undang yang saya kawatir Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai apabila undang-undang sedia ada itu tidak mampu dilaksanakan dengan baik.

Hal ini sebab kebebasan kehakiman tidak ada, kebebasan *law enforcer* tidak ada, itu yang kita perlu lihat dalam konteks. Akan tetapi, yang ingin saya ketengahkan pada tengah hari ini ialah, petang ini ialah kita ada dua pilihan. Pertama ialah melihat bagaimana kebijaksanaan dasar yang kita sebagai orang bijak pandai di sini diberi peluang untuk menggubal kepada masyarakat. Pertama, adakah kita memberi kuasa untuk menentukan benar dan salah itu kepada kerajaan dan kerajaan akan memberi kuasa itu kepada pihak mahkamah dan sebagainya?

Sebagaimana yang kita tahu, perkara hendak sampai ke mahkamah sehingga hendak menjadi perintah, hendak menjadi *order* kadang-kadang lama. Kadang-kadang sehinggakan mudarat itu sudah berlaku, sudah teruk barulah kita hendak dapat perintah mahkamah. Kadang-kadang dari segi, saya boleh katakan dalam konteks e-mahkamah sekarang ini, pemfailan dalam masa enam bulan kita boleh lihat sesuatu kes itu diadili. Akan tetapi, dalam konteks ini tadi kita bincang dari segi *ex parte*. *Ex parte* mungkin lebih cepat, tetapi *ex parte* ini kadang-kadang mewujudkan ketidakadilan kerana dia adalah *unilateral*, sebelah pihak. Akan tetapi, kebenaran ini kalau diberi secara sebelah pihak, saya kawatir akan menjadi monopoli.

Jadi saya mencadangkan, sebab itu tadi kita telahan saya mengatakan bahawa, siapa yang sebenarnya dalam konteks Malaysia ini boleh menentukan benar ataupun salah berita itu dengan tahap yang lebih munasabah? Bukan *zero-sum*.

■1630

Munasabah itu, contohnya kalau di dalam kerangka di tempat-tempat lain dia buat Majlis Media itu yang dianggotai oleh bijak pandai, warga pengamal media, pengamal undang-undang, pengamal agama dan sebagainya yang mana mereka ini yang akan menentukan bahawa apakah perkara-perkara yang menjadi musibah dalam masyarakat. Contohnya kalau di Indonesia itu, perkara SARA. Perkara SARA itu apa dia? Perkara ras, perkara perkauman, perkara-perkara yang ekstrem. Jadi itu ditentukan oleh majlis medianya yang diwakili oleh masyarakat.

Akan tetapi kalau kita bagikan perkara yang sepatutnya diuruskan secara demokrasi oleh kita kepada satu institusi macam Yang Berhormat Profesor kata tadi, institusi kehakiman, kita di Dewan Negara, kita ada lagi di eksekutif tetapi kalau kita membenarkan hanya satu institusi memonopoli kebenaran itu, itu yang kita kata tadi, dengan izin, bakal berlakunya tadi itu, perkara-perkara tadi itu yang Thomas Hobbes dan Rousseau cakap, semua cakap.

Itu yang hendak cuba dielakkan mewujudkan dipanggil *limited government*. Yang membicarakan konteks ini ialah dalam konteks *limited government*. Tidak siapa pun berhujah selepas sudah 20 tahun ini mengenai tadi yang kita katakan *zero-sum*, *absolute freedom* siapa tidak bincang sudah. Siapa yang bincang mengenai *absolute freedom* ini, orang itu tidak berbincang dalam konteks- hatta Perlembagaan Malaysia pun tidak berbincang dalam konteks *absolute freedom*. Ia berbincang kebebasan yang boleh diurus secara perundangan. Ada dalam konteks lain dalam bentuk etika, *governance* dan sebagainya.

Jadi saya berhujah bahawa di tahap ini ada satu undang-undang yang bagi saya membenarkan satu monopoli kebenaran kepada satu pihak iaitu kerajaan. Itu bagi saya satu *indicator* undang-undang yang tidak baik. Undang-undang yang baik, ia tidak akan membenarkan monopoli kepada satu pihak.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan undang-undang ini perlu dimansuhkan, tarik balik dan tadi yang dicadangkan kita ambil jalan tengah mungkin satu badan lain untuk memperkenalkan satu mekanisme yang lebih baik dan mekanisme itu, Tuan Yang di-Pertua, telah pun dibawa ke satu tahap yang sudah tinggi. Saya difahamkan Majlis Media itu disokong oleh pengamal-pengamal media yang kanan sehinggakan undang-undang telah digubal di Pejabat Peguam Negara ketika itu Tan Sri Abdul Gani Patail masih ada.

Akan tetapi kerisauan, satu, adakah dia kata Majlis Media ini akan membentuk satu kawalan yang lebih ketat, *double control*? Itu isu lain, isu *governance*. Kita jangan campurkan isu *governance* dengan isu kebebasan. Ia dua perkara yang sangat secara *prerogative*-nya, secara SARA, memang berbeza.

Oleh sebab itu saya kata dalam konteks ini, mari kita lihat isu yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Senator tadi isu yang *real*. Anaknyanya kena tadi, saya simpati. Itu bagi saya satu perkara yang perlu dielakkan. Aib anaknyanya tadi itu saya kata susah hendak dipulangkan balik, hendak dibetulkan itu. Ia melibatkan keluarga dan sebagainya. Jadi biarlah kita berbincang dengan secara...

Puan Asmak binti Husin: Mohon celahan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Okey.

Puan Asmak binti Husin: Mohon celahan, Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya jiran. Saya hendak tanya pandangan kawan di sebelah ini, adakah kewujudan mekanisme yang baharu seperti *Media Council* tadi dilihat lebih berfaedah dengan kewujudan rang undang-undang ini ataupun *Media Council* itu wujud dengan tidak ada rang undang-undang ini? Maknanya mungkin boleh menjadi timbal balik di situ. Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih jiran saya. Dia dengar saya berhujah.

Pada pandangan saya, ia akan lebih sesuai dalam konteks Malaysia tanpa Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini kerana kalau tidak, Majlis Media itu tidak akan boleh berfungsi dengan baik kerana perkara itu akan dibebani dengan undang-undang ini. Jadi pada pandangan saya, lebih baik dalam konteks Malaysia baharu ini, kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator, kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Profesor dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi, saya rasa perlu diadili segala *public policy* secara kebijakan, bukan secara perundangan.

Jadi bagi saya, dengan izin, sebuah negara yang takut informasi ini ialah sebuah negara yang tidak yakin. *Any individual has no confident on information*, dengan izin, dia bukan seorang yang *confident*. Kalau dia seorang intelektual, dia seorang intelektual yang penakut. Oleh sebab itu, pemimpin yang *confident*, ia mahukan seberapa banyak informasi tetapi dari segi aspek bagaimana sebuah negara itu perlu diurus tahap privasinya, dengan izin, sebab itu ada OSA dan sebagainya. Itu ialah perbincangan lain. Itu *the extend of privacy*.

Oleh sebab itu dalam konteks ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, apa perkara yang boleh kita gunakan sebagai mekanisme untuk mengurus masalah masyarakat ini dengan tahap yang lebih sivil- *civility* bukan sehingga tahap kita menidakkan pengamal-pengamal wartawan sehingga gerak kerja mereka terbatas, sehinggakan- saya dahulu diberi peluang

dalam SPRM, sehinggakan membuat laporan kalau palsu tahap itu, ada undang-undang itu kita buat dahulu. Kalau buat laporan, kalau palsu, orang itu boleh didakwa. Sehingga sampai satu tahap orang jadi takut untuk membuat laporan. Itu implikasi undang-undang yang tidak berada di konteks yang betul.

Bayangkan hari ini ada undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar ini, cuba tanya pemberita-pemberita dekat luar, dia takut sebab dia kata pada pandangan dia, dia hanya melaporkan apa yang dia rasa tetapi perkara tersebut mungkin tidak sesuai dengan mereka yang terkena kepentingan mereka. Akan tetapi persoalannya, siapa yang boleh menentukan kepentingan-kepentingan ini agar menjadi kepentingan yang boleh diterima pakai? Jadi saya mencadangkan biarlah mereka ini diwakili oleh kelompok-kelompok kepentingan yang bagi kita mempunyai integriti, integritas di dalam masyarakat. Itu sahaja sumbangan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tahniah Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi. Silakan. Ada? Yang Berhormat hendak bahas?

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Ya, hendak bahas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kepada Ahli-ahli yang baharu, kalau hendak bahas atau hendak cakap, tolong bangunlah.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

4.36 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin terlibat dengan perbahasan ini kerana ini adalah satu perkara yang penting. Bagi saya, akta ini adalah satu bentuk akta yang saya rasa lebih mengongkong apabila kita mahu membahaskan khasnya dalam media sosial sekarang.

Sekarang ini kebanyakan daripada kita mempunyai teknologi di hujung jari khasnya apabila kita menggunakan *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Sepatutnya kita membolehkan bahawa kita semua ini adalah golongan supaya menjadi *gate keeper*, lebih bertanggungjawab dalam apa yang kita kongsi di media sosial. Apa yang saya risau adalah berkenaan undang-undang ataupun akta ini adalah ia boleh dijadikan sebagai akta yang boleh dijadikan satu bentuk intimidasi kepada mereka yang ingin membahaskan sesuatu dalam ruang cakupan media sosial sekarang.

Jadi apa yang menjadi persoalan utama dan kekusaran saya apabila melihat akta ini diluluskan sebelum ini adalah ia adalah bidang kuasa siapa yang menentukan yang benar

dan yang palsu? Apa lagi apabila kita tidak mempunyai satu bentuk undang-undang *freedom of information* dan kita tahu bahawa di negara ini banyak di antara informasi-informasi ini adalah di klasifikasi sebagai rahsia. Jadi apabila kita tidak mempunyai informasi yang lebih telus ataupun kita tidak mempunyai akses untuk informasi, jadi kita juga tidak tahu mana satu yang benar dan mana satu yang palsu. Jadi itu sebab saya rasa akta ini lebih kepada membolehkan sesuatu pihak berkuasa yang akan menentukan mana yang benar dan palsu. Jadi itu yang menjadi kebimbangan, saya rasa, dalam bentuk akta ini.

Jadi kalau boleh kita juga mahu melihat bahawa kalau undang-undang ini dihapuskan ataupun dimansuhkan, kita juga mahu melihat bahawa kerajaan baharu ini harus memberikan kesedaran terhadap masyarakat bahawa bagaimana kita harus lebih bertanggungjawab terhadap apa-apa perkongsian yang kita dapat terima melalui *WhatsApp, Facebook, Twitter* dan sebagainya. Jadikan kita semua sebagai *gate keeper* yang bertanggungjawab tentang apakah informasi yang dikongsikan.

Oleh itu, ingin bertanya soalan, adakah kalau akta ini ditarik balik, apakah peranan dan tindakan pihak kerajaan khasnya Kementerian Komunikasi untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang bagaimana kita sebagai masyarakat yang lebih bertanggungjawab untuk membendung penularan berita yang palsu?

Jadi, itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin?

■1640

4.40 ptg.

Dato' Sri Khairudin Samad: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Mengucapkan sepotong *doa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dengar banyak yang menyampaikan tadi tetapi sebelum daripada itu saya hendak minta izin mukadimah dahulu. Biar kita boleh selesai, lepas itu Yang Berhormat Menteri hendak menjawab selepas ini.

Pertama, saya rasa rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, pertama sekali kita terima hakikat bahawa *this is politic*. Dulu kita menyokong, sekarang kita membangkang. Dalam politik ini, dalam definisi politik ini- *everything is the art of impossible, the end justify the means*, dengan izin, matlamat menghalalkan cara. Jadi kita kadang-kadang, dulu kawan, hari ini lawan. Dulu lawan hari ini kawan. Dulu kerajaan hari ini pembangkang. Hari ini pembangkang, esok jadi kerajaan. Yang ini hakikat pertama yang kita kena terima.

Jadi ada yang kita bersetuju, saya dengar tadi Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah berhujah, saya dengar. Ada yang kita kena bersetuju, ada yang kita hendak tolak. Ada yang kita tidak bersetuju. Akan tetapi hakikatnya, apa yang rakyat

minta, dan saya tidak boleh hendak nyatakan di sini apa yang sebenarnya yang rakyat- bukan saya, yang kita tahu, perubahan kerajaan ada? Perubahan kerajaan sehinggakan yang menjadi pembangkang pun tidak reti hendak jadi pembangkang. Yang jadi kerajaan pun tidak reti hendak jadi kerajaan, yang ini kita kena terima dahulu hakikat.

Saya dengar ceramah-ceramah daripada Pakatan Harapan pun saya dengar. Hari ini yang Menteri duduk sebelah pembangkang sekarang ini Menteri itu pun merasakan mereka masih Menteri, yang jadi Menteri rasa masih lagi dia di dalam pembangkang. Jadi hendak berhujah, hendak berbahas bukan mudah dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi rakyat di luar pun hendak dengar apa yang sebenarnya yang kita hendak bercerita. Apa yang sebenarnya yang kita hendak bahaskan. Akan tetapi kita hendak beritahu, bahawa kita menerima, kita bukan tidak menerima dan kita tahu bahawa dalam hujah-hujah ini ada perkara-perkara yang kita sebut, yang kita tahu dan kalau boleh saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah tadi, kalau boleh tidak perlu pinda undang-undang ini, biar di situ kalau tidak bersetuju biar sahaja di situ tetapi jangan guna pakai.

Janganlah, dengan izin, *introduce* undang-undang baharu pula untuk menyekat yang lain. Ini kerana seperti kata Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff tadi kita perlu informasi. Kalau informasi ini kita sekat, pun jadi masalah. Kawan-kawan sekarang ini pandai. Dia hantar mesej *forwarded as per receive*, dengan izin, sebab dia hendak mengelak daripada undang-undang dia tidak hendak kena tangkap.

Rakan-rakan saya dalam pembangkang, bisik-bisik dekat saya, dulu kita yang buat undang-undang ini, dan kita hendak menyekat pembangkang, kononnyalah. *Its left to be seen*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Kita buat sebab kita hendak tangkap pembangkang. Kononnya pembangkang yang sebar fitnah ini, berita-berita palsu, hendak tangkap pembangkang. Tidak semena-mena kita jadi pembangkang, kita kena tangkap, yang sana hendak tangkap yang sini... [*Dewan ketawa*] Ha! Cuba kita bayangkan.

Yang Berhormat Menteri, sekarang- jadi kawan-kawan yang di dalam pembangkang sekarang ini, dia jadi takut, jadi gusar. Dulu kita yang lulus undang-undang ini, senjata makan tuan.

Ha! itu. Kalau panglima-panglima hendak faham, inilah senjata akan makan tuan. Tidak kira la SOSMA kah, apa kah. Senjata akan makan tuan, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana akhirnya itu- ini pandangan kawan-kawan kita di luar, di luar sana. Dia bisik dekat saya, dia kata, "Dato', Dato Sri tolong bahas sikitlah, cerita sedikit sebab kami pun takut."

Ini kerana mereka sekarang ini menjadi penyebar fitnah atau tidak, *left to be seen*, dengan izin. Itu kita tidak tahu. Akan tetapi ini, jadi kita jadi risau, apa benar kah sebab yang

mengarahkan polis ialah kerajaan. Dahulu mengarahkan polis ialah kerajaan, “Pergi tangkap Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah dia sebar”, contohnya.

Sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah akan bisik dekat Menteri dia, pergi tangkap Yang Berhormat Senator Dato’ Sri Khairudin Samad dia menyebarkan pula... [*Dewan ketawa*] Ha! Ini dia. Betul Tuan Yang di-Pertua.

Perkara ini kita kena terima hakikat ini. Kita kena terima. Bukan kita kata kita hendak setuju atau tidak bersetuju tetapi di dalam kehidupan kita ini, menyebarkan apa- hantar. Kadang-kadang mesej ini melainkan cerita yang lucu. Saya terima, saya hantar dekat Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, saya tidak akan hantar dekat isteri saya. Mampus, tidak balik lah malam itu... [*Dewan ketawa*]

Jadi yang lucu, yang lucu ini tidak akan fitnah. Jadi bila ada cerita-cerita fitnah. Saya difahamkan waktu taklimat hendak luluskan rang undang-undang ini dahulu. Kita diberitahu bahawa kita ada masalah sedikit dengan CNN, Al-Jazeera, Sky News dan apalagilah. Sebab mereka ini, kalau mereka masukkan berita-berita palsu jadi kita tidak boleh menyekat. Menyekat daripada berita palsu itu masuk, sebab mereka ini buat kita tidak boleh *control* sebab *base* dia di luar negara, *international news*. Jadi kita tidak boleh, sebab itu kita buat. Itu yang kita difahamkan dahulu.

Akan tetapi dalam masa yang sama, saya hendak bertanya, Kerajaan Malaysia berani kah saman CNN? Kalau tersilap saman, bankrap kita. Jangan main-main benda macam ini sebab bukan mudah.

Facebook umpamanya, bukan satu syarikat buat sos tomato kah, kan? Itu saman, samanlah dia tidak kisah. Yang ini, kalau kita hendak saman *Facebook* kah, CNN kah, Al-Jazeera kah, jangan main-main.

Jadi benda-benda yang macam ini, yang ini yang kita takut, jadi adakah betul kerajaan hendak buat ini kerana hendak membendung benda-benda yang seperti itu, ataupun kononnya dahulu kita luluskan undang-undang ini, dan apa akan jadi kemudian? Berita satu kanak-kanak umur enam tahun dijumpai mati dirogol, diliwat. Tahu-tahu tengok berita itu palsu. Macam mana hendak menyekat benda-benda yang seperti itu.

Akan tetapi oleh sebab negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini negara majmuk. Apabila negara majmuk, *multiracial*, *multi-religion* yang ini yang menjadi sensitif, kalau berita benar lain. Akan tetapi disebarkan sentuh soal agama, sentuh soal bangsa. Itu belum lagi kita cerita yang kes Raja-Raja, yang dok masuk, yang dok hentam Raja-Raja ini dan orang itu- Raja-Raja pula tidak ada apa, *list phone number* kita di dalam *handphone* dia untuk hendak jawab balik. *Dok* kena tibai. Padahal tidak ada apa benda. Contohnya.

So yang ini yang hendak bendung yang ini, yang ini kita perlu tetapi adakah kita perlu *anti-fake news* atau tidak sebab kita mungkin ada undang-undang lain yang boleh- kalau tidak ada saya rasa apa yang Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah kata itu ada kebenarannya. Daripada kita ambil keluar undang-undang ini lepas itu satu hari nanti hendak kena buat lagi satu sebab kita dapati bahawa undang-undang ini perlu, juga jadi masalah. Kalau didapati perlu- dah hendak bawa ke Dewan Negara lagi. Bila sampai ke Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kata ini berapa kali dah hendak tolak, mai balik, tolak. Ini bukan main *tug-of-war*, tarik lepas, tarik lepas.

Jadi kita kena cari satu kaedah, apakah kita perlu ada simpan di dalam peti besi, apabila perlu buka peti besi keluar baru tangkap. Ataupun kita kata, kita telah mencukupi. Undang-undang yang ada dalam negara sudah mencukupi untuk membendung *fake news*, umpamanya. Atau berita-berita yang ini- maka dengan itu kita boleh bersetuju dengan pemansuhan ini. Kalau tidak saya rasa takut. Takut nanti satu hari apabila menyentuh soal-soal yang boleh- dari segi informasi, saya setuju kerana kita tidak boleh menyekat rakyat kita, hak rakyat daripada menyebarkan informasi.

■1650

Kita hendak tahu, kadang-kadang kita mahu tahu, cuma manusia ini biasalah, daripada A ke B, kalau sudah 10 orang- dia bercerita sedikit sahaja. Dia baru cerita *accident*, kawan yang terima berita yang kesepuluh ini bukan setakat *accident* sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bila sampai kepada orang yang kesepuluh ini dia cerita *accident*, remuk, pecah muka. Itu dia. Penyampaian itu yang menjadi *fake*. Apa yang menjadi *fake* ini yang sampai ke peringkat yang kesepuluh ini, yang itu. Akan tetapi ini adalah perangai manusia. Manusia ini dia kalau satu- fasal itulah. Tidak akanlah kita hendak buat, sebarkan berita seperti hadis, "*Ini yang sah*". Maka kita pun cerita "*Ini yang sah*". Fasal itu ada kawan-kawan dia takut. Ini bukan hadis hendak sah, tak sah, riwayat ini yang sah. Dia tidak boleh buat macam itu sebab ini bukan hadis. Maka, apa yang dia sebutkan "*Forwarded as per received*".

Jadi dia mengelak daripada undang-undang. Kalau ini macam mana? Katalah saya terima berita palsu, saya takut. Berita itu betul tetapi saya takut, ini mungkin palsu. Maka, saya *forward* dekat kawan-kawan, *forwarded as per received*. Adakah kalau didapati berita itu palsu saya pun akan kena sama sebab saya letak *forwarded as per received*.

Maknanya, kena carilah siapa yang memulakan hantar mesej yang pertama itu. Orang itulah yang mula-mula sekali yang memulakan *fake news*. Akan tetapi, kadang-kadang dalam kehidupan dunia sosial yang begitu canggih sekarang ini, kita sekat sini, dia masuk sebelah sana. Kita sekat sebelah sana, dia masuk ikut sini pula. Ini semua hakikat yang kita kena

terima. Dalam alam ini, kita kena terima. Kadang-kadang kita buat apa-apa sekalipun- kalau tidak tak banyak lagi perompak dekat luar sana, yang bawa dadahlah umpamanya, yang bawa dadah masuk ke dalam negara kita ataupun proses dadah di dalam negara kita. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah lebih tahulah sebab dia di dalam bomba untuk memadam. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih. Ini untuk kebaikan kita semualah. Kefahaman saya, walaupun kita pakai *forwarded as per received* ini, di bawah *third party content* kita masih boleh didapati bersalah walaupun kita *forward* dan bukan daripada kita, tetapi daripada *third party*. Cuma untuk kebaikan kita semua, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan implikasi *forwarded as per received* daripada aspek *forwarding third party content*. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca tentang apa yang berlaku di Brazil berhubung dengan *fake news* ini. Saya baca sedikit.

Undang-undang *anti fake news* di Brazil memperuntukkan seseorang yang bersalah boleh didenda USD400 dan boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga lapan tahun sekiranya didapati bersalah mengedarkan *fake news* di *social media*. Masalah di Brazil, *this is the point*, penggubal undang-undang masih lagi membahaskan siapa yang sepatutnya dijatuhkan hukuman sebagai pesalah. *Creator* iaitu orang yang mereka *fake news*, *sharer* iaitu orang yang *share fake news* atau *content provider* iaitu orang yang menyediakan bahan *fake news*.

Jadi, saya mahu masuk dalam *Hansard* Yang Berhormat, peranan kerajaan mahu *punish* siapa, dengan izin? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mahu sambung yang ini sebelum saya hendak masuk ke situ. Saya hendak sambung yang dadah ini. Macam-macam undang-undang ada, gantung sampai mati, seumur hidup mengikut berat dadah yang kita bawa, tetapi masih lagi berlaku. Dadah, ini hari-hari tangkap sampai yang baru-baru ini sebanyak RM70 million.

Jadi, kadang-kadang bukan orang takut sangat dengan undang-undang yang ada ini. Akan tetapi kalau kita hendak balik kepada apa yang Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan sebutkan tadi, *forwarded as per received* macam Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi sebut. Bagi saya apa sahaja yang kita hendak sebut, kita sebut sahajalah, fasal hari ini ialah kita hendak bersetuju untuk memansuhkan. So, tidak payahlah *forwarded as per*

received, tidak ada lagilah. *Forwarded as per received* ini saya bercerita contoh. Akan tetapi kalau sudah dimansuhkan, tidak ada sudah undang-undang ini, tidak payahlah cerita fasal *forwarded as per received* itu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Menteri mahu menjelaskan lagi dengan panjang lebar boleh sebab kita mahu balik pada pukul 5.30 petang.

Jadi, kita boleh, kita bagi sebab hari pertama tidak akanlah hendak balik pada pukul 8 malam? Tuan Yang di-Pertua boleh? Oleh sebab kita kalau habis pada pukul 5.30 petang kita boleh baliklah. Tidak payahlah kita duduk lama-lama, besok kita bahas panjang-panjang. Saya hendak nyatakan di sini, bahawa saya bersetuju sangat, bukan tidak bersetuju ataupun saya menyokong dari segi prinsip, saya terima hakikat bahawa saya duduk di dalam *bench* pembangkang sekarang ini.

Dari segi prinsip, dulu, kawan-kawan saya yang di sebelah sana seramai enam orang itu, membangkang sahaja kami. Akan tetapi, kita membangkang di dalam Dewan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, kita bangkang dengan secara profesional. Kita berbahas dengan profesional. Kita bagi poin secara profesional walaupun kita bukanlah ahli undang-undang tetapi kita menyampaikan sebagai penggubal undang-undang kita bahas dengan profesional.

Saya menghormati rakan-rakan dulu yang keenam-enam orang yang ada di dalam Dewan ini yang dipanggil sebagai kumpulan minoriti. Jangan risau, satu hari nanti kami juga akan menjadi minoriti. Kami akan tinggal empat orang, saya pun tidak tahu Presiden Majlis Senator ini hendak berdiri dekat mana?... [*Dewan ketawa*] Jangan risau. Soal itu jangan risau.

Saya mahu sebutkan di sini bahawa hakikat itu pun saya terima kerana dalam Dewan ini, saya buat kenyataan akhbar dan rakan-rakan saya dalam Dewan ini mengangkat sumpah berbeza hari, berbeza minggu, berbeza bulan, berbeza tahun. Akan tetapi di dalam Dewan Rakyat lain, *The Lower House* ia mengangkat sumpah satu hari *block*. Selepas itu, sehingga bubar Parlimen. Manakala, di Dewan Negara, ia tidak bubar. Oleh sebab itu bila mereka semua habis naik atas pentas orang panggil, "Encik", "Datuk". Kita kalau pergi berikan ceramah, orang masih lagi panggil "Yang Berhormat Senator" Dato' Sri Khairudin akan menyampaikan ceramah, pada hari pilihan raya.

Oleh sebab kita masih lagi di dalam Dewan, masih lagi Ahli Dewan Negara. Itulah istimewanya *The Upper House* walaupun orang tidak menghormati kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sekarang ceramah fasal antiberita kah?... [*Dewan ketawa*]

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, kita ini, saya rasa okey lah. Masih lagi presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Suka atau tidak suka, akan jadi minoriti juga.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Suka tidak suka, Yang Berhormat Senator akan menjadi minoriti juga. Yang Berhormat Senator, saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ya, saya hendak gulunglah. Saya bersimpati juga dengan Tuan Yang di-Pertua kerana lama menunggu kita *dok* merepek di sini... [*Dewan ketawa*]

Jadi, saya sekali lagi mahu mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menerima hakikat tentang apa yang saya katakan tadi bahawa kita di sini lain. Kita bukan dulu kawan sekarang lawan, tidak. Kita kawan selama-lamanya. Dulu, kini dan selamanya. Moto itu yang kita pakai... [*Dewan tepuk*]

Sekian, terima kasih banyak-banyak. *Wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada setengah jam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak boleh habiskan saya mahu Yang Berhormat Menteri habiskan Akta Berita pada hari ini. Ada setengah jam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya *try*.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau perlu saya akan kemukakan usul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya ada banyak jawapan dan soalan yang diberikan kepada saya. Akan tetapi saya akan cuba menjawab apa yang saya catat sebab saya cuba- mungkin tidak pergi kepada semua persoalan yang ditimbulkan sebab saya rasa ada sesetengah itu yang bersifat *overlapping*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi saya akan cuba pergi mungkin kepada tajuk-tajuk yang besar lah ya. Seramai lebih kurang 12 orang yang telah mengemukakan perbahasan bagi rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu termasuk Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad kah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya dan beberapa orang yang telah mencelah. Saya akui ada yang memang berbahas pergi kepada rang undang-undang. Ada juga yang berbahas mungkin lari sedikit daripada perbahasan rang undang-undang.

■1700

Akan tetapi, inilah Dewan Negara yang mungkin berbeza dengan Dewan Rakyat. Saya harus akur lah.

Pertama, daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah, ada beberapa perkara yang dibangkitkan. Saya tidaklah mahu ulas panjang sebab beliau pada hakikatnya bersetuju dengan pemansuhan rang undang-undang ini. Cuma, ada beberapa perkara yang beliau minta supaya dapat jaminan dari kerajaan itu, saya rasa tentang apa yang dibangkitkan itu *insya-Allah*, saya akan cuba memastikan perkara-perkara itu akan diambil kira oleh pihak kerajaan. Cuma, ada isu yang beliau bangkitkan tentang contohnya, berkaitan dengan *Freedom of Information Act* iaitu Akta Kebebasan Maklumat yang dicadangkan supaya kalau boleh kerajaan pertimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya, saya bersetuju memang negeri telah ada. Negeri Selangor dan negeri Pulau Pinang telah mengemukakan enakmen berkaitan dengan kebebasan bermaklumat ini. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Senator, telah ada satu kelulusan Kabinet yang dibuat pada 20 Jun 2018 yang akan bersetuju untuk menggubal satu akta dipanggil *Freedom of Information Act*.

Akan tetapi, bila akan digubal ini, saya tidak boleh memberikan satu tarikh yang tepat. Cumanya, saya hendak memaklumkan bahawa tindakan telah diambil oleh Kementerian JPM di bawah undang-undang dan juga masuk dalam Kementerian yang saya ada sebahagian daripada pentadbirannya dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi, kita menunggulah.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, pihak Kerajaan Pakatan Harapan ini dari segi perundangannya ada dua aspek. Satu, kita dalam proses untuk memansuhkan ataupun meminda mana-mana undang-undang yang kita rasakan bersifat *draconian* ataupun menzalimi ataupun yang bertentangan dengan prinsip-prinsip kebebasan. Dalam masa yang sama, kita juga menggubal undang-undang yang boleh memberikan kebebasan untuk mendapatkan maklumat.

Jadi, kita *balance*. Kalau kita belajar perundangan Islam dia kata- tentang siasatan syariah dipanggil *maqasid*, dia ada sebut, satu dari segi menjaga supaya barang tidak hilang dan satu lagi kita menggalakkan pembinaan. Satu menghapuskan dan satu lagi membina. Macam itulah, lebih kurangnya. Itu dari segi *Freedom of Information Act*.

Berkaitan dengan- saya hendak lebih menekankan daripada Yang Berhormat Dato' Ong Chong Swen. Saya minta maaf kalau sebutan tidak betul. Sebab saya tidak berapa- saya tulis di sini kelam kabut. Mungkin tidak berapa tepat ya tulisan itu.

Ada beberapa perkara yang telah beliau bangkitkan, yang saya rasa saya perlu juga memberikan satu penjelasan supaya dapat difahami oleh bukan sahaja beliau tetapi juga oleh kebanyakan Yang Berhormat Senator dan juga orang di luar sana, tentang *interim measure* ataupun seksyen 7 dalam akta *fake news* ini.

Okey. Ini yang selalu digunakan oleh kebanyakan orang mengatakan bahawa akta ini adalah akta yang baik. Kita ada satu akta. Satu seksyen 7(1) yang membenarkan satu permohonan dibuat di mahkamah secara *ex parte*. *Ex parte* maksudnya secara sebelah pihak dan untuk membuang ataupun *remove* sebarang berita-berita yang dikatakan berita-berita tidak benar. Saya akui memang ada seksyen 7(1) itu. Akan tetapi, di sinilah bagi saya seksyen ini yang antara seksyen yang bermasalah. Kerana apa saya kata bermasalah? Sebab seksyen ini sebenarnya, dia hanya mendengar sebelah pihak. *Ex parte* sebelah pihak.

Dalam undang-undang sekarang, yang ada sekarang, *the existing mechanism* yang sebelum ada *anti-fake news* ini, memang ada satu undang-undang dipanggil undang-undang sivil lah. Maksudnya orang yang terlibat difitnah iaitu *agree person* dia boleh memfailkan satu permohonan di mahkamah secara *ex parte* juga. Dipanggil permohonan sama ada *interim injunction* ataupun *interlocutory injunction*. Ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua fahamlah ya sebagai seorang pengamal undang-undang.

Jadi, permohonan ini akan didengar secara *ex parte* juga. Cumanya, dalam undang-undang yang ada sekarang ini, yang belum, yang bukan *anti-fake news* ini, dia bersifat *civil in nature*, satu.

Keduanya, selepas dengar, selepas dapat perintah *ex parte* itu, mahkamah akan mendengar pula secara *inter parte* iaitu kedua-dua pihak. Dia bukan setakat *ex parte* sahaja. Dia akan ada *inter parte* juga. *Inter parte* maksudnya dua-dua pihak. Perintah *ex parte* itu ada dia punya *lifespan*, ada dia punya tempoh masa. Sekarang 21 hari. Lepas 21 hari, kalau dia tidak buat *inter parte*, dia akan terbatal dengan sendirinya. Okey, mungkin akan dihujahkan.

Dalam undang-undang ini ada juga- dalam *fake news* ada juga satu peruntukan di bawah seksyen 8 untuk kita boleh *set aside* ataupun ketepikan perintah *ex parte*, betul. Akan tetapi, itu pun seperti mana kata saudara Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tadi bahawa bila melibatkan kerajaan, yang melibatkan keselamatan negara semua, kita tidak boleh *challenge* pun. Ini adalah salah satu menunjukkan bahawa di situ ada diskriminasi. Bila melibatkan kerajaan, kita dilarang untuk membuat cabaran. Jadi, seolah-olah kita menyatakan bahawa versi kerajaan ini mesti diterima *as Gospel close*, tidak boleh langsung dipertikaikan.

Ini, saya ada pengalaman yang agak lama sebagai peguam. Ini yang selalu berlaku dalam kes-kes yang melibatkan *habeas corpus*. Kita hanya dengar sebelah pihak sahaja. Jadi, tahanan ini biasanya dia tidak dapat affidavit. Kita dapat affidavit daripada *family* dan versi penangkapan ini daripada pihak kerajaan, daripada polis sahaja dan biasanya mahkamah tidak akan pertikaikan. Akhirnya apabila tidak dipertikaikan, ini yang menyebabkan kadangkala orang yang mungkin ditahan secara tidak betul pun dianggap penahanan itu sah, tidak boleh dicabar, yang pernah berlaku pada Yang Berhormat mendiang Karpal Singh.

Saya masih ingat lagi. Dia ditahan dengan satu tuduhan yang tidak betul iaitu tuduhannya ialah dia telah berceramah pada sekian-sekian hari bulan, menghentam kerajaan, sedangkan pada hari tersebut, dia bukan berceramah. Dia berada di mahkamah. Tidak betul pun. Akan tetapi, oleh sebab permohonan dia, dibenarkan oleh mahkamah. Mahkamah telah benarkan, mahkamah bagi *habeas corpus* kepada beliau. Akan tetapi, bila dirayu kepada Mahkamah Persekutuan, Kerajaan Melayu, sebelum kes dengar, pihak kerajaan telah membuat satu pindaan kepada akta, tidak boleh pertikaikan keputusan *Minister*.

Jadi, ini contoh kezaliman. Sebab itu saya kata tadi dalam undang-undang seksyen 7 ini, kalau kita benarkan undang-undang ini, undang-undang ini tidak ada peruntukan mengenai *inter parte*. Makna, *ex parte* dengar, lepas itu kerajaan mesti- yang *best* lagi dalam seksyen 7(1) ini, sekiranya dapat perintah itu, perintah itu dianggap telah pun diserahkan. Dipanggil dalam rang undang-undang, '*demean prohibition*'- anggapan. Makna, walaupun kamu tidak serah, kamu dianggap telah serah. Itu contoh. Lepas itu, kalau sekiranya kita gagal mematuhi seksyen 7 ini, kita telah melakukan kesalahan dan kita boleh diambil tindakan. Kalau bersalah, didenda sampai RM100,000. Jadi, ini semua adalah bersifat *draconian*.

Jadi, saya balik kepada soalan tadi. Adakah kita tergesa-gesa? Sebab tergesa, kita terlambat ini. Terlambat sebenarnya. Bukan tergesa-gesa, terlambat. Masa gubal ya tergesa-gesa. Masa hendak batal ini, kita agak terlambat. Bukan tergesa-gesa. Patutnya hari ini kita perintah, besok kita sudah batalkan, tetapi kita terlambat. Hah, saya hendak kata. Sebab apa saya kata yang hendak- apabila undang-undang ini memang sudah sedia ada, tidak betul, buat apalah kita hendak minta lagi, tanya orang kenapa.

Masa kita menentang itu, kami bagi- saya masa itu pembangkang. Saya telah berhujah dengan penuh hujahlah. Dengan kata orang itu, bagi hujah-hujah yang daripada segi perundangan- saya, Yang Berhormat daripada Puchong, saya masih ingat masa itu, Yang Berhormat masa itu daripada Padang Serai, seorang peguam.

Kami, tiga orang ini, tiga-tiga peguam yang biasa buat kes-kes mahkamah. Kami telah berhujah, kenapa undang-undang ini tidak seharusnya dibuat dan kami telah mencadangkan pergi kepada apa yang dipanggil *Select Committee* ataupun Jawatankuasa Pemilihan untuk

dibincangkan. Ketika itu kerajaan tidak mahu dengar. Baru-baru ini dalam Dewan Rakyat, ada cadangan supaya kalau boleh kenapa kita tidak bawa rang undang-undang pemansuhan ini ke *Select Committee*. Lah, sekarang pula diminta bawa ke *Select Committee*. Masa itu kami cadang, dia tidak mahu dengar. Ini saya hendak bagi contoh. Macam mana perbezaan kami dengan pihak kerajaan dahulu.

Jadi, saya hendak terangkan bahawa seksyen 7 itu sebenarnya- walaupun saya akuih seksyen 7 ini ada dia punya kebaikannya tetapi ia bersifat *draconian*. Sebab itu bagi saya, kalau sekiranya- okey, mungkin kita boleh hujahkan kalau kita hendak pakai undang-undang sivil ini, minta *interlocutory injunction*, dia mungkin memerlukan kos. Ini saya boleh terima kalau sekiranya hujah itu kata melibatkan kos dan agak mungkin menyebabkan orang-orang yang mungkin ada jadi mangsa, dia mungkin tidak berupaya untuk membayar peguam dan akhirnya tidak dapat mendapat pembelaan. Itu saya boleh terima.

■1710

So, sekiranya ada kelemahan di situ, kita boleh meminda. Oleh sebab itu kami kata, undang-undang sedia ada iaitu seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, akta sedia ada itu sudah cukup untuk kita gunakan. Kalau ada kelemahan undang-undang itu, bukan kita dengan membuat undang-undang baharu tetapi kita meminda undang-undang yang sedia ada bagi memperkasa undang-undang itu.

Keduanya, saya hendak beritahu kepada semua Yang Berhormat Senator bahawa dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan undang-undang ini, ia tidak boleh hanya melihat pada undang-undang itu sahaja. Kita kena melihat dari segi sudut yang lebih holistik, termasuk juga *empowerment of police*, *empowerment of* agensi-agensi penyiasatan. Oleh sebab itu, saya telah mencadangkan supaya teknologi terbaru mesti digunakan. Kerajaan mesti sanggup habiskan wang yang mungkin banyak pun, tidak apa, untuk memperkasakan agensi penyiasatan. Kalau ada teknologi baharu, mesti diperkenalkan seperti mana kita lihat rancangan televisyen, CSI kan? Itu satu teknologi bagaimana mereka menyiasat. Yang itu kita boleh gunakan di peringkat di negara kita.

Saya beberapa kali dalam masa di Dewan Rakyat telah mencadangkan supaya kerajaan mesti memikirkan dengan serius supaya mempertingkatkan penyiasatan, teknik penyiasatan.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta hendak *clarify*, satu sahaja. Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi sebut banyak mengulangi secara retrospektif apa cadangan Yang Berhormat Menteri sewaktu menjadi pembangkang dahulu. Hari ini Yang Berhormat Menteri sudah bergelar kerajaan. Sebagai

contoh, siasatan hendak diberi teknologi baharu, apa kata cadangan itu *spot* sahaja, Yang Berhormat Menteri? Minta *clarify*. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Saya hendak beritahu bahawa cadangan ini- masa hari itu cadangan, sekarang ini kita tidak di peringkat cadanganlah tetapi takkan lah hendak buat itu, tekan, terus buat. Ia ada juga proses-prosesnya kan? Hendak buat macam mana, duit kita pun sudah banyak hilang.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tidak. Yang Berhormat Menteri tadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jangan buka.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, bukan. Saya minta *clarify*, bila Yang Berhormat Menteri sebut begitu, bermakna Yang Berhormat Menteri memberi harapan kepada rakyat bahawa kerajaan pada hari ini berusaha untuk menambah baik. Jadi, kalau boleh, maklumkan apakah itu sebenarnya agenda atau semata-mata hendak menjawab atau berbahas di Dewan Negara?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, itu memang agenda kita. Saya sebagai Menteri yang menjaga bahagian perundangan, saya akan memastikan segala apa yang saya cakap di sini saya akan cadangkan supaya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Saya percaya...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi pada masa sekarang Yang Berhormat Menteri cakap duit sudah hilang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya bersifat terbuka dalam hal ini. Saya percaya beliau akan mengambil kira. *Of course* lah ia tertakluk pada kemampuan kewangan kita. Jadi, kita sekarang ini sedang proses cara hendak dapat duit balik. Saya kata memang kena- mungkin *the first two years* ini kita dalam proses membersihkan dahulu. Lepas itu baru buat pembinaan, membina negara balik. Oleh sebab kita terlalu banyak- ini saya terpaksa cakap, minta maaf lah. Terlalu banyak kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini yang menjejaskan kemampuan kewangan kita. Ini kita terpaksa akui walaupun pahit.

Okey, seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang isu yang dibangkitkan oleh pihak yang berbahas tadi. Saya minta maaf kalau tidak mengikut urutan kerana sesetengah yang saya kata tadi *overlapping*.

Tadi saya ada terang contoh *fake news* ini berkaitan dengan yang berlaku di Pontian. Apabila sebuah Pasaraya Econsave di Pontian telah diserbu oleh orang ramai kerana dikhabarkan Yang Mulia Tengku Mahkota Johor akan sudi membelanjakan ataupun membayar segala wang yang berkaitan dengan *shopping* di situ, bagi saya, ya lah memang

saya akui kalau ada elemen-elemen yang tidak betul itu, ia menyebabkan berlakunya satu keadaan yang tidak sepatutnya berlaku.

Akan tetapi di situ juga daripada sudut lain kita lihat inilah menunjukkan betapa teruknya rakyat, sampai bila mereka tengok ada orang-orang hendak bantu, mereka akan serbu. Bermakna, pada ketika itu rakyat dalam keadaan begitu susah, rakyat sudah susah, dengar ada orang hendak beri percuma, memang rakyat serbu. Ini tidak boleh salahkan rakyat. Bagi saya ini bukan salah berita palsu. Ini kesalahan kita kerana kita telah mewujudkan keadaan yang menyebabkan rakyat begitu susah dan rakyat bila dengar ada orang hendak bayar *free*, dia ramai-ramai hendak menuju ke sana untuk dapatkan bantuan percuma.

Saya tahu sangat sebab saya sebagai Ahli Parlimen...

Dato' Ong Chong Swen: Saya minta. Boleh saya cerita? Saya tak ingat itu kehidupan susah, *but is the greed of most people*. Kalau ada percuma bila-bila, kalau hari raya Cina kata ada angpau, *you* tengok beratus-ratus orang berbaris. *It is not just the* kehidupan susah. *It is a human character of getting free.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Kalau dalam Islam dipanggil... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Maknanya, kalau tidak susah pun orang sudah ramai, kalau susah lagi lah. Nampak tidak? Yang itu. Tidak susah pun orang sudah ramai, kalau susah lagi lah ramai. Jadi, itu yang dipanggil... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Maknanya, dalam Islam ia katakan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Antara maksudnya, jangan lah kamu berkata 'ah' pada ibu bapa kamu". Makna kata 'ah' pun tidak boleh, bantai, pukul lagi tidak boleh.

Jadi, itulah. Jadi, saya harap Yang Berhormat Senator boleh faham. Bila orang susah ini, kadang-kadang dia boleh sanggup jual anak dan sebagainya. Jadi, kalau setakat serbu ini, bagi orang, ini benda kecil lah.

Seterusnya juga, saya hendak sambung daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah 'Fahriyah'.

Tuan Yang di-Pertua: Fahriyah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Fahriyah. Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, sesetengah nama ini mungkin saya sebut tidak betul sebab saya pertama kali dapat berjumpa dengan Yang Berhormat Senator di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Beliau telah membangkitkan banyak isu juga. Saya rasa sesetengah isu itu bagi saya satu isu yang memang *justified* dan juga saya boleh terima. Saya tidak katalah isu-isu itu adalah isu-isu yang remeh. Saya ingin menyatakan

bahawa segala yang dibangkitkan itu, kalau yang boleh kita pertimbangkan, kita akan pertimbangkan. Sesetengahnya memang saya nampak memang agak *overlapping*.

Contohnya, tentang seksyen 71 tadi, *interim order*. Bagi saya, saya ingin mencadangkan- saya akan mempertimbangkan mungkin nanti selepas ini mungkin *interim order* ini kita boleh juga pertimbangkan untuk dimasukkan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia. Sebab, sekarang ini kita hanya ada dalam peruntukkan sivil sahaja. Sekarang *anti-fake news* ini ada tetapi saya rasa kerajaan pun dalam proses hendak meminda juga Akta Komunikasi dan Multimedia. Mungkin antara perkara yang kita boleh masukkan ialah tentang *interim order* ini yang kita boleh masukkan untuk memastikan supaya rakyat boleh juga mendapatkan *recourse* ataupun *remedy* di mahkamah tanpa mengeluarkan kos ataupun membelanjakan wang. Jadi, ini adalah satu perkara yang saya rasa kita boleh pertimbangkan.

Akan tetapi kita akan mungkin memastikan *interim order* itu prosesnya lebih bersifat lebih adil dan, dengan izin, *fair*. Sebab, dalam undang-undang ini ada dua. Satu, dipanggil keadilan, satu lagi proses. Satu, membuat keputusan, satu lagi *decision making process*, itu juga kena adil. Oleh sebab itu dalam undang-undang, *judicial review* ini ia lihat kepada proses buat keputusan itu. Bukan sahaja keputusan tetapi proses buat keputusan.

Apa yang menariknya- saya hendak kongsi di sini. Ada seorang hakim Amerika kata, proses buat keputusan ini telah diikuti oleh- disebut dalam al-Quran. Dalam al-Quran kalau kita lihat, kenapa Nabi Adam dihalau daripada syurga? Ini hakim Amerika, bukan Islam. Dia kata, sebab Allah dah bagi *reason*. Dalam undang-undang, ia kata *one of the principal of fairness* ini ialah kita mesti bagi alasan kenapa kita membuat keputusan- *fairness to the decision*. Kena beri *reason*. Jadi, *reason* nya ialah dia makan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Janganlah kamu dekati pokok itu. Itu alasannya. Bila dia dekati pokok itu, dia makan buah khuldi, dia dihalau. Jadi, ia ada alasan. Maknanya, bukan setakat dihalau sahaja tetapi alasan. Itu adalah *basis of fairness* atau *justice*.

Jadi, kalau dalam undang-undang pun kalau kita hendak buat satu *interim order*, proses itu mesti adil. Maknanya, dua-dua pihak dengar. Saya jawab pada- dan terus saya kaitkan dengan Yang Berhormat daripada PAS tadi iaitu Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin tadi, dia kata tentang perlunya kita bersifat adil, Islam bersifat *tabayyun*. Itu saya akui...

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Boleh.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas keprihatinan tentang apa yang telah yang saya

bawakan. Mungkin saya mohon penjelasan sedikit, *elaboration a bit more from* Yang Berhormat Menteri. Berapa lama kah rang undang-undang yang disebutkan tadi akan dipinda? Sebab, memandangkan rang undang-undang ini akan dimansuhkan, maka pastinya dalam tempoh antara rang undang-undang yang hendak dipinda dan dimansuhkan ini akan ada kes-kes ataupun perkara-perkara yang melibatkan berita tidak benar ini

■1720

So, maka saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan dan agak-agaknya berapa lama kah tempoh sehingga akta baru atau akta yang sedia ada ini akan digubal bersesuaian dengan perkara yang dibangkitkan tadi, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya hendak bagi tahu memang saya tidak boleh hendak bagi *commit* kepada masa. Itu mungkin keputusan nanti perlu ke bawa ke Kabinet dan sebagainya. Saya tidak ada- kata orang *I'm not privy to that*. So, saya tidak boleh hendak bagi satu jaminan masa.

Akan tetapi, saya hendak bagi tahu bahawa walaupun kita mungkin- apabila kita mansuhkan akta ini, bukan bermakna kita *condone*, dengan izin, berita-berita palsu ini. Undang-undang sedia ada sebenarnya sudah cukup sudah boleh.

Saya hendak bagi contoh, tengok dalam undang-undang ini. Tadi saya kata seksyen 499, *defamation*, ini bukan sahaja *civil, criminal defamation*. Saya pernah mewakili Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang didakwa di bawah seksyen 499, seksyen 500 di atas kesalahan menuduh, memfitnah orang mati, bukan orang hidup- orang mati. Undang-undang ini punyalah hebat, kalau fitnah orang mati pun dia boleh didakwa. Walaupun dalam kes itu pun dia kalahlah, kerajaan kalahlah sebab kerajaan salah caj sebab kerajaan tidak *incorporate the element* dalam seksyen 499. Akan tetapi, saya hendak kata bahawa undang-undang *criminal defamation* ini ia boleh sampai kita boleh *protect even the dignity of* orang mati dan juga saudara mereka. Jadi undang-undang ini dah begitu ini- begitu juga dengan undang-undang yang berkaitan dengan Akta Mesin Cetak.

Walaupun saya akuilah mesin cetak ini mungkin juga dalam proses untuk kita hendak *review* atau mungkin kita hendak akan dimansuhkan tetapi selagi mana belum dimansuhkan undang-undang yang sedia ada ini sudah ada perkataan *false* pun ada. *Clear* sudah, sudah boleh gunakan. Maknanya *pending* untuk kita sementara kita hendak pinda undang-undang ini, rakyat yang rasa mereka difitnah dan sebagainya boleh mengambil jalan iaitu dengan membuat laporan polis untuk disiasat di bawah undang-undang yang sedia ada.

Akta Multimedia juga sama, ada undang-undangnya seksyen 211 dan sebagainya, 223. Jadi ini semua adalah *clear* termasuklah Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin kata berita mengenai- dia kata kalau sebar berita fitnah tidak apa tapi sebar benda lucah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin sebenarnya berita lucu lagilah tidak boleh [*Ketawa*] Kalau tadi berita tidak benarkan.

Saya bagi contoh berita lucu kenapa tidak boleh. Ada peruntukan sebenarnya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin mungkin Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin tidak biasa, tidak tahulah tapi saya hendak bacakan. Antaranya ialah berkaitan dengan seksyen yang melibatkan seksyen 211, "*Prohibition on provision of offensive content*" iaitu kandungan yang bersifat *offensive*. Termasuk dalam *offensive* ini ialah *false, obscene- obscene* itu lucu lah Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. So, lepas ini jangan kata *forwarded as per received* ya, itu bahaya [*Ketawa*]

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat Menteri maksud saya tadi kalau saya hantar dekat isteri saya ataupun lucu ini kalau yang daripada pornografi itu sebab ia akta lain...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Sri, tadi cakap hantar pada Dato' Suhaimi... [*Dewan ketawa*]

Dato' Sri Khairudin Samad: Hantar dekat Dato' Suhaimi okey, dia tidak cerita dekat orang. Saya kalau hantar dekat isteri masalah. Saya kata pornografi tapi kalau satu *act* yang dicuri, diambil orang dan disebar. Yang itu mungkin salah, bukan sahaja salah dari segi ini- mungkin akta lucu itu yang ini. Maksud saya tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tadi Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan pun bangkit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, saya tahu beliau mungkin bergurau. Akan tetapi sebenarnya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bahawa kalau kandungan yang bersifat lucu ini walaupun kita tidak hantar bukan kepada isteri kita pun, hantar kepada orang lain pun, walaupun orang itu mungkin tidak baca, sudah salah. Itu sebab jangan. Ia salah dua, satu salah undang-undang, satu salah dengan- sebab malaikat nampak walaupun kita tidak nampak. Jadi salah dua, salah dari segi agama, salah dari segi undang-undang. Jangan ingat walaupun Yang Berhormat Dato' Suhaimi tidak baca, ini dua-dua ini dia pakatlah tapi maknanya tetap salah.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sama sekalilah, lucu tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua tahulah, sebagai seorang pengamal undang-undang dia tahu. Jadi kena berhati-hati. Jadi saya rasa beliau bergurau tapi saya hendak katakan kena berhati-hati jugalah.

Tentang Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi berkaitan dengan *tabbayun*. Saya akui memang betul, saya tidak tahulah tadi saya dengar dia baca macam... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Saya rasa bukan, kalau saya salah dengar saya minta maaf sebenarnya...

[Berucap dalam bahasa Arab] Bukan... [Berucap dalam bahasa Arab] [Membaca sepotong ayat Al-Quran] surah Al Hujurat ayat enam.

Okey, *tabbayun* itu betul sebab itu bagi saya untuk *tabbayun* ini kita mesti ada dengar dua-dua pihak. Yang ini kita tidak setuju dengan seksyen 7 ini sebab dia dengar sebelah pihak sahaja *ex parte*. Ini saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak untuk lihat sebuah hadis, saya tidak ada dia punya matannya tapi saya ingat masa belajar syariah dulu hadis ini adalah hadis daripada Rasulullah, nasihatkan Sayidina Ali r.a ketika dihantar ke Yaman untuk jadi seorang hakim.

Hadis ini adalah prinsip dipanggil dalam prinsip undang-undang *audi alteram partem*, *hear both side*, kita dengar dua-dua *side*. Ini adalah prinsip yang diambil dalam perundangan Islam. Saya ulang *audi alteram partem*, ini bahasa Latinlah. Tidak apa kalau tidak tahu pun, tidak tahu pun tidak masuk neraka. Jangan takut [Ketawa]

Jadi *audi alteram partem* ini kita dengar dengan jelas. Maknanya *natural justice*, *we have to hear both side*. Jadi sekarang ini apabila kita *ex parte* kita dengar satu pihak sahaja. Pihak ini mungkin maklumat yang dia bagi itu mungkin tidak sepenuhnya betul. Akan tetapi, kalau kita dengar dua-dua belah pihak, baru hakim dengar baru betul. Sebab itu kata Rasulullah kepada Sayidina Ali r.a, jangan kamu buat keputusan kecuali kamu dengar kedua-dua pihak. Oleh sebab itu dalam Islam- betul, saya setuju dengan apa dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak tadi berkaitan dengan...

Puan Asmak binti Husin: Saya mohon betul, Muaz bin Jabal kan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Muaz Jabal lain. Itu ada, itu lain. Benda ini saya tahu sangat sebab saya belajar ilmu syariah. Jadi bukan saya kata- Muaz Jabal betul. Itu fasal dia dilantik... [Membaca sepotong hadis] Dengan apa kamu hukum, pertama dengan Al-Quran, itu ada. Akan tetapi, hadis lain ada juga. Jangan ingat satu hadis sahaja, ada hadis lain juga. Yusmadi kena betul, Yusmadi pelajar UIA itu, kawan saya itu.

Okey, saya hendak terang tadi. Tentang apa yang dikatakan tadi yang saya kata kedua-dua pihak itu sebab itu dalam ilmu hadis itu ia panggil ilmu sanad, ada ilmu isnad... [Berucap dalam bahasa Arab] Kata Abdullah ibn Mubarak... [Berucap dalam bahasa Arab] *Isnad* daripada agama... [Berucap dalam bahasa Arab] kalau tidak ada *isnad* ini orang semua akan bercakap. Oleh sebab itu dalam- orang bercakap dan siapa bercakap apa pun. Sebab itu dalam Islam ada *isnad* konsep *isnad* ini adalah konsep ada perawi supaya berita itu betul sebab itu dalam hadis itu ia ada ilmu... [Berucap dalam bahasa Arab] Ini ustaz kita boleh terangkan nantilah.

Jadi ini menunjukkan betapa Islam begitu teliti dari segi berita yang hendak disampaikan mesti betul. Sebab itu tidak boleh ada hadis *maudhu*. Akan tetapi, dalam Islam

ini *dhaif* bukan terus tolak. *Dhaif* ini maknanya kalau kita bagi gred ibarat 'D' tapi boleh pakai lagi bukan bermakna tidak boleh pakai langsung. Akan tetapi, kalau *maudhu* tidak boleh pakai langsunglah. Jadi mungkin *anti-fake news* ini mungkin masuk dalam benda-benda yang *maudhu*.

Jadi saya hendak katakan yang hujah daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak itu betul berkaitan dengan perlunya kita *tabbayun*. Akan tetapi, sebenarnya prinsip *tabayyun* itu mesti dilanjutkan lagi iaitu dengan kita dengar kedua-dua pihak. Oleh sebab itu saya kata tadi seksyen 7 ini kalau berdasarkan undang-undang sekarang ini ia tidak mendatangkan keadilan malahan ia mungkin menjadi instrumen kepada kezaliman.

Oleh sebab itu kita kena betul-betul memahami sesebuah undang-undang ini sebelum kita hendak katakan benda ini betul, tidak betul, sokong atau tidak sokong. Saya sebenarnya *anti-fake news* ini saya akui memang *fake news* satu benda yang kita tidak setuju, tidak ada mana-mana. Saya juga akui bahawa dalam mana-mana negara, mana-mana orang pun tidak pernah pun hendak *claim absolute freedom*, tadi dikatakan oleh Tan Sri- ada beberapa orang kata.

Saya rasa tidak ada orang yang *claim* yang akan minta *absolute freedom* sebab *absolute freedom* ini orang kata- kalau dalam bahasa Inggeris, *contradiction in terms* sebab itu dalam undang-undang ia kata, *there are no such thing as absolute discretion* sebab *absolute discretion* ini *contradiction in terms* sebab kita *absolute* maknanya mutlak, tidak boleh. Mana ada orang akan *claim freedom* yang bersifat mutlak, tidak boleh. Kita hendak makan kebebasan mutlak, maknanya makan apa sahaja akan merosakkan kita.

Sebab itu *freedom* ini *nature* dia adalah bersifat *restricted*, ia bersifat agak *limited* sebab itu dalam undang-undang, kalau dalam Perlembagaan ia dipanggil bukan sahaja Perlembagaan, bukan *constitutional*, *constitutionalism*, maknanya *limited government*. Ini Yang Berhormat Tuan Yusmadi mungkin fahamlah. *Constitutionalism* ini maknanya kita hendak- kita bukan sahaja setakat belajar undang-undang, Perlembagaan. Kita juga belajar *constitutionalism*. Saya tidak hendak syarah fasal benda ini nanti panjang pulakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Timbalan Menteri. Sila duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, sudah habis masa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 28 Ogos 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]